

**PADANAN KATA KERJA BAHASA JERMAN: SATU ANALISIS
KETEPATANNYA KE ATAS MAKNA AYAT**

SITI SALEHA BINTI SANUSI

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA BAHASA MODEN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

**PADANAN KATA KERJA BAHASA JERMAN: SATU ANALISIS
KETEPATANNYA KE ATAS MAKNA AYAT**

SITI SALEHA BINTI SANUSI

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA BAHASA MODEN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **SITI SALEHA BINTI SANUSI**

No. Pendaftaran/Matrik: **TGA070022**

Nama Ijazah: **Sarjana Pengajian Bahasa Moden**

Tajuk ~~Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis~~ (“Hasil Kerja ini”):

Padanan Kata Kerja Bahasa Jerman: Satu Analisis Ketepatannya Ke Atas Makna Ayat

Bidang Penyelidikan: **Semantik**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon:

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi:

Tarikh:

Nama: **Dr. Sakina Sahuri binti Suffian Sahuri**

Jawatan: **Penyelia / Pensyarah**

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat ketepatan penggunaan kata kerja bahasa Jerman dalam pembentukan ayat. Dalam kajian ini, empat kategori kata kerja telah dipilih untuk dianalisis iaitu Kata Kerja Nalar, Kata Kerja Tidak Nalar, Kata Kerja Terpisah dan Kata Kerja Tidak Terpisah. Kesemua kata kerja yang dipilih merupakan kata yang diberi penekanan khusus dalam pembelajaran bahasa Jerman. Tumpuan kajian ialah untuk melihat ciri-ciri kesinoniman antara kata kerja yang digunakan responden dengan padanan kata kerja yang sepatutnya serta meninjau implikasi ketidatepatan padanan kata kerja tersebut ke atas pembentukan makna ayat.

Untuk memenuhi objektif di atas, pengkaji telah membuat satu analisis terhadap ketepatan kata kerja bahasa Jerman berdasarkan 720 ayat yang diperoleh daripada 15 buah skrip VCD pelajar-pelajar bahasa Jerman Asas (Tahap Tiga) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam. Penghuraian setiap kata kerja adalah berdasarkan ketepatan maknanya dalam konteks penggunaan. Ayat-ayat yang menggunakan kata kerja yang dikenal pasti tidak menepati makna konteks dihuraikan menggunakan kaedah kualitatif yang berorientasikan linguistik deskriptif. Kaedah kualitatif dijalankan dengan menggunakan jadual yang telah diubahsuai dari Teori Analisis Komponen Makna yang diutarakan oleh Kempson (1991) dan Loebner (2002) bagi menjelaskan ciri-ciri kesinoniman yang wujud pada setiap kata yang digunakan dengan padanan yang sepatutnya.

Kajian ini telah mendapati bahawa daripada jumlah keseluruhan iaitu sebanyak 27 kata kerja yang dianalisis, 8 padanan kata adalah bersifat sinonim dengan kata kerja yang digunakan oleh responden. Ini jelas menunjukkan bahawa pilihan padanan setiap kata adalah berdasarkan

ketepatannya dalam konteks ayat. Walaupun kebanyakan padanan memiliki sifat sinonim dengan kata yang digunakan, namun bagi Kata Kerja Tidak Terpisah (KKTT), jumlah yang diperoleh menunjukkan bahawa hanya kata kerja tersebut tidak memiliki ciri-ciri sinonim dengan padanan kata kerja yang sepatutnya.


ABSTRACT

The aim of this research is to study the accuracy of the use of German verbs in the formation of sentences. In this study, four categories of German verbs: regular verbs, irregular verbs, separable verbs and inseparable verbs were analysed. The verbs selected are those which are given specific emphasis in German language learning. The focus of this study is to examine the synonymous features of the verbs used by the respondents and the actual verbs which should be used as well as to identify the implications of the use of inaccurate equivalent verbs in the formation of sentence meaning.

To fulfil the objectives of the study, an analysis of the accuracy of German verbs in 720 sentences obtained from 15 VCD scripts prepared by students studying Basic German (Level Three) Mara University of Technology (UiTM) was conducted. The verbs are described based on the accuracy of meaning in their context of use. Sentences which are identified as having inaccurate verbs are described using a qualitative method which is descriptive linguistics in orientation. This qualitative method is based on a modified schedule of the Componential Analysis Theory by Kempson (1991) and Loebner (2002) to describe the synonymous features shared between the words used with the actual words.

The findings show that from 27 verbs analysed, 8 equivalents are synonymous with the verbs used by the respondents. This shows that the equivalents were chosen based on their accuracy in their contexts. Although most of the equivalents have synonymous features with the verbs used, the inseparable verbs chosen by the respondents show that they are not synonymous with the actual verbs.

PENGHARGAAN



Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya akhirnya tesis master ini dapat disiapkan sepenuhnya pada masa yang ditetapkan. Tanpa izin-Nya kajian ini tidak mungkin berjalan dengan lancar dan dapat disiapkan dengan jayanya.

Pertama sekali, sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr. Sakina Sahuri bt. Suffian Sahuri selaku penyelia tesis yang telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat tanpa berasa jemu di samping sentiasa memperbaiki kelemahan dalam kajian yang dibuat dari semasa ke semasa sehingga saya berjaya menyempurnakan kajian ini. Juga tidak lupa kepada Pn.Khatijah bt. Samsudin yang pernah menyelia saya sebelum ini kerana sudi membantu dan memberi tunjuk ajar walaupun hanya untuk seketika.

Saya juga bersyukur dan berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi kata-kata semangat dan banyak membantu tidak kira di waktu senang atau susah. Segala jasa dan budi kalian akan dikenang dan akan tetap terpahat dalam ingatan. Ribuan penghargaan yang tidak terhingga juga buat suami tercinta Aznor Zamhuri bin Adli serta anak-anak yang disayangi Safuan Danial dan Aqasha Ziqri atas sokongan dan semangat yang diberikan kepada saya dalam usaha untuk menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada ibu, Tusiah @ Jainah bt. Sa'ari dan Allahyarham bapa, Sanusi bin Nirman yang selama ini banyak mendoakan serta memberikan sokongan dan dorongan untuk saya meneruskan perjuangan sehingga berjaya.

ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Perakuan	ii
Abstrak	iii
Abstract	v
Penghargaan	vi
Isi Kandungan	vii
Senarai Singkatan	xiii
Senarai Rajah	xiv
Senarai Jadual	xv

BAB 1: PENGENALAN

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	4
1.1.1 Pengenalan Tentang Bahasa Jerman	4
1.1.2 Pengajaran Bahasa Jerman sebagai Bahasa Asing di Malaysia	5
1.1.3 Pengajaran Bahasa Jerman di Universiti Teknologi Mara (UiTM)	8
1.1.4 Pendekatan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Jerman	9
1.1.5 Masalah Yang Dihadapi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Jerman	12

1.2	Pernyataan Masalah	14
1.3	Objektif Kajian	16
1.4	Persoalan Kajian	16
1.5	Kepentingan Kajian	17
1.6	Batasan Kajian	18
1.7	Definisi Konsep	20
	1.7.1 Konsep Padanan	20
	1.7.2 Ketepatan Padanan Kata	22

BAB 2: SOROTAN KAJIAN

2.0	Pendahuluan	24
2.1	Ciri-ciri Kata Kerja Bahasa Melayu dan Jerman	25
2.2	Aspek-aspek Yang Mempengaruhi Konjugasi Kata Kerja Bahasa Jerman	27
	2.2.1 Kesesuaian Antara Kata Nama dan Kata Kerja	27
	2.2.2 Perubahan Kata Kerja Berdasarkan Genus (<i>Gender</i>)	29
	2.2.3 Perubahan Kata Kerja Berdasarkan Bilangan (<i>Numerus</i>)	32
	2.2.4 Kedudukan (<i>Position</i>)	34
2.3	Pengkategorian Kata Kerja Bahasa Jerman	34
	2.3.1 <i>Regulare Verben</i> (Kata Kerja Nalar / Beraturan)	34
	2.3.2 <i>Unregulare Verben</i> (Kata Kerja Tidak Nalar / Tidak Beraturan)	36
	2.3.3 <i>Trennbare Verben</i> (Kata Kerja Terpisah)	39
	2.3.4 <i>Untrennbare Verben</i> (Kata Kerja Tidak Terpisah)	40

2.4 Aspek-aspek Yang Mempengaruhi Pembentukan Ayat Bahasa Jerman	41
2.4.1 Kedudukan Kata Kerja Nalar (KKN) Dalam Pembentukan Ayat	41
2.4.2 Kedudukan Kata Kerja Tidak Nalar (KKTN) Dalam Pembentukan Ayat	42
2.4.3 Kedudukan Kata Kerja Terpisah (KKT) Dalam Pembentukan Ayat	43
2.4.4 Kedudukan Kata Kerja Tidak Terpisah (KKTT) Dalam Pembentukan Ayat	50
2.5 Ketepatan Kata dalam Pembentukan Makna	51
2.5.1 Pengertian Makna	52
2.5.2 Hubungan Makna dalam Pembentukan Kata	56
2.5.3 Teori-teori Yang Berkaitan Hubungan Makna Kata	59
2.5.3.1 Teori Analisis Komponen Makna	59
2.5.3.2 Teori Hubungan Makna Sinonimi	63
2.6 Kepentingan Makna dalam Menentukan Padanan Kata	67
2.7 Jenis-jenis Padanan Kata	70
2.7.1 Persamaan Satu Lawan Satu	70
2.7.2 Persamaan Satu Lawan Banyak	71
2.7.3 Persamaan Banyak Lawan Satu	73
2.7.4 Persamaan Banyak Lawan Banyak	74
2.7.5 Persamaan Satu Lawan Kosong	74

2.8 Aspek-aspek Yang Mempengaruhi Padanan Kata dalam Pembentukan Ayat	75
2.9 Tinjauan Kajian-kajian Yang Berkaitan	78

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan Pengkaedahan	83
3.1 Pemilihan Responden dan Data	84
3.2 Prosedur Pungutan Data	85
3.3 Pemilihan Skrip Dialog Sebagai Data	87
3.3.1 Jangka Masa Penyediaan Skrip dan Pungutan Data	88
3.3.2 Penggunaan Bahan Rujukan Lain Untuk Data	90
3.4 Analisis Data	90
3.5 Kesimpulan	95

BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan	96
4.1 Analisis Ketepatan Penggunaan Kata Kerja Nalar <i>(Regulare Verben)</i> Dalam Pembentukan Ayat	96-134
4.2 Analisis Ketepatan Penggunaan Kata Kerja Tidak Nalar <i>(Unregulare Verben)</i> Dalam Pembentukan Ayat	134-145
4.3 Analisis Ketepatan Penggunaan Kata Kerja Terpisah <i>(Trennbare Verben)</i> Dalam Pembentukan Ayat	145-157
4.4 Analisis Ketepatan Penggunaan Kata Kerja Tidak Terpisah <i>(Untrennbare Verben)</i> Dalam Pembentukan Ayat	157-159

4.5 Jumlah dan Peratusan Kata Kerja Yang Digunakan Beserta Padanannya dalam Pembentukan Ayat	159
4.6 Kesimpulan	162

BAB 5: PERBINCANGAN DAPATAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.0 Pendahuluan	163
5.1 Analisis Keseluruhan Ketepatan Padanan Kata Kerja dalam Pembentukan Ayat Mengikut Kategori	163
5.2 Implikasi Ketidakpadanan Kata Kerja yang Digunakan ke Atas Pembentukan Makna Ayat Bahasa Jerman	168
5.3 Cadangan Mempertingkatkan Tahap Penguasaan Pelajar dalam Pembelajaran Kata Kerja Bahasa Jerman	169
5.4 Penutup	172

Bibliografi	173
Lampiran Kata Kerja (1)	181
Lampiran Kata Kerja (2)	182
Lampiran Kata Kerja (3)	183
Lampiran Kata Kerja (4)	184
Lampiran Kata Kerja (5)	185
Lampiran Kata Kerja (6)	186
Lampiran Kata Kerja (7)	187
Lampiran Kata Kerja (8)	188

Lampiran Kata Kerja (9)	189
Lampiran Kata Kerja (10)	190
Lampiran Kata Kerja (11) & terjemahan	191-192
Lampiran Kata Kerja (12)	193
Lampiran Kata Kerja (13)	194
Lampiran Kata Kerja (14)	195
Lampiran Kata Kerja (15)	196
Lampiran Kata Kerja (16)	197
Lampiran Kata Kerja (17)	198
Lampiran Kata Kerja (18)	199
Lampiran Kata Kerja (19)	200
Lampiran Kata Kerja (20)	201
Lampiran Kata Kerja (21)	202
Lampiran Kata Kerja (22)	203
Lampiran Kata Kerja (23)	204
Lampiran Kata Kerja (24)	205
Lampiran Kata Kerja (25)	206
Lampiran Kata Kerja (26)	207
Lampiran Kata Kerja (27)	208

SENARAI SINGKATAN

Bil	Kependekan	Perkataan
1	BM	Bahasa Melayu
2	BI	Bahasa Inggeris
3	BJ	Bahaasa Jerman
4	UiTM	Universiti Teknologi Mara
5	B1	Bahasa Pertama
6	B2	Bahasa Kedua
7	BA	Bahasa Asing
8	P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
9	KK	Kata Kerja
10	KKT	Kata Kerja Transitif
11	KKTT	Kata Kerja Tak Transitif
12	KN	Kata Nama
13	KGN	Kata Ganti Nama
14	BS	Bahasa Sumber
15	BT	Bahasa Sasaran
16	KKN	Kata Kerja Nalar
17	KKTN	Kata Kerja Tidak Nalar
18	KKT	Kata Kerja Terpisah
19	KKTT	Kata Kerja Tidak Terpisah
20	AKM	Analisis Komponen Makna

SENARAI RAJAH

	Muka surat	
1. Graf 4.4	: Jumlah Penggunaan Kata Kerja Mengikut Kategori	161
2. Carta 4.5	: Jumlah Peratusan Penggunaan Kata Kerja Mengikut Kategori	162

SENARAI JADUAL

Muka surat

1.	Jadual 4.1	:	Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (1)	96
2.	Jadual 4.2	:	Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (2)	101
3.	Jadual 4.3	:	Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (3)	104
4.	Jadual 4.4	:	Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (4)	107
5.	Jadual 4.5	:	Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (5)	110
6.	Jadual 4.6	:	Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (6)	112
7.	Jadual 4.7	:	Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (7)	115
8.	Jadual 4.8	:	Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (8)	117
9.	Jadual 4.9	:	Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (9)	119
10.	Jadual 4.10	:	Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (10)	122
11.	Jadual 4.11	:	Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (11)	124
12.	Jadual 4.12	:	Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (12)	126
13.	Jadual 4.13	:	Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (13)	128
14.	Jadual 4.14	:	Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (14)	130
15.	Jadual 4.15	:	Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (15)	132
16.	Jadual 4.16	:	Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Tidak Nalar (1)	134
17.	Jadual 4.17	:	Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Tidak Nalar (2)	137
18.	Jadual 4.18	:	Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Tidak Nalar (3)	139
19.	Jadual 4.19	:	Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Tidak Nalar (4)	141

20. Jadual 4.20	: Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Tidak Nalar (5)	143
21. Jadual 4.21	: Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Terpisah (1)	145
22. Jadual 4.22	: Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Terpisah (2)	148
23. Jadual 4.23	: Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Terpisah (3)	150
24. Jadual 4.24	: Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Terpisah (4)	152
25. Jadual 4.25	: Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Terpisah (5)	153
26. Jadual 4.26	: Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Terpisah (6)	155
27. Jadual 4.27	: Jadual Analisis Ketepatan Kata Kerja Tidak Terpisah	157
28. Jadual 4.3	: Jumlah Ketepatan Padanan Kata Kerja Mengikut Kategori	159-160
29. Jadual 5.1	: Peratusan Penggunaan Penggunaan Kata Kerja Nalar (KKN) Beserta Padanan Kata Yang Sepatutnya Digunakan	164
30. Jadual 5.2	: Peratusan Penggunaan Kata Kerja Tidak Nalar (KKTN) Beserta Padanan Kata Yang Sepatutnya Digunakan	165
31. Jadual 5.3	: Peratusan Penggunaan Kata Kerja Terpisah (KKT) Beserta Padanan Kata Yang Sepatutnya Digunakan	166

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bahasa adalah lambang budaya sesuatu bangsa. Keunikan yang terdapat pada sesuatu bahasa itu dianggap penting dalam membezakan sifat dan ciri bahasa tersebut dengan bahasa yang lain. Bahasa bukan sahaja berperanan dalam mewujudkan pertalian di antara kumpulan dan individu bahkan juga penting untuk komunikasi dan juga proses sosialisasi (Hungerford, 1970). Sesuatu bahasa yang dimiliki atau dikuasai oleh seseorang juga seringkali dikaitkan dengan bahasa yang diperoleh secara semula jadi atau melalui proses pembelajaran. Kedua-dua proses ini akan melalui peringkat-peringkat tertentu dan dalam jangka masa yang tertentu. Selain itu, kebolehan seseorang menguasai pelbagai jenis bahasa dilihat semakin hari semakin meluas di kalangan individu dalam sesebuah masyarakat. Senario ini boleh dianggap sebagai kemampuan seseorang dalam menguasai bahasa selain bahasa pertama yang dimilikinya.

Dalam kalangan masyarakat di Malaysia, bahasa Melayu (BM) yang juga merupakan bahasa ibunda dianggap bahasa pertama manakala bahasa Inggeris (BI) pula dianggap sebagai bahasa kedua. Bagi bahasa selain BM dan BI, masyarakat menganggapnya sebagai bahasa ketiga atau bahasa asing kerana diperoleh melalui proses pembelajaran yang dibuat mengikut peraturan tertentu (formal) atau yang tidak mengikut cara yang ditetapkan (informal). Di Malaysia, pengajaran dan pembelajaran bahasa Jerman (BJ) sebagai bahasa asing telah berkembang pesat dan sejajar dengan dasar globalisasi seperti yang telah diwar-

warkan oleh kerajaan sebelum ini. Pembelajaran BJ sebagai bahasa asing dilihat mempunyai sistem bahasa yang tersendiri dan amat berbeza dengan bahasa ibunda / pertama seseorang. Perbezaan-perbezaan yang wujud dalam sistem bahasa antara BM dan BJ sedikit sebanyak telah menimbulkan banyak kesulitan dan masalah terutamanya bagi mereka yang tidak pernah didedahkan dengan sistem bahasa tersebut. Hal ini kerana, pembelajaran menyeluruh yang merangkumi aspek tatabahasa seperti penggunaan kata yang tepat dalam pembentukan ayat amat dititikberatkan. Seperti mana yang dijelaskan oleh Krashen (1981), “pengetahuan yang kurang mendalam terhadap sesuatu bahasa secara tidak langsung akan menyebabkan pembelajaran kosa kata bahasa itu menjadi suatu yang menyukarkan lebih-lebih lagi yang melibatkan pembelajaran bahasa asing”. Dalam proses mempelajari bahasa Jerman, antara faktor yang dikenal pasti menjadi punca kepada permasalahan dalam menguasai bahasa tersebut ialah kerana kurangnya pendedahan dan pengetahuan asas yang mencukupi serta tempoh pembelajaran yang begitu singkat di dalam bilik darjah.

Untuk mempelajari sesuatu bahasa khususnya bahasa asing, pengetahuan tentang aspek-aspek yang berkaitan golongan kata amat dititikberatkan terutama dalam pembinaan ayat kerana pemilihan kata yang tepat akan dapat menghasilkan frasa dan ayat yang tersusun mengikut tatabahasa yang betul dan menepati konteks maksud yang hendak disampaikan. Justeru, dalam kajian ini aspek-aspek penting yang berkait dengan golongan kata khususnya kata kerja akan diperjelaskan bagi membantu pelajar memahami dengan lebih mendalam fungsi dan makna yang dimiliki oleh sesuatu kata kerja yang pada lazimnya terdiri daripada pelbagai jenis serta menghasilkan makna-makna tertentu apabila digunakan

dalam konteks. Untuk mengelakkan berlakunya ketidakjelasan dalam penyampaian mesej, maka amat perlu untuk seseorang pelajar itu memahami terlebih dahulu perbezaan makna bagi setiap kata kerja yang digunakan. Hal ini kerana, walaupun hanya melibatkan kata, namun ketidaktepatan penggunaan kata tersebut sedikit sebanyak boleh mempengaruhi sebahagian atau keseluruhan maksud ayat dan ini secara tidak langsung boleh menimbulkan kekeliruan kepada pembaca atau pendengar terhadap mesej yang disampaikan. Dalam bahasa Jerman terdapat banyak kata kerja yang mempunyai makna yang sama iaitu kata yang memiliki bentuk padanan ‘satu lawan satu’ dengan kata dalam bahasa lain. Misalnya padanan kata kerja antara bahasa Jerman (BJ) dan bahasa Inggeris (BI) seperti *schlafen* (to sleep), *bringen* (to bring), *laufen* (to run), *kaufen* (to buy), *essen* (to eat), *lesen* (to read), *kochen* (to cook), *arbeiten* (to work) dan sebagainya.

Dalam konteks penggunaan, kata-kata kerja BJ ini hanya membawa satu makna sahaja dalam BI dan tidak membawa makna lain selain daripada makna tersebut. Walaupun kesemua kata kerja BJ tersebut mempunyai padanan satu kata dan satu makna sahaja dalam BI, namun dalam situasi tertentu terdapat juga kata-kata kerja BJ yang dilihat mempunyai padanan kata yang pelbagai untuk mewakili satu makna dalam BI. Dalam hal ini, pemilihan setiap kata kerja tersebut harus dilakukan dengan teliti bagi memastikan ketepatan dan kesesuaian maknanya dalam konteks yang hendak disampaikan.

1.1 Latar Belakang Kajian

1.1.1 Pengenalan Tentang Bahasa Jerman

Bahasa Jerman (*Deutsch Sprache*) yang tergolong dalam kumpulan anggota bahasa Jermanik Barat berserta dengan bahasa Inggeris, Belanda dan Frisia dalam cabang bahasa Jermanik Indo-Eropah merupakan bahasa rasmi yang dituturkan di negara Jerman. Bahasa Jerman dikatakan menjadi bahasa kedua popular di Eropah dan di Jepun selepas BI dan merupakan bahasa ketiga popular di seluruh dunia. Selain BI dan bahasa Perancis, BJ turut menjadi satu daripada 23 bahasa rasmi kesatuan Eropah. Di samping itu, BJ juga memiliki status bahasa kebangsaan rasmi di Jerman, Austria, Liechtenstein, Luxemburg serta di pertuturkan oleh hampir 100 juta penutur asli dan 80 juta pengguna lain di seluruh dunia (Comrie, 1998).

Di Perancis, walaupun bahasa Jerman tidak memiliki status bahasa rasmi, namun ia menjadi salah satu bahasa yang digunakan dalam pertuturan oleh dua juta penduduk terutamanya di daerah Alsace-Lorraine. Dalam aspek penulisan, BJ menggunakan sistem tulisan Rumi yang mempunyai beberapa abjad tambahan dalam penulisan iaitu tiga huruf vokal ä, ö dan ü yang dinamakan *umlaut* dan simbol ß yang disebut sebagai *Eszett* bagi mewakili simbol ‘ss’ untuk kegunaan sesetengah kata seperti *heißen / heissen* (to be called) dan *groß / gross* (big) (Funk, Kuhn & Demme, 2005). Dalam linguistik, simbol *umlaut* berasal daripada perkataan *um* yang bermaksud ‘sekitar / transformasi’ + *Laut* yang bermaksud ‘bunyi’. Apabila vokal ä, ö dan ü tiada dalam simbol penulisan, maka vokal-vokal tersebut boleh digantikan dengan ‘ae’, ‘oe’ dan ‘ue’. Daripada aspek fonologi, BJ mempunyai 26 fonem iaitu 21 konsonan dan 5 vokal.

1.1.2 Pengajaran Bahasa Jerman Sebagai Bahasa Asing Di Malaysia

Dewasa ini, pembelajaran bahasa ketiga / bahasa asing dilihat telah menjadi tumpuan oleh segenap pelusuk masyarakat di Malaysia. Bagi memenuhi hasrat kerajaan, rakyat digesa untuk mempelajari dan menguasai bahasa asing terutama dalam usaha merealisasikan gagasan 1Malaysia yang dapat membantu menyatukan seluruh kaum di negara ini. Kepentingan menguasai bahasa asing (BA) dilihat menjadi salah satu aset dalam memahami adat dan budaya sesuatu kaum yang sekaligus merapatkan lagi jurang perbezaan antara mereka. Kepentingan dalam mempelajari dan menguasai bahasa asing juga dilihat telah mendorong permintaan yang begitu menggalakkan terutama di peringkat antarabangsa. Hal ini disebabkan masyarakat semakin sedar bahawa kelebihan menguasai lebih daripada satu bahasa merupakan sesuatu yang sangat bernilai untuk digunakan dalam kehidupan (Jamian Mohammad, 2000).

Di Malaysia, bukan sahaja BM menjadi bahasa ibunda masyarakat tetapi juga bahasa-bahasa lain seperti Tamil dan Mandarin turut menjadi bahasa utama dalam pertuturan seharian selain BI yang dianggap sebagai bahasa kedua mereka. Selain bahasa-bahasa tersebut, masyarakat hari ini juga turut didedahkan dengan pembelajaran BA seperti bahasa Jerman, Arab, Perancis, Jepun, Itali dan sebagainya. Seperti yang kita ketahui, bahasa asing merupakan bahasa selain bahasa ibunda yang dipelajari seseorang secara formal atau sebaliknya (Kamus Dewan, 2010). Dalam hal ini, BA yang dipelajari bukanlah untuk tujuan pertuturan kerana jumlah penggunaannya terlalu sedikit jika dibandingkan dengan BM atau bahasa BI yang sememangnya merupakan bahasa utama dalam komunikasi seharian mereka.

Hal yang berkait dengan bahasa asing ini seperti yang dijelaskan oleh Md.Noh (2001) dalam Naimah Abdullah (2003) ialah:

....bahasa-bahasa lain di Malaysia seperti bahasa Jerman, Perancis, Itali, Rusia, Sepanyol, Thai, Arab, Jepun, Tagalog dan lain-lain dikategorikan sebagai bahasa ketiga / asing. Tegasnya, peratusan penggunaan dan persekitaran bahasa-bahasa ini adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan bahasa pertama (Bahasa Melayu) dan bahasa tempatan (Bahasa Mandarin dan Tamil).

Dalam memperkatakan tentang BA tidak kira apa bahasa sekalipun, masing-masing mempunyai kelebihan yang tertentu serta keutamaan yang tersendiri dalam sektor yang berbeza. Dalam bidang pendidikan misalnya, pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa asing mempunyai banyak tujuan. Perkembangan dan permintaan global dalam pelbagai bidang secara tidak langsung telah mendesak para pelajar supaya mempelajari bahasa asing untuk tujuan meningkatkan kebolehan dan potensi mereka agar seiring dalam menghadapi persaingan di samping dapat menggunakan bahasa tersebut untuk tujuan komunikasi (Goh & Azman, 2010). Ini juga merupakan salah satu langkah menerapkan ilmu pengetahuan yang baru kerana mereka kelak akan turut sama mempelajari pertuturan yang berbeza daripada bahasa ibunda mereka. Lantaran itu sebagai sebuah negara yang bersifat universal, kebanyakannya pusat pendidikan serta perkembangan ilmu telah mengambil inisiatif dengan menawarkan kursus-kursus bahasa asing dalam pelbagai peringkat dan bersesuaian dengan kehendak semasa iaitu dengan menambah subjek bahasa asing dalam kurikulum dan menjadikannya sebagai mata pelajaran teras ataupun elektif di peringkat sekolah dan juga peringkat universiti.

Bahasa asing seperti bahasa Jerman misalnya bukan sahaja ditawarkan di institusi pengajian tinggi awam bahkan juga di kolej-kolej serta institut pengajian tinggi swasta juga turut terlibat seperti Kolej Stamford dan Institut Teknologi Tun Abdul Razak yang juga menawarkan kursus bahasa ini di dalam silibus khasnya bagi Pengajian Antarabangsa dan kursus Pelancongan serta Perhotelan (Robeah, 2005). Di Malaysia, P&P bahasa Jerman telah diperkenalkan di beberapa buah universiti seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan juga Institut Goethe di Kuala Lumpur. Pada awalnya, pengajaran bahasa Jerman secara formal di Malaysia telah mengalami era baru sejak tertubuhnya Institut Goethe di Pulau Pinang pada tahun 1958 dan kemudiannya berpindah dan beroperasi di Kuala Lumpur.

Bahasa Jerman juga mula berkembang dengan tertubuhnya Institut Latihan Malaysia iaitu kerjasama dalam bidang perindustrian antara Malaysia dan Jerman yang sedikit sebanyak telah menggalakkan pekerja-pekerja industri mempelajari bahasa Jerman. Pada tahun 1998, UM telah memulakan Program Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik dengan pengkhususan dalam bahasa Jerman. Ini diikuti dengan UPM tahun 2001 yang turut menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Sastera (Bahasa Asing) dengan pengkhususan dalam bahasa Jerman. Penubuhan Institut Perguruan Bahasa-bahasa asing untuk guru-guru bahasa Jerman melalui kerjasama Kementerian Pelajaran juga turut diperkenalkan di UM pada tahun 2006 sebagai persediaan dan latihan kepada guru-guru yang bakal dihantar untuk mengajar di sekolah-sekolah yang ada menawarkan mata pelajaran bahasa Jerman.

Di peringkat sekolah pula, antara sekolah-sekolah di seluruh Malaysia yang menawarkan bahasa Jerman ialah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) seperti Sekolah Menengah Sains Pokok Sena, Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar Seremban, Sekolah Menengah Sains Ahmad Shah Kuantan, Sekolah Menengah Sains Teluk Intan, Sekolah Menengah Sains Raub dan beberapa buah sekolah lagi. Manakala Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang turut menawarkan bahasa Jerman antaranya ialah SMK Datuk Syed Ahmad, SMK Ahmad Boestamam, SMK Damansara Utama, SMK Dato' Onn dan lain-lain. Keperluan bahasa asing di sekolah-sekolah pada masa kini jelas membuktikan bahawa bahasa Jerman termasuk juga bahasa-bahasa asing yang lain merupakan bahasa yang perlu dipelajari kerana ia dapat membantu pelajar melengkapkan diri dengan pengetahuan bahasa selain BM dan BI. Dengan mempelajari serba sedikit bahasa asing, ia juga secara tidak langsung dapat melahirkan generasi berilmu pengetahuan dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa kerana adanya kebolehan berkomunikasi menggunakan pelbagai bahasa.

1.1.3 Pengajaran Bahasa Jerman Di Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Kepentingan dalam menguasai BA dalam kalangan masyarakat hari ini sudah tidak boleh disangkal lagi. Di UiTM, semua pelajar dari pelbagai jurusan diberi pilihan memilih satu daripada tujuh bahasa asing yang ditawarkan kerana ia menjadi mata pelajaran wajib yang perlu mereka pelajari dan sebagai pelengkap kepada kursus yang diambil. Antara BA tersebut adalah yang meliputi bahasa-bahasa Asia seperti Mandarin, Jepun, Arab dan Korea serta bahasa-bahasa Eropah seperti Jerman, Perancis, dan Itali. Ia juga sebagai langkah memenuhi keperluan universiti yang mengkehendaki semua pelajar bumiputera menguasai sekurang-kurangnya satu bahasa asing. Di UiTM, kursus bahasa asing telah mula

ditawarkan sejak tahun 1970-an lagi yang pada ketika itu UiTM masih lagi dikenali sebagai Institut Teknologi Mara (ITM). Sejajar dengan perkembangan bahasa ketiga di UiTM, maka pada penghujung tahun 1972 tertubuhlah pusat bahasa yang berfungsi sebagai Pusat Pengajaran Bahasa Asia dan Eropah. Pada ketika itu BJ bersama-sama dengan bahasa asing yang lain hanya ditawarkan sebagai kursus elektif kepada pelajar-pelajar sepenuh masa yang mengikuti kursus Diploma dan Diploma Lanjutan di ITM. Pusat Bahasa yang dibentuk mulai 1 Julai 1979 juga adalah hasil gabungan Unit Bahasa Asia dan Eropah, Unit Bahasa Malaysia dan juga Unit Bahasa Inggeris. Bahasa Jerman dan bahasa asing yang lain bukan sahaja ditawarkan kepada pelajar sepenuh masa bahkan juga kepada kakitangan kerajaan dan swasta serta pelajar-pelajar kursus luar kampus. Atas kesedaran pihak pengurusan UiTM mengenai kepentingan bahasa ketiga ini, maka pada tahun 1999 bahasa Jerman dan bahasa-bahasa asing yang lain telah diberi status sebagai kursus keperluan universiti dan semua pelajar sepenuh masa dan separuh masa peringkat Ijazah Sarjana Am / Kepujian diwajibkan mendaftar kursus bahasa asing untuk tempoh tiga semester di sepanjang pengajian mereka (Mariam, 2006).

1.1.4 Pendekatan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Jerman

Proses pembelajaran bahasa merupakan satu proses mekanikal. Oleh yang demikian, penguasaan bahasa boleh juga disamakan dengan proses-proses pembentukan tabiat yang lain seperti belajar memandu dan berenang yang jika diulang kali dilakukan akan dapat diulang seterusnya dengan cara yang automatis dan memuaskan (Azman, 1982). Dalam proses ini, pelbagai pendekatan boleh digunakan dalam pengajaran bahasa. Kesesuaian pendekatan yang digunakan amat penting dalam membantu seseorang individu / penutur

bukan jati mempelajari bahasa dengan lebih mudah terutama apabila melibatkan pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa asing. Dalam hal ini, pendekatan yang digunakan dalam pengajaran bahasa perlu sentiasa dititikberatkan supaya pengajaran bahasa menjadi lebih berkesan dan matlamat pembelajaran juga dapat dicapai. ‘Pendekatan’ menurut Abdullah Hassan (1986) adalah merujuk kepada “sikap, prinsip atau andaian yang berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa”. Manakala Parera (1986) pula menyatakan bahawa ‘pendekatan’ merupakan satu latar belakang falsafah atau pandangan berkaitan idea utama yang hendak dibahaskan dan merupakan satu *aksioma* iaitu pernyataan yang diterima umum dan menjadi asas kepada sesuatu huraian. Pendekatan yang digunakan juga dapat menggambarkan proses pembelajaran sesuatu bahasa yang dijadikan landasan untuk menyusun kaedah mengajar. Bagi memastikan satu-satu pendekatan pengajaran bahasa yang digunakan itu berjaya, maka pendekatan tersebut perlulah berlandaskan kepada teori linguistik yang mampu menjelaskan tentang takrif bahasa, asal-usulnya, cara bekerjanya serta bagaimana bahasa tersebut dihasilkan dan difahami.

Di UiTM, pendekatan yang diterapkan dalam P&P bahasa asing khususnya bahasa Jerman ialah pendekatan komunikasi. Antara ciri-ciri pendekatan komunikasi ialah bentuk pengajarannya lebih menjurus kepada penggunaan dialog dan situasi komunikasi yang berlaku pula menyerupai keadaan yang sebenar. Salah satu kaedah yang digunakan dalam pendekatan ini antaranya ialah “Oral-aural” yang menerapkan kaedah mendengar dan bertutur menggunakan dialog untuk dihafal di samping latihan dan dialog dilakukan dengan memberikan gambaran sebenar (realistik) serta memberi tumpuan kepada nada suara (intonasi) yang lebih tepat (Kamarudin, 1988). Selain itu, P&P bahasa Jerman juga turut

menerapkan pendekatan terjemahan (*translation approach*) secara asas kepada pelajar. Pendekatan ini bertujuan melatih para pelajar menghasilkan ayat-ayat bahasa Jerman mengikut struktur ayat yang telah dipelajari dengan betul mengikut tahap kemahiran mereka. Lazimnya, ayat-ayat yang dihasilkan kebanyakannya disusun mengikut susunan kata dalam ayat yang ditulis sebelumnya dalam BI untuk memudahkan mereka mencari dan memilih kata dalam BJ yang sesuai dipadankan dengan kata dalam BI. Dalam situasi ini, BI dipilih kerana kedua-dua BI dan BJ mempunyai persamaan yakni berasal daripada satu rumpun yang sama iaitu rumpun bahasa Germanik yang memberi kelebihan kepada responden mengenal pasti setiap kata yang sesuai untuk digunakan dalam pembentukan ayat (Md.Noh, 1994). Daripada pembentukan tersebut, secara tidak langsung para guru / pensyarah dapat menilai tahap kemampuan pelajar daripada segenap aspek terutamanya kemahiran menulis yang sekaligus boleh memberi kesan kepada kemahiran bertutur mereka kelak. Betapa pentingnya pendekatan terjemahan ini dalam P&P bahasa asing turut diakui oleh Zubaidah Ibrahim (2006) yang mengatakan:

Pengajaran terjemahan dalam bidang pengajaran bahasa asing tidak seharusnya diasingkan kerana terjemahan adalah juga satu aktiviti komunikasi. Ia memang merupakan satu kaedah mengajar yang boleh membantu memperkembang ketepatan dalam bahasa yang dipelajari juga kelancaran dalam penggunaan bahasa tersebut. Malah banyak kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa mendedahkan pelajar kepada terjemahan sebagai kaedah gabungan dapat memberi hasil yang lebih baik.

Melalui pendekatan terjemahan, para pelajar akan dapat mempelajari dan mengetahui teknik asas bagaimana menterjemah ayat-ayat mudah ke dalam sesuatu bahasa. Walaupun diakui terjemahan adalah suatu proses yang sukar dilakukan, namun pendekatan ini dikatakan berkesan kerana ia merupakan salah satu teknik peralihan (*transfer*) yang dapat membantu pelajar menikmati ilmu daripada budaya asing dengan lebih cepat dan mudah

(Chew, 2011). Dalam P&P bahasa Jerman, walaupun pendekatan ini tidak diberi tumpuan khusus dan pelajar tidak didedahkan dengan kaedah sebenar bagaimana menterjemah sesuatu teks daripada bahasa sumber (BS) ke dalam bahasa sasaran (BT), namun pendekatan ini secara asasnya dapat melatih pelajar bagaimana untuk menterjemah sesuatu ayat mengikut susunan grammatik dan tatabahasa yang betul seperti yang telah dipelajari di dalam kelas.

1.1.5 Masalah Yang Dihadapi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Jerman

Kebolehan dan kemampuan menuturkan sesuatu bahasa terutamanya bahasa asing merupakan satu kelebihan bagi seseorang individu lebih-lebih lagi apabila dapat berhubung dengan individu yang berlainan bangsa dan budaya. Namun, untuk menguasai sesuatu bahasa asing itu bukanlah semudah yang disangkakan kerana mempelajari sesuatu bahasa yang berlainan dengan apa yang ditunjukkan dalam masyarakat sekeliling merupakan suatu cabaran bagi seseorang individu. Dalam hal ini, usaha dan semangat yang kental dalam diri seseorang pelajar itu amat perlu supaya bahasa yang dipelajari dapat membantu mereka bertutur dan berkomunikasi dengan lebih baik apabila diperlukan.

Di Malaysia, pembelajaran bahasa Jerman (BJ) sebagai bahasa asing lazimnya tidak didedahkan sepenuhnya dengan kelompok masyarakat dan persekitaran sebenar bahasa tersebut dan ini menjadi salah satu sebab mengapa seseorang pelajar atau penutur bukan natif yang mempelajari BJ tidak dapat mengaplikasikannya dengan baik dalam komunikasi. Hal ini disebabkan masyarakat di negara ini secara keseluruhan hanya menggunakan BM, BI dan bahasa-bahasa ibunda yang lain dalam pertuturan sehari-hari mereka. Selain faktor

kelompok masyarakat dan persekitaran, aspek yang berkait dengan tatabahasa juga dilihat begitu sukar dikuasai terutama dalam tempoh masa yang begitu singkat. Situasi sedemikian sekaligus akan menyukarkan pelajar untuk mencapai tahap kemahiran membaca, menulis dan bertutur dengan baik. Dalam memastikan keberkesanan dalam pembelajaran BJ, maka kebolehan dan kemampuan pelajar dalam komunikasi hanya dapat diketahui dengan melihat sejauhmana seseorang pelajar itu dapat menguasai kemahiran mendengar (*hören*), membaca (*lesen*), menulis (*schreiben*) dan bertutur (*sprechen*) secara asas dengan ditunjangi oleh pengetahuan gramatik dan kosakata yang memadai. Kemahiran-kemahiran ini juga akan dapat dicapai sekiranya ada kesedaran di kalangan pelajar tentang betapa pentingnya penglibatan mereka secara aktif dalam proses pembelajaran.

Di UiTM, antara permasalahan yang dihadapi dalam P&P bahasa-bahasa asing peringkat Ijazah Sarjana Muda ialah peruntukan masa atau jam kontak yang begitu terhad dan tidak mencukupi untuk seseorang pelajar mempelajari bahasa asing dengan lebih mendalam. Hal ini kerana, sepanjang tempoh tiga semester berlangsungnya P&P, pelajar-pelajar hanya dapat mengikuti kelas bahasa selama dua (2) jam seminggu dan ini menyukarkan mereka untuk memahami sepenuhnya apa yang dipelajari kerana pembelajaran hanya dapat ditumpukan kepada kemahiran-kemahiran yang tertentu akibat tempoh masa pembelajaran yang begitu singkat. Jika dihitung, peruntukan masa atau jam kontak bagi keseluruhan pembelajaran bahasa Jerman ialah 84 jam iaitu dua jam temu seminggu x 14 minggu (satu semester) x 3 semester (setiap tahap I, II & III). Peruntukan masa yang begitu terhad dalam pembelajaran secara tidak langsung telah membataskan ruang bagi pelajar-pelajar untuk menggunakan bahasa yang dipelajari di luar kelas. Tambahan pula faktor dalaman seperti

kurang minat dan juga faktor luaran seperti kurangnya pendedahan serta latihan yang tidak mencukupi turut menjadi punca permasalahan kepada pelajar untuk menguasai bahasa Jerman dengan baik. Selain faktor yang telah dinyatakan, kurangnya pendedahan terhadap elemen-elemen penting BJ serta persekitaran yang tidak kondusif turut menjadi punca permasalahan dalam P&P bahasa tersebut. ‘Kondusif’ seperti yang dijelaskan dalam *Kamus Dewan* (2010) ialah “sesuatu keadaan yang sesuai, baik dan sebagainya untuk membantu, mencapai atau mendorong menghasilkan sesuatu”. Justeru, pembelajaran sesuatu bahasa itu dilihat akan menjadi lebih mudah sekiranya dibantu dan dikelilingi oleh persekitaran dan masyarakat yang menggunakan bahasa tersebut dalam pertuturan. Namun begitu, situasi sedemikian walau bagaimanapun dilihat tidak wujud dalam persekitaran di UiTM yang secara keseluruhannya terdiri daripada pelajar-pelajar Bumiputera yang rata-rata menggunakan bahasa ibunda dalam pertuturan. Ini sedikit sebanyak telah membataskan keupayaan pelajar untuk mengaplikasikan semula segala bentuk kemahiran yang dipelajari selain kebolehan dan kemampuan mereka menggunakan bahasa Jerman dalam komunikasi juga tidak dapat dinilai kerana tidak digunakan dalam pertuturan.

1.2 Pernyataan Masalah

Salah satu tujuan P&P bahasa Jerman dilaksanakan di UiTM adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar Bumiputera mencapai kemahiran asas menulis dan membaca dalam BJ di samping menambahkan pengetahuan mereka dalam pelbagai aspek tatabahasa yang berkaitan seperti fonologi, morfologi dan sintaksis untuk tujuan menambah kecekapan berbahasa dalam kalangan mereka. Penekanan terhadap aspek tatabahasa secara asas amat penting dalam mempertingkatkan keberkesanannya pembelajaran BJ yang secara jelas

mempunyai sistem dan peraturan nahu yang berlainan. Perbezaan peraturan yang terdapat dalam BJ dilihat menimbulkan banyak kesulitan kepada pelajar terutama apabila mereka hendak membina ayat BJ yang benar-benar menepati konteks makna seperti yang dikehendaki. Dalam proses mempertingkatkan kemahiran asas BJ, pelajar juga sering kali dilihat terkeliru dalam membuat pemilihan kata yang sesuai untuk digunakan dalam konteks lebih-lebih lagi apabila kata-kata tersebut mempunyai lebih daripada satu makna. Umpamanya, kata kerja *to go* dalam BI mempunyai pelbagai padanan (satu lawan banyak) dalam BJ iaitu *gehen*, *fahren* dan *fliegen*.

Dalam BI, *to go* digunakan bagi menjelaskan situasi ‘pergi’ tidak kira sama ada ‘berjalan’ atau ‘menaiki kenderaan’. Namun berbeza dalam konteks ayat BJ, ‘pergi’ yang dimaksudkan boleh dilihat dari pelbagai sudut makna seperti *gehen* apabila situasi tersebut menunjukkan pergi dengan cara ‘berjalan’, *fahren* dengan ‘menaiki kenderaan (pengangkutan darat)’ dan *fliegen* dengan ‘menaiki kenderaan (pengangkutan udara)’. Untuk memilih padanan kata kerja yang sesuai dengan maksud ‘pergi / *to go*’ ini, pelajar sering kali dilihat terkeliru dalam memilih kata kerja yang sesuai dengan konteks yang secara tidak langsung akan menyebabkan ayat yang dihasilkan tidak menepati maksud seperti yang diinginkan. Di samping itu, masalah ketidaktepatan kata yang berlaku juga sedikit sebanyak boleh menjelaskan sebahagian atau keseluruhan makna ayat yang seterusnya akan menyebakan sesuatu penyampaian menjadi tidak jelas dan sukar difahami. Dalam hal ini, ketidaktepatan kata yang berlaku mungkin disebabkan oleh kekeliruan, kurang membuat rujukan dan latihan, tahap kefahaman pelajar yang rendah terhadap

sesuatu penyampaian serta gangguan bahasa yang dianggap oleh pakar-pakar bahasa sebagai suatu proses pemerolehan seseorang pelajar (Corder, 1967).

1.3 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meninjau tahap kefahaman pelajar dalam mengaplikasikan kata kerja bahasa Jerman dengan betul dalam pembentukan ayat yang merangkumi aspek-aspek berikut:

- (a) Meninjau ciri-ciri kesinoniman antara kata kerja yang digunakan dengan padanan kata kerja yang sepatutnya.
- (b) Meninjau implikasi ketidakpadanan kata kerja yang digunakan ke atas pembentukan makna ayat bahasa Jerman.

1.4 Persoalan Kajian

Berikut antara persoalan-persoalan terhadap kajian yang dijalankan iaitu:

- (a) Apakah ciri-ciri kesinoniman antara kata kerja yang digunakan dengan padanan kata kerja yang sepatutnya?
- (b) Apakah implikasi ketidakpadanan kata kerja yang digunakan terhadap pembentukan makna ayat bahasa Jerman?

1.5 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini adalah penting untuk membantu pelajar menjadikan kajian ini sebagai bahan rujukan terutama dalam mendalami aspek-aspek penting yang berkait dengan kata kerja seperti bentuk, makna dan fungsinya dalam konteks ayat selain menjadi garis panduan kepada para guru dan pensyarah bahasa Jerman dalam mengajar kata kerja kepada pelajar dengan menggunakan kaedah tertentu bagi membolehkan mereka mengenali, memahami fungsi serta memilih kata kerja yang lebih tepat dalam pembentukan ayat.

Selain itu, kajian tentang kata kerja ini juga sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji menilai tahap kefahaman pelajar dalam mengaplikasi semula bentuk-bentuk kata kerja yang telah dipelajari dalam proses membina ayat-ayat bahasa Jerman untuk tujuan komunikasi serta mencari satu alternatif baru ke arah menangani kelemahan yang mereka hadapi dalam menguasai golongan kata tersebut. Perbincangan tentang aspek berkaitan ketepatan kata kerja ke atas makna ayat juga secara tidak langsung dapat membolehkan para guru bahasa menilai tahap penguasaan bahasa Jerman dalam kalangan pelajar-pelajar bukan natif yang berhadapan dengan masalah yang sama.

Seterusnya, kajian ini juga diharap sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji lain yang ingin melakukan kajian terhadap bahasa-bahasa Eropah yang lain terutama dalam konteks berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa yang melibatkan golongan kata terutama kata kerja dengan memberikan gambaran sebenar bagaimana ciri-ciri pembentukannya, kedudukannya di dalam ayat serta bentuk-bentuk persamaan dan perbezaan makna yang wujud bagi setiap kata yang digunakan.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini hanya tertumpu kepada penelitian terhadap penggunaan kata kerja bahasa Jerman yang diperoleh daripada tugas akhir pelajar yang dinamakan Projek VCD iaitu penyediaan skrip dialog dan juga pembikinan VCD dalam bentuk lakonan. Walaupun skrip dialog dan VCD dilihat saling berkait, namun pengkaji mengambil langkah dengan memberi tumpuan hanya kepada aspek penulisan (skip dialog) tanpa melihat kepada komunikasi lisan (VCD lakonan). Hal ini kerana, skop bagi komunikasi begitu meluas dan pengkajiannya melibatkan pelbagai aspek seperti sebutan, kelancaran, intonasi dan sebagainya. Dalam penelitian tersebut, pengkaji hanya akan memberi tumpuan kepada aspek ketepatan kata kerja yang digunakan sama ada maknanya bersesuaian dengan konteks yang disampaikan atau sebaliknya.

Selain melihat kesesuaian makna, pengkaji turut meneliti persamaan makna (sinonim) yang mungkin wujud antara kata kerja yang digunakan dengan padanan kata yang sepatutnya. Antara kata-kata kerja yang akan diberi tumpuan sepenuhnya oleh pengkaji ialah *Regulare Verben* (Kata Kerja Nalar / Beraturan), *Unregulare Verben* (Kata Kerja Tidak Nalar / Tidak Beraturan), *Trennbare Verben* (Kata Kerja Terpisah), dan *Untrennbare Verben* (Kata Kerja Tidak Terpisah). Daripada jumlah keseluruhan ayat yang dikumpul iaitu kira-kira 720 ayat, pengkaji tidak memilih semua kata kerja yang ada sebaliknya hanya mengumpul kata-kata kerja yang dipilih dan telah ditetapkan untuk kajian. Ini bermakna, bentuk-bentuk kata kerja lain seperti *Modalverben* (Kata Kerja Modal) dan *Hilfverben* (Kata Kerja Bantu) walaupun turut digunakan dalam ayat, namun tidak diambil kira disebabkan penggunaannya begitu sedikit dan kecenderungan untuk berlakunya ketidaktepatan penggunaan kata kerja tersebut.

juga adalah kecil. Bagi kata-kata kerja lain seperti *Reflexive Verben* (Kata Kerja Refleksif), *das Perfekt* (Kata Kerja Lampau) dan *der Imperativ* (Kata Kerja Imperatif) jika ada digunakan dalam pembentukan ayat tidak akan dibincangkan kerana tidak termasuk dalam silibus pembelajaran bahasa Jerman.

Dalam setiap pembentukan ayat, penelitian hanya tertumpu kepada aspek makna yang dimiliki oleh sesebuah kata kerja tanpa ada kaitan dengan kesilapan konjugasi, ejaan dan juga kesalahan tatabahasa kerana aspek tersebut memerlukan penelitian yang lebih mendalam dan memerlukan jumlah ayat yang lebih banyak untuk dianalisis. Justeru, bahan-bahan rujukan juga adalah lebih tertumpu kepada penggunaan kamus-kamus makna yang dapat membantu pengkaji mengetahui persamaan dan perbezaan makna setiap kata kerja yang dianalisis seperti kamus *Duden Bedeutungswörterbuch* (1985), *Hueber Wörterbuch* (2006), *Langenscheidt's German Dictionary* (1993), *Oxford German Dictionary* (2006) serta rujukan daripada buku teks *Studio d A1, Deutsch als Fremdsprache, Kurs- und Übungsbuch*, (2005).

Dalam kajian ini, perlu ditekankan bahawa aspek terjemahan walaupun tidak diberi tumpuan khusus dalam P&P bahasa Jerman, namun rata-rata pelajar dilihat menghasilkan ayat dalam BI dan kemudian menterjemahkan ayat tersebut ke dalam BJ mengikut kefahaman mereka semasa mempelajari struktur ayat yang berkaitan di dalam kelas atau merujuk kepada buku-buku dan juga kamus. Kajian ini seperti yang dijelaskan hanya tertumpu kepada aspek penggunaan kata kerja tanpa melibatkan terjemahan. Ini kerana,

kebolehan pelajar dalam menterjemah ayat masih berada pada tahap yang lemah dan memerlukan penekanan serta bimbingan khusus daripada tenaga pengajar.

1.7 Definisi Konsep

1.7.1 Konsep Padanan

‘Padanan’ merupakan konsep yang digunakan apabila kata dalam sesuatu bahasa sasaran mewakilkan makna yang sama dengan entri yang terdapat dalam bahasa sumber (Nor Hashimah & rakan-rakan, 2014). Mungkin ramai yang beranggapan bahawa sesuatu kata yang dipilih merupakan padanan sebenar dan menepati makna bagi kata dalam bahasa yang lain. Namun hakikatnya sukar untuk kita memperoleh padanan yang benar-benar tepat bagi sesebuah kata lebih-lebih lagi jika makna tersebut tidak terdapat atau tidak bersesuaian dengan makna kata dalam bahasa lain. Seperti yang dijelaskan dalam *Kamus Dewan* (2010), ‘padanan / equivalence’ ialah “kata atau rangkai kata dalam sesuatu bahasa yang sama maknanya dengan kata atau rangka kata yang terdapat bahasa yang lain”. ‘Padanan / Gleichwertigkeit’ juga berdasarkan takrifan kamus makna *Duden Bedeutungswörterbuch* (1985) ialah *ein gleichwertiger Ersatz* (pengganti yang setara), *äquivalent* (bersamaan), *angemessen* (sesuai) atau *entsprechend* (sewajarnya).

Lazimnya, dalam mencari padanan kata yang tepat beberapa elemen formal termasuk unit tatabahasa, keselarian dalam penggunaan perkataan dan pengekalan makna mengikut konteks asal akan cuba dihasilkan semula. Contohnya kata nama diterjemahkan ke dalam bentuk kata nama, kata kerja diterjemahkan ke dalam bentuk kata kerja dan seterusnya. (Nida, 1964). Menurut Nida lagi, dalam sesuatu bahasa cara bagaimana bahasa itu

berhubung antara satu sama lain juga adalah berbeza. Setiap satu benda mungkin memiliki hubungan yang lebih banyak dalam satu bahasa. Misalnya, kata *radio* dalam bahasa Sepanyol akan mempunyai beberapa padanan dalam bahasa Inggeris seperti *radio*, *radium* dan *radius*. Meskipun kata-kata tersebut memiliki pengertian lain, namun pada hakikatnya seseorang akan berhadapan dengan pelbagai pilihan atas hubungan tersebut dan kesukaran mungkin akan timbul dalam menyampaikan mesej dalam bahasa yang berbeza. Dalam mencari sesuatu padanan, Ainon Mohd (1987) ada menjelaskan bahawa sesuatu padanan itu mungkin mempunyai sifat-sifat (i) terdekat tetapi tidak sejadi seperti ‘pulut kuning’ dipadankan dengan *yellow rice*, (ii) sejadi tetapi tidak terdekat misalnya ‘doktor’ dan ‘tabib’ (konotasi negatif kepada orang Melayu) dan (iii) terdekat yang sejadi seperti *lawyer* dipadankan dengan ‘peguam’.

Dalam strategi mencari padanan juga, Mashudi & Low Bee Eng (1992) turut mengutarakan pendapat dengan menyatakan bahawa padanan kata yang dicari adalah melibatkan pemindahan konsep dan setelah konsep berpindah, maka label linguistik yang sesuai pula perlu dicari. Label linguistik yang dipilih sebagai padanan dalam sesuatu bahasa mestilah merujuk fungsi, makna dan peranan yang sama dalam bahasa asal. Selain itu, padanan juga boleh wujud pada perkataan dan melangkaui perkataan apabila diterjemah daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain dan menekankan pendekatan bawah ke atas (*bottom-up*) iaitu padanan pada perkataan merupakan elemen pertama yang akan diambil kira (Baker, 1992). Dalam memperjelaskan tentang padanan kata, Newmark (1981) pula telah menyatakan susunan hierarki padanan yang tepat iaitu objek kata nama dikatakan

kumpulan kata yang paling kerap mempunyai padanan tepat dan ini diikuti oleh kumpulan kata kerja dan kata adverba.

1.7.2 Ketepatan Padanan Kata

Menurut *Kamus Dewan* (2010), ‘ketepatan’ boleh dikaitkan dengan perihal tepat, kejituhan atau bertepatan dengan sesuatu. Manakala kamus yang berkaitan dengan erti kata iaitu *Duden Sinn-und sachverwandte Wörter* (1986) pula mentakrifkan ketepatan / *Genauigkeit* sebagai *von entsprechendem Wert* (sama nilai), *Gründlichkeit* (ketelitian), *Zielgerichtetheit* (sasaran) atau *Übereinstimmung* (pematuhan). Apabila menyentuh persoalan tentang ketepatan kata, ia secara jelas membawa maksud kemampuan sebuah kata untuk menimbulkan pendapat yang sama atau seperti yang difikirkan atau dirasakan oleh pembaca atau pendengar. Dalam pemilihan sesuatu kata, penggunaan kamus adalah amat perlu kerana kamus dapat memberikan suatu ketepatan tentang penggunaan kata (Nur Inayah, 2012).

Pemilihan serta penggunaan kata yang tepat dalam sesebuah ayat akan dapat membantu seseorang mengungkapkan sesuatu mesej dengan lebih jelas baik dalam bentuk tulisan mahupun lisan. Dalam hal ini, ketepatan penggunaan kata dalam sesuatu bahasa lazimnya dipengaruhi oleh pelbagai faktor, misalnya faktor budaya. Dalam BI, ungkapan seperti *to take a seat* misalnya boleh membawa kepada kefahaman yang berbeza kepada seseorang kerana apabila diamati betul-betul, ucapan tersebut akan menyebabkan orang mengambil kerusi untuk dibawa ke mana-mana kerana *to take* yang dinyatakan seolah-olah membawa maksud ‘mengambil’. Namun hal ini berbeza dalam konteks kebudayaan Melayu yang

menganggap *to take* sebagai pelawaan iaitu ‘sila duduk’ dan bukannya ‘mengambil tempat duduk’. Dalam hal ini, makna semantik yang didukung oleh sesuatu kata kerja akan menentukan pemilihan kata padanan dan kecenderungan ini akan diikuti oleh kesesuaian kata padanan tersebut terhadap emik bahasa sasaran dan makna konteks (Goh, 2011).

Selain kata kerja, isu ketepatan padanan kata juga boleh dilihat contohnya dalam ayat yang menggunakan kata nama iaitu apabila ayat tersebut menggunakan kata yang tidak bersesuaian / bertepatan dengan makna konteks. Misalnya apabila satu perkataan dalam bahasa A dilihat seakan-akan sama dengan perkataan dalam bahasa B, namun apabila diselidiki kedua-dua perkataan tersebut tidak berpadanan. Contohnya tiga perkataan iaitu *house* dalam bahasa Inggeris, *oikos* dalam bahasa Greek dan *numuno* dalam bahasa Papua New Guines adalah merujuk satu atau lebih benda yang sama iaitu bangunan tempat orang tinggal di dalamnya. Walaupun tujuan maksudnya adalah sama, namun ketiga-tiga perkataan ini akan dibayangkan dalam bentuk gambaran yang berlainan oleh penutur bahasa masing-masing kerana perbezaan budaya pada objek yang dirujuk (Larson, 2003).

BAB DUA

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pendahuluan

Bahasa merupakan suatu elemen penting dalam kehidupan masyarakat yang menuturkannya. Semakin ramai jumlah penuturnya, makin luas penyebaran bahasa itu dapat dilakukan dan makin banyak pula perbezaan yang wujud dari segi penggunaannya. Dengan wujudnya bahasa, manusia dapat membentuk komunikasi yang lebih sempurna melalui pertukaran maklumat dan ilmu pengetahuan antara manusia di seluruh dunia sama ada secara langsung atau bertulis. Ini seperti yang dijelaskan oleh Ainon Mohd & Abdullah Hassan (2008) iaitu, “apabila manusia berkomunikasi, mereka saling menyatakan pengalaman dan dengan cara itu mereka mendapat makna daripada pertukaran maklumat tersebut”.

Dalam mempersoalkan tentang makna, seringkali ia dikaitkan dengan fungsi atau peranan yang dimainkan oleh sesuatu kata yang bertindak sebagai penentu kepada penghasilan makna sesuatu ayat bergantung kepada cara penyusunan atau pemilihan padanannya. Dalam komunikasi, seseorang individu itu perlu mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang mendalam tentang sintaksis dan semantik bahasa seperti kata, frasa, ayat, jenis-jenis makna dan juga perubahan makna bagi menjamin komunikasi yang lebih efektif. Pengetahuan yang mendalam tentang aspek-aspek kata yang dipelajari sedikit sebanyak dapat membantu seseorang individu membuat pemilihan kata yang lebih tepat dan sekaligus dapat menghasilkan komunikasi yang lebih berkesan.

Dalam hal ini, pemilihan kata yang tepat dan bersesuaian dengan makna penyampaian amat perlu diberi penekanan terutama dalam proses membina frasa dan juga ayat. Dalam kajian ini, tumpuan adalah diberikan kepada aspek penggunaan kata kerja (KK) yang merupakan salah satu golongan kata yang penting dalam pembelajaran bahasa Jerman. Daripada aspek penggunaan, KK yang terdapat dalam sesebuah ayat berfungsi pada predikat dan ia merupakan inti bagi binaan frasa kerja dalam semua bahasa (Asmah, 1986). Dalam pembinaan sesebuah ayat, frasa kerja biasanya terdiri daripada KK yang boleh disertai beberapa unsur lain seperti kata bantu, objek, pelengkap, ayat komplemen dan keterangan (Nik Safiah, 2008).

Justeru, untuk melihat betapa pentingnya makna dalam setiap penggunaan kata kerja BJ, maka ciri-ciri yang berkaitan tatabahasa seperti bagaimana penentuan subjek dan konjugasi kata dibuat akan diperjelaskan terlebih dahulu dan kemudiannya diikuti olehuraian yang lebih terperinci tentang saling kait dan perhubungan makna antara kata kerja yang dikaji dalam konteks ayat.

2.1 Ciri-ciri Kata Kerja Bahasa Melayu dan Jerman

Dalam setiap bahasa, kata kerja dapat menerangkan perbuatan yang dilakukan oleh manusia, haiwan atau benda dan ia merupakan predikat dalam sebuah ayat yang berfungsi sebagai penjelas kepada subjek. Seperti juga bahasa-bahasa lain, kata kerja / *das Verb* bahasa Jerman (BJ) juga berfungsi sebagai kata yang dapat menerangkan sesuatu perbuatan yang disertai oleh kata nama. Dalam bahasa Melayu (BM), kata kerja secara morfologinya terbahagi kepada dua iaitu Kata Kerja Transitif (KKT) dan Kata Kerja Tak Transitif

(KKTT). Menurut Nik Safiah dan rakan-rakan (dalam Tatabahasa Dewan, 1989), KKT ialah kata yang menjelaskan perbuatan yang dilakukan oleh pembuatnya kepada benda lain atau kata yang mempunyai penyambut atau objek yang terdiri daripada frasa nama bagi melengkapkan maksudnya. Dalam BM dan BJ, KKT merupakan perbuatan yang mesti disertai oleh objek iaitu kata nama seperti dalam ayat “Bapa menulis surat” yang terdiri daripada ‘bapa’ sebagai *pembuat*, ‘menulis’ *perbuatan* yang sedang dilakukan dan ‘surat’ sebagai *penyambut* (objek). Dalam BJ, KKT dapat dilihat misalnya dalam ayat “*Ich kaufe ein Bett*” yang terdiri daripada *Ich* (saya) sebagai *pembuat*, *kaufe* (membeli) perbuatan yang sedang dilakukan dan *ein Bett* (katil) (Funk, Kuhn & Demme, 2005). Bagi KKTT pula, kata yang digunakan dapat menjelaskan perbuatan yang dilakukan oleh pelaku itu sendiri, tidak kepada benda atau orang lain dan juga tidak memerlukan penyambut (objek) sesudahnya seperti “abang sedang **tidur**” atau “*Die Kinder schreien* / Kanak-kanak itu **menangis**”.

Dalam BM, penggunaan KKT dan KKTT ini tidak dipengaruhi oleh sebarang perubahan kata nama sepetimana yang berlaku pada kata kerja BJ yang memerlukan kesesuaian dan kesepadan berdasarkan genus atau bilangan kata nama tersebut. Kesepadan antara kata kerja dengan genus dan juga bilangan kata nama ini adalah berkait rapat dengan proses konjugasi atau dalam BJ disebut *konjugation* iaitu “perubahan yang berlaku pada kata kerja sesuai dengan subjek (pelaku) yang melakukan perbuatan dan tindakan tersebut” atau *the modification of a verb to show different aspects or conditions of the action* (pengubahsuaian kata kerja untuk menunjukkan aspek-aspek yang berbeza atau syarat-syarat sesuatu tindakan) (Hueber Wörterbuch, 2006). Jika merujuk kamus BJ, didapati

hampir seratus peratus kata kerjanya belum mengalami proses konjugasi dan mempunyai akhiran ‘en’ yang disebut sebagai ‘infinitif’. Contohnya *sitzen* (duduk), *laufen* (berlari), *rauchen* (merokok), *arbeiten* (bekerja), *kochen* (memasak) dan sebagainya.

2.2 Aspek-aspek Yang Mempengaruhi Konjugasi Kata Kerja Bahasa Jerman

2.2.1 Kesesuaian Antara Kata Nama dan Kata Kerja

Kata Nama (KN) merupakan sejumlah perkataan yang boleh berfungsi sebagai unsur bagi binaan frasa dan lazimnya ia digunakan bagi menamakan orang, tempat, benda atau konsep.

Dalam bahasa Jerman, KN berfungsi sebagai subjek dan juga bertindak sebagai penentu / *determiner* kepada perubahan kata kerja. Peranan atau fungsi kata nama ini bukan sahaja dapat dilihat dalam BJ bahkan menurut Palmer dalam Abdullah Hassan (1992), terdapat banyak bahasa yang mempunyai golongan kata nama yang berfungsi dalam tatabahasa seperti golongan genus dalam bahasa-bahasa Indo-Eropah dan juga bahasa-bahasa semitik iaitu bahasa yang ditutur oleh lebih dari 300 juta orang di Timur Tengah, Afrika Utara dan Timur Laut Afrika.

Dalam pembentukan ayat, kata nama yang digunakan selalunya akan dipadankan dengan Kata Ganti Nama (KGN) iaitu kata yang menjadi pengganti kepada manusia atau benda yang mempunyai genus-genus tertentu bagi membolehkan penentuan akhiran kata kerja dibuat. Ini kerana, setiap kata kerja akan berubah apabila pelaku melakukan sesuatu kerja berdasarkan KGN yang digunakan. Berdasarkan *Duden Bedeutungswörterbuch* (1985), Kata Ganti Nama atau *Pronomen* merujuk kepada *Wort, das in einem Satzstatt eines Substantiv stehen kann* atau “perkataan yang terdapat dalam ayat dan bukannya kata nama”.

Kata Ganti Nama juga menurut Asmah Hj. Omar (2008) boleh didefinisikan sebagai “kata yang selalunya digunakan oleh manusia untuk merujuk kepada diri sendiri atau kepada manusia yang lain”. Hakikatnya, konjugasi kata kerja BJ sentiasa berubah bentuk dan perubahan tersebut bervariasi mengikut KGN seperti *ich*, *du*, *er*, *sie* (tunggal), *wir*, *ihr*, *sie* (jamak) dan *Sie* (formal) (lihat Jadual 2.1). Daripada aspek penggunaan tidak kira sama ada dalam bentuk penulisan atau pertuturan, kewujudan variasi sebegini seringkali menimbulkan kekeliruan kepada pelajar terutama dalam menentukan padanan bagi ganti nama diri yang bersesuaian dengan kata nama yang digunakan seperti ganti nama diri orang ketiga tunggal ‘*er*’, ‘*sie*’, ‘*es*’, ganti nama orang pertama jamak ‘*wir*’, kedua jamak ‘*ihr*’ dan ganti nama orang ketiga jamak ‘*sie*’. Kategori bagi setiap ganti nama ini juga selalunya dikaitkan dengan genus dan kata bilangan dalam bentuk pertuturan.

Dalam memastikan penggunaan ganti nama yang lebih tepat, seseorang pelajar itu perlu memahami fungsi dan makna setiap ganti nama tersebut supaya ia dapat disesuaikan dengan kata kerja apabila konjugasi dilakukan. Dalam hal ini, tumpuan khusus harus diberi terhadap penggunaan KN supaya perubahan konjugasi menjadi lebih tepat dan dapat berfungsi dengan lebih jelas memandangkan setiap ganti nama dan juga akhiran kata kerja dalam bahasa mungkin berbeza daripada satu bahasa ke satu bahasa yang lain.

Kesesuaian antara genus dan bilangan kata nama juga dilihat dapat menghasilkan empat pola perubahan akhiran kata kerja seperti *e*, *st*, *t* dan *en*. Pola-pola perubahan akhiran ini bukan sahaja dapat membezakan penggunaan setiap ganti nama bahkan daripada sudut semantik ia juga dapat membezakan makna ayat terutama yang menggunakan kata ganti

nama diri orang yang bersifat tunggal seperti *sie* (she) dan jamak *sie* (they) seperti dalam ayat *sie kommt aus Berlin* (She comes from Berlin) dan *sie kommen aus Berlin* (They come from Berlin) (Funk, Kuhn & Demme, 2005). Jika dalam BI kata kerja infinitifnya selalu didahului dengan *to* namun berbeza dengan BJ, setiap infinitif akan berakhiran dengan *-en* dan akhiran ini akan berubah bergantung kepada ganti nama yang digunakan.

2.2.2 Perubahan Kata Kerja Berdasarkan Genus (*gender*)

Dari sudut tatabahasa, bahasa Jerman dilihat agak sukar dikuasai memandangkan bahasa tersebut mempunyai struktur dan bentuk kata yang agak kompleks. Bahasa Jerman seperti juga keturunan keluarga bahasa Latin yang lain iaitu Perancis, Itali, Sepanyol dan Portugis mempunyai unsur genus maskulin dan feminin bagi setiap kata nama dalam bahasa tersebut. Namun berbeza dengan bahasa Melayu yang berasal dari rumpun yang berlainan iaitu Austronesia, pembahagian genus seperti ini sama sekali tidak wujud. Dalam BJ, setiap kata namanya diwakili oleh tiga genus iaitu *maskulinum* (masculine), *femininum* (feminine) dan *neutrumb* (neuter). Setiap genus ini bukanlah menggambarkan genus sebenar (asal) tetapi sekadar mahu menjelaskan atau merujuk kepada genus grammatical BJ yang tidak terdapat dalam BM.

Dalam BJ, genus grammatical bukan sekadar berperanan sebagai suatu aksesori yang tiada kepentingan tetapi juga sebagai pelengkap kepada Kata Nama (KN). Bagi KN yang bersifat maskulin, genus yang diwakili ialah ‘*der*’ manakala feminin ‘*die*’ dan neutral ‘*das*’. Untuk mengaplikasikan setiap genus ini, pelajar perlu melihat terlebih dahulu KN berdasarkan genusnya sebelum dapat membentuk ayat dengan lebih tepat dan sempurna. Kebiasaannya,

ketiga-tiga genus *der*, *die* dan *das* digunakan untuk merujuk benda-benda hidup seperti manusia, haiwan dan juga tumbuhan di samping benda bukan hidup seperti objek, tempat atau konsep. Bagi benda hidup seperti manusia, hanya genus ‘*der*’ dan ‘*die*’ sahaja yang digunakan melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu terdapat juga benda hidup seperti *Mädchen* (gadis) dan *Fräulein* (wanita muda) yang menggunakan genus neutral ‘*das*’ (Palmer, 1989). Bagi kata nama orang yang bergenus maskulin atau feminin, akhiran kata kerjanya adalah ‘*t*’ seperti *Er schreibt Gedichte / He writes poetry* (Hueber Wörterbuch, 2006).

<i>Er</i> (ganti nama orang ketiga tunggal)	<i>schreiben</i> <i>schreibt</i> (kata kerja) akhiran <i>-en</i> bagi kata akar <i>schreiben</i> akan berubah kepada <i>-t</i> menjadi <i>schreibt</i> setelah dikonjugasi.	<i>Gedichte</i> (keterangan)
---	---	---------------------------------

Merujuk kepada klausa *Er schreibt Gedichte* seperti yang dinyatakan, perubahan akan berlaku pada kata akar *schreiben* setelah konjugasi dilakukan. Dalam proses perubahan tersebut, setiap perbezaan akhiran kata kerja yang diperoleh hanya dapat ditentukan berdasarkan subjek atau kata ganti nama yang digunakan seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Konjugasi kata kerja *schreiben* (to write) berdasarkan ganti nama (Funk, Kuhn & Demme, 2005)

<i>Pronomen</i> (ganti nama)	<i>Stamm + Endungen</i> (kata akar + akhiran)	<i>Konjugation</i> (konjugasi)
<i>ich</i>	<i>schreib</i> + <i>e</i>	<i>schreibe</i>

Jadual 2.1, sambungan: Konjugasi kata kerja *schreiben* (to write) berdasarkan ganti nama
 (Funk, Kuhn & Demme, 2005)

Pronomen (ganti nama)	Stamm + Endungen (kata akar + akhiran)	Konjugation (konjugasi)
<i>du</i>	<i>schreib</i> + <i>st</i>	<i>schreibst</i>
<i>er / sie / es</i>	<i>schreib</i> + <i>t</i>	<i>schreibt</i>
<i>wir</i>	<i>schreib</i> + <i>en</i>	<i>schreiben</i>
<i>ihr</i>	<i>schreib</i> + <i>t</i>	<i>schreibt</i>
<i>sie / Sie</i>	<i>schreib</i> + <i>en</i>	<i>schreiben</i>

Jadual 2.2: Maksud setiap ganti nama beserta perubahan konjugasi kata kerja *schreiben*
 (Funk, Kuhn & Demme, 2005)

Bahasa Jerman (BJ)	Bahasa Inggeris (BI)
<i>Ich schreibe</i>	<i>I write</i>
<i>du (informell) schreibst</i>	<i>you (informal) write</i>
<i>Er schreibt</i>	<i>he writes</i>
<i>sie (singular) schreibt</i>	<i>she writes</i>
<i>Wir schreiben</i>	<i>we write</i>
<i>ihr schreibt</i>	<i>you (all) write</i>
<i>sie (plural) schreiben</i>	<i>they write</i>
<i>Sie (formell) schreiben</i>	<i>you (formal) write</i>

2.2.3 Perubahan Kata Kerja Berdasarkan Bilangan (*Numerus*)

Selain aspek genus, kata kerja BJ juga mesti menepati padanannya daripada aspek bilangan Kata Nama (KN). Ini kerana, aspek bilangan dianggap penting kerana ia termasuk dalam kategori tatabahasa. Menurut Palmer (1989), daripada aspek semantik masalah bilangan tidaklah begitu penting. Kebanyakan bahasa memiliki sistem bilangan gramatis manakala sesetengahnya pula tidak mempunyai sistem ini seperti di Asia Tenggara dan Afrika Barat. Dalam BJ, konsep bilangan adalah penting untuk membezakan antara tunggal (satu) dan jamak (lebih daripada satu). Bagi KN yang bersifat tunggal, akhiran kata kerja akan mengalami perubahan bentuk sama ada *-e*, *-st*, *-t* dan *-en*. Namun sebaliknya, jika kata nama yang digunakan bersifat jamak, maka kata kerja tersebut tidak akan mengalami sebarang perubahan akhiran yakni bentuk infinitifnya sentiasa dikenalkan. ‘Infinitif’ dalam erti kata lain bermaksud kata kerja yang masih belum mengalami sebarang perubahan konjugasi. Seperti yang dijelaskan dalam *Hueber Dictionary* (2006), infinitif / *Infinitiv* ialah *the basic form of a verb / der Name für eine Verbform* (Nama bagi satu bentuk kata kerja yang asas). Infinitif juga merupakan kata kerja yang tidak menunjukkan waktu, bilangan ataupun orang (Oxford, 2006).

Umumnya, infinitif BJ terdiri daripada ‘bentuk asas / *Grundform*’ yang mempunyai persamaan dengan kata dasar BI *to + verb* seperti *to have*, *to play*, *to know*, *to go* dan sebagainya. Dalam kes ini, kata kerja yang memiliki bentuk infinitif selalunya digunakan untuk kata nama yang bersifat maskulin, feminin dan neutral bagi merujuk sama ada ‘orang’ atau ‘benda’ yang bersifat jamak / *plural*. Bentuk kata kerja ini juga selalunya merujuk kepada kata nama yang mempunyai bilangan lebih daripada satu atau seorang.

Apabila konjugasi dilakukan, kata nama yang merujuk bilangan orang atau benda yang lebih daripada satu akan digantikan dengan ganti nama diri orang ketiga jamak iaitu ‘*sie*’ (they). Kata-kata kerja yang dikonjugasi berdasarkan ganti nama ‘*sie*’ ini juga tidak berakhir dengan *-e*, *-t* ataupun *-st* tetapi sebaliknya kekal sepertimana kata kerja infinitif yang berakhiran dengan *-en*.

Contoh:

<i>schreiben</i> ‘to write’	<i>erklären</i> ‘to explain’	<i>haben</i> ‘to have’
<i>machen</i> ‘to do / make’	<i>warten</i> ‘to wait’	<i>nehmen</i> ‘to take’
<i>bestellen</i> ‘to order’	<i>wohnen</i> ‘to live’	<i>bezahlen</i> ‘to pay’

Dalam pembentukan klausa yang menggunakan ganti nama orang ketiga jamak ‘*sie*’ (they) untuk merujuk sama ada ‘orang’ atau ‘benda/objek’, akhiran kata kerjanya adalah seperti yang dapat dilihat dalam contoh ayat di bawah.

<i>Person</i> (Orang)	<i>Objekt</i> (Objek)
<p>1) <u>Petra und ihr Mann wohnen</u> in Olpe. <u>(Petra and her husband</u> live in Olpe).</p> <p>Apabila <i>Petra und ihr Mann</i> digantikan dengan ganti nama <i>sie</i> (they), maka pembentukan ayat yang baharu adalah:</p> <p><u>Sie wohnen</u> in Olpe. <u>(They</u> live in Olpe).</p>	<p>2) <u>Das Bücherregal und der Sessel kosten</u> 80 Euro. <u>(The bookshelf and the armchair</u> cost 80 euros).</p> <p>Apabila <i>Das Bücherregal und der Sessel</i> digantikan dengan ganti nama <i>sie</i>, maka pembentukan ayat yang baharu adalah:</p> <p><u>Sie kosten</u> 80 euro. <u>(They</u> cost 80 euros).</p>

(Funk, Kuhn & Demme, 2005)

2.2.4 Kedudukan (*Position*)

Dalam pembentukan ayat bahasa Jerman, kedudukan kata kerjanya adalah sentiasa tidak tetap dan perbezaan kedudukan tersebut amat bergantung kepada struktur ayat serta jenis kata kerja yang digunakan. Perubahan yang berlaku pada kedudukan setiap kata kerja di dalam ayat juga dapat dilihat dengan lebih jelas setelah pengenalpastian terhadap jenis-jenis kata kerja dilakukan.

2.3 Pengkategorian Kata Kerja Bahasa Jerman

Empat kategori kata kerja telah dipilih dalam kajian ini iaitu:

- (a) *Regulare Verben* (Kata Kerja Nalar / Beraturan)
- (b) *Unregulare Verben* (Kata Kerja Tidak Nalar / Tidak Beraturan)
- (c) *Trennbare Verben* (Kata Kerja Terpisah)
- (d) *Untrennbare Verben* (Kata Kerja Tidak Terpisah)

2.3.1 *Regulare Verben* (Kata Kerja Nalar / Beraturan)

Kata Kerja Nalar (KKN) ialah kata yang dapat berubah-ubah sesuai dengan kala (*tense*). Menurut *Oxford Dictionary* (2006), KKN ditakrifkan sebagai *A verb that follows a set pattern in its different forms*. Dalam bahasa Jerman, *regulare Verben* merupakan KKN yang tidak mengalami sebarang perubahan pada kata akarnya dan pembentukannya juga adalah mengikut sistem dan peraturan tertentu yang terdapat dalam tatabahasa. Peraturan-peraturan tersebut merupakan penyesuaian atau konjugasi kata kerja berdasarkan ganti nama diri yang berakhiran dengan *-e*, *-st*, *-t* atau *-en*. Perubahan akhiran bagi setiap KKN juga dapat dilihat seperti dalam ayat berikut, *ich komme aus Argentinien* (I come from

Argentinia) atau *Er lernt Englisch* (He learns English) (Funk, Kuhn & Demme, 2005).

Dalam pembentukan ayat tersebut, kata kerja (KK) yang digunakan ialah *kommen* (to come) dan juga *lernen* (to learn). Sebelum konjugasi dibuat, kata akar bagi kedua-dua KK tersebut berakhiran dengan *-en*. Namun apabila kedua-duanya berfungsi dalam ayat, maka kata-kata kerja tersebut akan dikonjugasikan mengikut ganti nama yang digunakan dan perubahan yang dapat dilihat pada akhiran setiap kata kerja *kommen* dan *lernen* ialah seperti dalam Jadual 2.2 dan 2.3.

Jadual 2.2: Konjugasi Kata Kerja Nalar *kommen* (Funk, Kuhn & Demme, 2005)

Pronomen (ganti nama)	Stamm + Endungen (kata akar + akhiran)	Konjugation (konjugasi)	Bedeutung (maksud)
<i>ich</i>	<i>komm + e</i>	<i>komme</i>	<i>i come</i>
<i>du</i>	<i>komm + st</i>	<i> kommst</i>	<i>you come</i>
<i>er / sie / es</i>	<i>komm + t</i>	<i>kommt</i>	<i>he / she / it comes</i>
<i>wir</i>	<i>komm + en</i>	<i>kommen</i>	<i>we come</i>
<i>ihr</i>	<i>komm + t</i>	<i>kommt</i>	<i>you come</i>
<i>sie / Sie</i>	<i>komm + en</i>	<i>kommen</i>	<i>they / you come</i>

Jadual 2.3: Konjugasi Kata Kerja Nalar *lernen* (Funk, Kuhn & Demme, 2005)

Pronomen (ganti nama)	Stamm + Endungen (kata akar + akhiran)	Konjugation (konjugasi)	Bedeutung (maksud)
<i>ich</i>	<i>lern + e</i>	<i>lerne</i>	<i>i learn</i>
<i>du</i>	<i>lern + st</i>	<i>lernst</i>	<i>you (inf) learn</i>

Jadual 2.3, sambungan: Konjugasi Kata Kerja Nalar *lernen* (Funk, Kuhn & Demme, 2005)

Pronomen (ganti nama)	Stamm + Endungen (kata akar + akhiran)	Konjugation (konjugasi)	Bedeutung (maksud)
<i>er / sie / es</i>	<i>lern + t</i>	<i>lernt</i>	<i>he / she / it learns</i>
<i>wir</i>	<i>lern + en</i>	<i>lernen</i>	<i>we learn</i>
<i>ihr</i>	<i>lern + t</i>	<i>lernt</i>	<i>you (all) learn</i>
<i>sie / Sie</i>	<i>lern + en</i>	<i>lernen</i>	<i>they / you (f) learn</i>

2.3.2 *Unregulare Verben* (Kata Kerja Tidak Nalar / Tidak Beraturan)

Kata Kerja Tidak Nalar (KKTN) atau *Unregulare Verben* ialah kata yang mempunyai fungsi yang sama dengan Kata Kerja Nalar tetapi perubahan bentuk kata kerja ini tidak teratur dan tidak mengikut sistem dan peraturan yang telah ditetapkan. Selain tidak nalar, ia juga disebut Kata Kerja Tidak Beraturan kerana tidak berdasarkan peraturan / *tenses* tetapi pada konjugasi tertentu yang digunakan untuk perkataan tersebut. Umumnya, terdapat perbezaan antara Kata Kerja Nalar (KKN) dan Kata Kerja Tidak Nalar (KKTN) iaitu perubahan vokal / *Vokalwechsel* *e* kepada *i* hanya berlaku pada KKTN dan tidak pada KKN seperti dalam contoh di bawah:

Contoh (1)

KKTN *sprechen* (to speak) akan berubah konjugasinya menjadi *sprichst* apabila ganti nama diri orang kedua (tunggal) ‘du’ (you-infomal) digunakan. Misalnya:

(a) *Sprichst du Deutsch?*.

(Do you **speak** german?).

(Funk, Kuhn & Demme, 2005)

Contoh (2)

KKTN *sprechen* berubah konjugasinya menjadi *spricht* apabila ganti nama orang ketiga (tunggal) ‘er / sie’ (he / she) digunakan. Misalnya:

- (b) *Er / Sie spricht Englisch und Japanisch.*
(He / She **speaks** English and Japanese).

(Funk, Kuhn & Demme, 2005)

Bagi konjugasi KKTN yang lain seperti *essen* (to eat), perubahan vokal *e* kepada *i* hanya berlaku pada ganti nama diri orang kedua (tunggal) iaitu ‘du’ (you-informal) dan orang ketiga (tunggal) iaitu ‘er’ (he) dan ‘sie’ (she). Perubahan konjugasi yang berlaku ialah apabila *essen* berubah menjadi *isst*. Contohnya:

- (i) Ganti nama orang kedua (tunggal) ‘du’

- (a) *Wann isst du abends?*.
(When do you **eat** in the evening?).

oder / atau

- (ii) Ganti nama orang ketiga (tunggal) ‘er’

- (b) *Peter isst einen Hamburger.*
(Peter **eats** a hamburger).

(Funk, Kuhn & Demme, 2005)

Bagi ganti nama diri orang pertama (tunggal) ‘ich’ (I) dan orang pertama (jamak) ‘wir’ (we) serta ganti nama diri orang kedua (tunggal) ‘Sie’ (you-formal) dan ganti nama diri orang ketiga (jamak) ‘ihr’ (you all) dan ‘sie’ (they), tidak akan ada sebarang perubahan vokal yang berlaku di antara kedua-dua KKN dan KKTN. Perubahan akhiran KKTN bagi setiap ganti nama adalah seperti dalam contoh Jadual 2.4 dan 2.5.

Jadual 2.4: Konjugasi Kata Kerja Tidak Nalar *sprechen* (Funk, Kuhn & Demme, 2005)

Pronomen (ganti nama diri)	Stamm + Endungen (kata akar + akhiran)	Konjugation (konjugasi)	Bedeutung (maksud)
<i>ich</i>	<i>sprech</i> + <i>e</i>	<i>spreche</i>	<i>i speak</i>
<i>du</i>	<i>sprich</i> + <i>st</i>	<i>sprichst</i>	<i>you (inf) speak</i>
<i>er / sie / es</i>	<i>sprich</i> + <i>t</i>	<i>spricht</i>	<i>he / she / it speaks</i>
<i>wir</i>	<i>sprech</i> + <i>en</i>	<i>sprechen</i>	<i>we speak</i>
<i>ihr</i>	<i>sprech</i> + <i>t</i>	<i>sprecht</i>	<i>you (all) speak</i>
<i>sie / Sie</i>	<i>sprech</i> + <i>en</i>	<i>sprechen</i>	<i>they / you (f) speak</i>

Jadual 2.5: Konjugasi Kata Kerja Tidak Nalar *essen* (Funk, Kuhn & Demme, 2005)

Pronomen (ganti nama diri)	Stamm + Endungen (kata akar + akhiran)	Konjugation (konjugasi)	Bedeutung (maksud)
<i>ich</i>	<i>ess</i> + <i>e</i>	<i>esse</i>	<i>i eat</i>
<i>du</i>	<i>iss</i> + <i>t</i>	<i>isst</i>	<i>you (inf) eat</i>
<i>er / sie / es</i>	<i>iss</i> + <i>t</i>	<i>isst</i>	<i>he / she / it eats</i>
<i>wir</i>	<i>ess</i> + <i>en</i>	<i>essen</i>	<i>we eat</i>
<i>ihr</i>	<i>ess</i> + <i>t</i>	<i>esst</i>	<i>you (all) eat</i>
<i>sie / Sie</i>	<i>ess</i> + <i>en</i>	<i>essen</i>	<i>they / you (f) eat</i>

2.3.3 *Trennbare Verben* (Kata Kerja Terpisah)

Menurut *Oxford Dictionary* (2006), Kata Kerja Terpisah (KKT) atau *separable verb* ialah *A verb with a prefix that can be separated from it in some tenses*. Dalam BJ, *trennbare Verben* membawa pengertian maksud *Verben werden Präfix und Wortstamm voneinander getrennt* atau “kata kerja yang mempunyai awalan dan kata akar yang berasingan”. Dalam pembentukan ayat yang menggunakan KKT, kedudukan kata kerjanya akan dipisahkan menjadi dua morfem yang setiap satunya dapat berfungsi sebagai morfem bebas di dalam ayat. Menurut Asmah Hj. Omar (2008), morfem bebas ialah unit tatabahasa terkecil yang mempunyai sifat yang sama dengan kata tunggal iaitu bentuk kata yang mempunyai makna serta dapat berdiri sendiri sebagai kata penuh tanpa memerlukan bantuan morfem lain.

Dalam konteks penggunaan, KKT terbentuk daripada gabungan *präfix* (awalan kata) atau *präposition* (preposisi) dan juga *infinitiv* (infinitif). Untuk memisahkan gabungan di antara awalan kata dan infinitif ini, maka tanda sempang / *Trennstrich* ‘|’ digunakan. Misalnya kata kerja *ankommen* dipisahkan kepada *an|kommen* apabila digunakan dalam ayat. Apabila kata kerja ini dipisahkan, maka akan terbentuklah dua morfem bebas iaitu *an* dan juga *kommen* yang masing-masing membawa maksud tertentu iaitu *an* (to / at / on) dan *kommen* (to come) (Hueber Wörterbuch, 2006). Selain *ankommen*, KKT lain yang turut menghasilkan makna-makna tertentu apabila dipisahkan adalah seperti contoh dalam Jadual 2.6.

Jadual 2.6: Gabungan awalan kata dan infinitif dalam pembentukan Kata Kerja Terpisah
 (Funk, Kuhn & Demme, 2005)

<i>Präfix + Infinitiv</i> (Awalan kata + Infinitif)	<i>Trenbare verben</i> (Kata Kerja Terpisah)
<i>an</i> (to / at / on) + <i>fangen</i> (to catch)	<i>anfangen</i> (to begin / start)
<i>ein</i> (a, an) + <i>laden</i> (load)	<i>einladen</i> (to invite)
<i>aus</i> (from) + <i>sehen</i> (to see / look)	<i>aussehen</i> (to look / look like)
<i>vor</i> (before / in front of) + <i>bereiten</i> (prepare / ready)	<i>vorbereiten</i> (to prepare)
<i>mit</i> (by / with) + <i>bringen</i> (to bring)	<i>mitbringen</i> (to bring along)
<i>aus</i> (from) + <i>gehen</i> (to go / walk)	<i>ausgehen</i> (to go out)
<i>an</i> (to / at / on) + <i>rufen</i> (to call)	<i>anrufen</i> (to make a call)
<i>mit</i> (by / with) + <i>machen</i> (to do / make)	<i>mitmachen</i> (to participate)

2.3.4 *Untrennbare Verben* (Kata Kerja Tidak Terpisah)

Kata Kerja Tidak Terpisah (KKTT) atau *Untrennbare Verben* merupakan kata kerja yang terdiri daripada satu morfem terikat dan juga satu morfem bebas. Menurut *Oxford Dictionary* (2006), KKTT atau *inseparable verb* ialah *A verb with a prefix that can never be separated from it*. Hal ini menjelaskan bahawa setiap awalan kata kerja tidak terpisah seperti *be-*, *ver-*, *zu-*, *ent-*, *ge-*, *miss-*, *er-* dan lain-lain adalah morfem terikat dan tidak boleh dipisahkan daripada infinitif apabila digunakan. Contoh KKTT ialah seperti *verstehen* (to understand), *beschreiben* (to describe), *erklären* (to explain), *bekommen* (to get), *entscheiden* (to decide) dan lain-lain lagi (Funk, Kuhn & Demme, 2005).

2.4 Aspek-aspek Yang Mempengaruhi Pembentukan Ayat Bahasa Jerman

Dalam pembentukan ayat-ayat bahasa Jerman, selain konjugasi, kedudukan kata kerja juga merupakan aspek penting yang harus diberi perhatian kerana kecuaian meletakkan kata kerja pada kedudukan sebenar bukan sahaja akan menyebabkan kesilapan struktur malahan boleh memberi kesan kepada penghasilan makna ayat. Untuk membentuk ayat-ayat yang tepat, penentuan kedudukan bagi setiap kata kerja itu dilihat sukar dilakukan memandangkan BJ seperti yang diketahui mempunyai pelbagai jenis atau kategori kata kerja yang setiap satunya mempunyai perbezaan penggunaan. Untuk memilih kata kerja yang sesuai, para pelajar seharusnya perlu memahami fungsi setiap kata kerja yang digunakan sama ada boleh diterima atau tidak dalam sesebuah konteks. Justeru, bagi memperlihatkan dengan lebih jelas perbezaan kedudukan kata kerja BJ, maka berikut disertakan contoh-contoh pembentukan ayat penyata dan ayat tanya dengan kedudukan masing-masing mengikut jenis atau kategori kata kerja yang digunakan.

2.4.1 Kedudukan Kata Kerja Nalar (KKN) Dalam Pembentukan Ayat

(a) Aussagesatz (Statement)

(i) *Ich arbeite bei der Commerzbank.*

(I work at the Commerzbank).

(Funk, Kuhn & Demme, 2005)

(b) W-Frage (WH Question)

(ii) *Wohin gehst du am Abend?.*

(Where are you going in the evening?).

(Funk, Kuhn & Demme, 2005)

(c) Satzfrage (Question verb)

(iii) **Gehen** wir zusammen ins Kino?.

(Are we **going** to the Cinema together?).

(Funk, Kuhn & Demme, 2005)

2.4.2 Kedudukan Kata Kerja Tidak Nalar (KKTN) Dalam Pembentukan Ayat

(a) Aussagesatz (Statement)

(i) *Herr Effenberg fährt nach Dresden.*

(Mr.Effenberg **travels** to Dresden).

(Funk, Kuhn & Demme, 2005)

(b) W-Frage (WH Question)

(ii) *Um wie viel Uhr treffen wir uns morgen?.*

(At what time are we **meeting** tomorrow?).

(Funk, Kuhn & Demme, 2005)

(c) Satzfrage (Question verb)

(iii) **Spricht** Magda Deutsch und Russisch?.

(Does Magda **speak** German and Russian?).

(Funk, Kuhn & Demme, 2005)

Dalam pembentukan ayat penyata, kedudukan KKN dan KKTN adalah tetap dan sentiasa berada pada kedudukan selepas kata nama (orang, benda atau konsep). Namun berbeza bagi pembentukan ayat tanya, kedudukan KKN dan KKTN juga adalah sama iaitu berada pada kedudukan sebelum kata nama (orang, benda atau konsep).

2.4.3 Kedudukan Kata Kerja Terpisah (KKT) Dalam Pembentukan Ayat

Seperti yang telah dijelaskan, kata kerja BJ sentiasa berubah kedudukannya dan perubahan tersebut bergantung kepada pembentukan ayat yang hendak dihasilkan. Misalnya dalam ayat *Ich gehe am Sonntag aus*, Kata Kerja Terpisah (KKT) yang digunakan ialah *ausgehen*. Secara literal ayat tersebut bermaksud *I go out on Sunday*. Dalam konteks penggunaan sebenar, setiap ayat yang menggunakan KKT akan dipisahkan awalan katanya seperti *an-*, *ab-*, *auf-*, *aus-*, *zu-*, *um-*, *ein-* daripada infinitif dan diletakkan pada kedudukan akhir klausa manakala infinitif pula akan dikonjugasi berdasarkan ganti nama yang digunakan. Dalam sesebuah ayat, kedudukan KKT mengikut struktur BJ yang betul adalah seperti contoh-contoh berikut:

Contoh (1)

<i>Infinitiv mit Präfix (Infinitif dengan awalan kata)</i>	<i>Präfix (awalan)</i>	<i>Infinitiv ohne Präfix (Infinitif tanpa awalan)</i>	<i>Beispiel (Contoh)</i>
<i>aus/gehen</i> (to go out)	<i>aus-</i>	<i>gehen</i>	<i>Ich gehe am Sonntag aus</i> (I go out on Sunday)

(Funk, Kuhn & Demme, 2005)

Jadual 2.7: Konjugasi infinitif *gehen* berdasarkan ganti nama (Funk, Kuhn & Demme, 2005)

Personal Pronomen (ganti nama)	Stamm (kata akar) + Endungen (akhiran)	Konjugation (konjugasi)	Bedeutung (maksud)
<i>ich</i>	<i>geh + e</i>	<i>gehe</i>	<i>I go / walk</i>
<i>du</i>	<i>geh + st</i>	<i>gehst</i>	<i>you (inf) go / walk</i>
<i>er / sie / es</i>	<i>geh + t</i>	<i>geht</i>	<i>he / she / it goes / walks</i>
<i>wir</i>	<i>geh + en</i>	<i>gehen</i>	<i>we go / walk</i>
<i>ihr</i>	<i>geh + t</i>	<i>geht</i>	<i>you (all) go / walk</i>
<i>Sie / sie</i>	<i>geh + en</i>	<i>gehen</i>	<i>they / you (f) go / walk</i>

Merujuk Contoh (1), *ausgehen* ialah kata yang tergolong dalam kategori Kata Kerja Terpisah (KKT). Dalam BJ, sesuatu kata itu dianggap KKT apabila pembentukannya terdiri daripada dua morfem bebas yang boleh berdiri sendiri dalam ayat dan mempunyai makna tertentu apabila dipisahkan. Contohnya apabila awalan kata *aus-* dan infinitif *gehen* dipisahkan, maka setiap morfem bebas *aus* dan *gehen* akan menghasilkan makna tertentu seperti *aus* (from / of) dan *gehen* (to go / walk).

Bagi pembentukan ayat yang menggunakan KKT, infinitif *gehen* yang telah dikonjugasi akan bertindak sebagai kata kerja pertama (*verb 1*) manakala awalan kata *aus-* pula berfungsi sebagai kata kerja kedua (*verb 2*). Dalam konteks penggunaan yang lebih tepat, kedudukan bagi morfem bebas *aus* dan *gehen* dapat dilihat seperti dalam contoh ayat berikut:

<i>Subjekt (subjek)</i>	<i>Verb 1 (kata kerja 1)</i>	<i>Angabe (keterangan)</i>	<i>Verb 2 (kata kerja 2)</i>
<i>Ich</i>	<i>gehe</i>	<i>am Sonntag</i>	<i>aus</i>

Selain perlunya memahami perubahan konjugasi, pelajar juga harus mengetahui kedudukan awalan kata dan infinitif yang telah dipisahkan. Ini penting kerana, kesilapan seperti tidak meletakkan awalan kata di hujung klausa / ayat secara tidak langsung akan menyebabkan berlakunya perubahan makna dalam ayat yang dihasilkan. Dalam situasi ini, apabila awalan kata *aus-* tidak diletakkan di hujung ayat, maka perubahan golongan kata kerja dan juga makna akan berlaku seperti dalam contoh ayat di bawah:

Ich gehe am Sonntag aus (KKT) → *Ich gehe am Sonntag aus* (KKN)
 (I **go out** on Sunday) berubah menjadi (I **go / walk** on Sunday)

Merujuk Jadual 2.7, m/s 44, akhiran bagi infinitif *gehen* berdasarkan ganti nama yang digunakan (*ich*) ialah *-e* (*gehe*). Dalam pembentukan ayat tersebut, bentuk serta kedudukan KK yang digunakan secara jelas memperlihatkan perbezaan makna yang dibawa oleh kedua-dua ayat. Perbezaan makna tersebut juga dapat dilihat seperti dalam contoh ayat-ayat di bawah:

(i) *Ich gehe jeden Tag zur Uni.*
 (I **go / walk** to university every day).

(ii) *Ich gehe mit meiner Freundin aus.*
 (I **go out** with my girlfriend).

(Funk, Kuhn & Demme, 2005)

Berdasarkan contoh ayat (i) dan (ii), secara jelas kedua-dua pembentukan tersebut terdiri daripada ayat yang menggunakan kata kerja yang berbeza iaitu ayat (i) Kata Kerja Nalar

(KKN) manakala ayat (ii) Kata Kerja Terpisah (KKT). Walaupun infinitif yang digunakan adalah sama iaitu *gehen* (go / walk), namun dengan kewujudan awalan kata *aus-* yang bertindak sebagai kata kerja kedua (*Verb 2*) pada kedudukan akhir dalam ayat (ii), maka secara tidak langsung ayat tersebut menghasilkan makna yang berbeza dengan ayat (i). Dalam situasi ini, selain perlu memahami konteks pelajar juga harus tahu bahawa selain KKT *ausgehen*, terdapat juga KKT lain yang mempunyai infinitif yang sama tetapi awalan kata yang berbeza seperti *mit-*, *weiter-*, *hin-*, *weg-*, *dan zurück-* dan lain-lain yang boleh menghasilkan pelbagai makna dan jika penggunaannya tidak difahami dengan betul akan menyebabkan berlakunya ketidaktepatan dalam penyampaian maksud.

Justeru, dalam memilih KKT yang sesuai, seseorang pelajar harus membezakan makna setiap KKT agar penggunaannya lebih tepat dan tidak menyalahi maksud yang hendak disampaikan. Dalam BJ, contoh KKT yang mempunyai infinitif yang sama tetapi awalan kata yang berbeza adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.8.

Jadual 2.8: Kata Kerja Terpisah yang mempunyai infinitif yang sama tetapi awalan kata yang berbeza (Funk, Kuhn & Demme, 2005)

<i>Präfix (awalan)</i>	<i>infinitiv (infinitif)</i>	<i>Präfix + infinitiv (awalan) (infinitif)</i>
<i>mit-</i> (with)	<i>gehen</i> (go / walk)	<i>mitgehen</i> (go along)
<i>weiter-</i> (again)	<i>gehen</i> (go / walk)	<i>weitergehen</i> (move on)

Jadual 2.8, sambungan: Kata Kerja Terpisah yang mempunyai infinitif yang sama tetapi awalan kata yang berbeza (Funk, Kuhn & Demme, 2005)

Präfix (awalan)	infinitiv (infinitif)	Präfix + infinitiv (awalan) (infinitif)
<i>hin-</i> (there)	<i>gehen</i> (go / walk)	<i>hingehen</i> (go there)
<i>weg-</i> (away)	<i>gehen</i> (go / walk)	<i>weggehen</i> (go away)
<i>zurück-</i> (back)	<i>gehen</i> (go / walk)	<i>zurückgehen</i> (go back)

Berdasarkan Jadual 2.8, setiap awalan kata yang berlainan jika digabungkan dengan infinitif *gehen* secara jelas akan menghasilkan makna yang berbeza. Misalnya, apabila awalan kata *mit-* bagi KKT *mitgehen* digantikan dengan awalan kata *weiter-*, maka perubahan makna akan berlaku dalam ayat seperti contoh di bawah:

(i) **Gehst du zu der Party mit?**

(Are you **going** to the party **along**?).

(Hueber Wörterbuch, 2006)

Sekiranya awalan kata *mit-* dalam ayat (i) digantikan dengan awalan kata *weiter-*, maka perubahan makna yang berlaku adalah seperti berikut:

(ii) **Gehst du zu der Party weiter.**

(Are you **moving on** to the party?).

(Hueber Wörterbuch, 2006)

Dalam situasi ini, penggantian awalan kata atau morfem bebas *mit-* kepada *weiter-* dilihat telah memberi kesan kepada makna ayat walaupun kedudukan KKT dan pembentukan kedua-dua ayat adalah sama.

Contoh (2)

<i>Infinitiv mit Präfix (Infinitif dengan ‘awalan’)</i>	<i>Präfix (awalan)</i>	<i>Infinitiv ohne Präfix (Infinitif tanpa ‘awalan’)</i>	<i>Beispiel (contoh)</i>
<i>auf/stehen</i> (to get up)	<i>auf</i>	<i>stehen</i>	<i>Meine Kinder stehen um 7 Uhr auf</i> (My children get up at 7 o'clock)

(Hueber Wörterbuch, 2006)

Jadual 2.9: Konjugasi infinitif *stehen* berdasarkan ganti nama (Funk, Kuhn & Demme, 2005)

<i>Personal Pronomen (ganti nama)</i>	<i>Stamm (kata akar) + Endungen (akhiran)</i>	<i>Konjugation (konjugasi)</i>	<i>Bedeutung (maksud)</i>
<i>ich</i>	<i>steh + e</i>	<i>stehe</i>	<i>I stand</i>
<i>du</i>	<i>steh + st</i>	<i>stehst</i>	<i>you (inf) stand</i>
<i>er / sie / es</i>	<i>steh + t</i>	<i>steht</i>	<i>he / she / it stands</i>
<i>wir</i>	<i>steh + en</i>	<i>stehen</i>	<i>we stand</i>
<i>ihr</i>	<i>steh + t</i>	<i>steht</i>	<i>you (all) stand</i>
<i>Sie / sie</i>	<i>steh + en</i>	<i>stehen</i>	<i>they / you (f) stand</i>

Berdasarkan ayat *Meine Kinder stehen um 7 Uhr auf* (lihat Contoh 2), frasa *meine Kinder* (my children) yang berfungsi sebagai subjek boleh digantikan dengan ganti nama diri orang ketiga (jamak) iaitu *sie* (they). Seperti yang telah dijelaskan, apabila infinitif *stehen*

dikonjugasi mengikut ganti nama diri *sie*, kata kerja tersebut tidak akan mengalami sebarang perubahan dan masih kekal dengan akhiran *-en*. Sekiranya infinitif *stehen* dan awalan kata *auf-* ini dipisahkan, maka kedua-dua kata tersebut dapat berfungsi sebagai morfem bebas yang boleh menghasilkan makna-makna seperti *auf* (on / to) dan *stehen* (to stand). Dalam pembentukan ayat BJ, kesilapan yang sering dilakukan pelajar ialah dengan tidak meletakkan awalan kata *auf-* di hujung ayat sehingga menyebabkan terjadinya penyimpangan makna dalam ayat yang dihasilkan. Penyimpangan makna tersebut dapat dilihat sekiranya berlaku dalam situasi seperti berikut:

(i) *Meine Kinder stehen um 7 Uhr auf.*

(My children **get up** at 7 o'clock).

Dalam ayat (i), sekiranya awalan kata *auf-* digugurkan, maka berlakulah penyimpangan makna seperti dalam ayat (ii) di bawah:

(ii) *Meine Kinder stehen um 7 Uhr.*

(My children **stand** at 7 o'clock).


Seperti yang telah dijelaskan dalam Contoh (1), ayat-ayat yang terdapat dalam Contoh (2) juga dapat dilihat perbezaan maknanya berdasarkan awalan kata yang digunakan iaitu *auf-*. Jika diperhatikan, ayat (i) menghasilkan makna yang lebih tepat berbanding ayat (ii). Untuk membolehkan makna ayat (ii) lebih mudah difahami, maka sebaik-sebaiknya penyambut / objek yakni frasa *um 7 Uhr* (at 7 o'clock) digantikan dengan *auf dem Tisch* (on the table) seperti dalam ayat di bawah:

(ii) *Meine Kinder stehen um 7 Uhr*

(My children **stand** at 7 o'clock)

(iii) *Meine Kinder stehen auf dem Tisch*

(My children **stand** on the table)



2.4.4 Kedudukan Kata Kerja Tidak Terpisah (KKTT) Dalam Pembentukan Ayat

Tidak seperti Kata Kerja Terpisah (KKT), pembentukan ayat yang menggunakan Kata Kerja Tidak Terpisah (KKTT) pula tidak akan mengalami sebarang perubahan yakni awalan kata dan infinitifnya tidak akan dipisahkan dan sentiasa berada pada kedudukan selepas kata nama iaitu sama ada merujuk orang atau benda. Untuk menghasilkan ayat yang menggunakan KKTT, pembentukannya adalah seperti yang dapat dilihat dalam Contoh (3).

Contoh (3)

<i>Präfix + Infinitiv (Awalan + Infinitif)</i>	<i>Beispiel (Contoh)</i>
<i>verkaufen</i> (to sell)	<i>Susanne verkauft Blumen auf dem Markt.</i> (Susanne sells the flowers on the market).

(Duden Bedeutungswörterbuch, 1985)

Jadual 3.0: Konjugasi infinitif *kaufen* berdasarkan ganti nama (Funk, Kuhn & Demme, 2005)

<i>Personal Pronomen (ganti nama)</i>	<i>Stamm (kata akar) + Endung (akhiran)</i>	<i>Konjugation (konjugasi)</i>	<i>Bedeutung (maksud)</i>
<i>ich</i>	<i>verkauf + e</i>	<i>verkaufe</i>	<i>I sell</i>
<i>du</i>	<i>verkauf + st</i>	<i>verkaufst</i>	<i>you (inf) sell</i>
<i>er / sie / es</i>	<i>verkauf + t</i>	<i>verkauft</i>	<i>he / she / it sells</i>
<i>wir</i>	<i>verkauf + en</i>	<i>verkaufen</i>	<i>we sell</i>
<i>ihr</i>	<i>verkauf + t</i>	<i>verkauft</i>	<i>you (all) sell</i>
<i>sie / Sie</i>	<i>verkauf + en</i>	<i>verkaufen</i>	<i>they / you (f) sell</i>

Berdasarkan pembentukan ayat (lihat Contoh 3), infinitif *kaufen* akan berubah menjadi *kauft* apabila dikonjugasi mengikut ganti nama diri orang ketiga (tunggal) iaitu *sie* (she) / *Susanne*. Berdasarkan takrifan, *kaufen* bermaksud *to buy* manakala *verkaufen* yang digunakan dalam ayat pula membawa maksud *to sell*. Perbezaan makna di antara *kaufen* dan *verkaufen* hanya dapat diketahui dengan melihat keseluruhan konteks serta kewujudan awalan kata *ver-* dihadapan infinitif *kaufen*. Sekiranya awalan *ver-* ini digugurkan, ayat *Susanne verkauft Blumen auf dem Markt* (Susanne sells the flowers on the market) akan berubah pula maknanya menjadi *Susanne kaufst Blumen auf dem Markt* (Susanne buys the flowers on the market). Dalam situasi ini, awalan kata *ver-* tidak akan dipisahkan kerana ia merupakan morfem terikat dan perlu sentiasa berada bersama dengan infinitif *kaufen* untuk mengekalkan maksud sebenar.

2.5 Ketepatan Kata dalam Pembentukan Makna

Dalam pembentukan ayat, makna yang dibawa oleh sesebuah kata itu harus difahami kerana tanpa penghasilan makna yang tepat, penyampaian sesuatu mesej akan menjadi tidak sempurna dan kurang berkesan. Dengan pemilihan kata yang tepat di samping susun aturnya yang betul dalam sesebuah ayat akan dapat menghasilkan makna yang lebih jelas dan mudah untuk difahami. Ini kerana, sesuatu makna itu akan berubah jika sekiranya kata yang digunakan tidak sesuai dan membawa pengertian sebaliknya. Justeru, dalam meneliti penggunaan kata kerja BJ terutama dari aspek ketepatan maknanya dalam konteks ayat, maka amat perlu sekiranya konsep-konsep yang berkaitan makna serta contoh yang berkaitan dengan kata tersebut difahami terlebih dahulu bagi memudahkan pemilihan kata dilakukan.

2.5.1 Pengertian Makna

Kata berperanan dalam menentukan ketepatan makna sesebuah ayat. Ketidaktepatan sesuatu kata yang digunakan bukan sahaja boleh mempengaruhi kejelasan makna bahkan boleh menjelaskan keberkesanan dalam penyampaian mesej. Tanpa adanya unsur-unsur makna, apa sahaja yang ditulis atau diujarkan tidak akan mendatangkan sebarang kefahaman kepada orang yang membaca sesuatu yang ditulis atau juga orang yang dilawan bercakap. Menurut Ferdinand De Saussure (1974), ‘makna’ mencakupi aspek ‘pengertian’ atau ‘konsep’ yang dimiliki oleh setiap morfem, baik yang disebut dasar atau morfem afiks. Lazimnya, kita sering memperkatakan dan mentakrifkan makna daripada segi rangsangan penutur kerana ia merupakan aspek yang lebih mudah daripada gerak balas pendengar.

Untuk mendalami pengertian makna tersebut, kita perlu mengetahui bahawa semua makna yang wujud pada setiap kata dikatakan masih lagi bersifat umum, kasar dan kurang tepat. Makna-makna seperti ‘makna leksikal’, ‘makna denotatif’ atau ‘makna konseptual’ hanya akan menjadi lebih tepat apabila kata itu berada dalam konteks situasinya. Dalam hal ini, hanya makna yang dapat memainkan peranan dalam menerangkan sesuatu keadaan. Contohnya dalam BJ, ungkapan seperti *die Farbe ist nass* (The paint is wet) dan *frisch gestrichen!* (freshly painted!) adalah ungkapan yang menjelaskan keadaan yang berbeza. Dalam ungkapan *die Farbe ist nass*, mesej yang cuba disampaikan lebih menjurus kepada pernyataan atau penjelasan tentang suatu keadaan atau sifat iaitu ‘cat itu yang basah’ manakala ungkapan *frisch gestrichen!* pula lebih berbentuk peringatan atau amaran (Newmark, 1981). Dalam hal ini, penyampaian sesuatu mesej dikatakan amat bergantung sepenuhnya kepada makna yang terkandung dalam mesej yang disampaikan. Penyampaian

sesuatu mesej juga dikatakan menjadi lebih berkesan dan mudah diterima sekiranya sesuatu makna yang diekspresikan difahami oleh pembaca atau pendengar sepertimana yang dijelaskan oleh Robbins dalam Abdullah Yusof (2009):

Makna adalah suatu unsur yang amat penting dalam mana-mana ujaran atau tulisan dan merupakan sebahagian daripada ilmu linguistik. Tanpa unsur ini, apa sahaja yang diujar atau ditulis tidak akan memberi sebarang kefahaman kepada orang yang dilawan bercakap atau orang yang membaca sesuatu yang ditulis.

Hakikatnya, pengertian ‘makna’ telah mula dibahaskan oleh ahli falsafah sejak 2000 tahun yang lalu yang pada ketika itu tidak ada seorang pun dapat menghasilkan jawapan yang memuaskan melainkan dua praanggapan yang ditimbulkan tentang makna iaitu (i) perkataan ‘makna’ mempunyai beberapa jenis kewujudan dan realiti serta (ii) apa-apa sahaja yang dirujuk sebagai makna adalah sama tetapi tidak identikal secara am. Oleh itu, untuk menjelaskan lagi pengertian makna ini, maka pelbagai definisi telah diberikan oleh ahli-ahli linguistik yang secara umum merujuk kepada ‘erti’ atau ‘maksud’ sesuatu perkataan. Sepertimana yang dinyatakan dalam *Collins Cobuild Advanced Dictionary* (2009), makna boleh ditakrifkan sebagai *The meaning of a word, expression or gesture is the thing or idea that it refers to or represents and which can be explained using other words* (makna perkataan, ungkapan atau isyarat yang boleh dijelaskan dengan menggunakan perkataan lain). Dalam komunikasi, manusia sememangnya tidak akan menggunakan perkataan dan menghasilkan ayat yang betul-betul serupa semasa berhubung kerana penggunaan setiap perkataan adalah berdasarkan kepada latar belakang peribadi masing-masing. Menurut Ainon Mohd (dalam Abdul Hadi, 1998), “tidak ada dua bahasa yang menyamai antara satu sama lain, sama ada pada makna antara dua perkataan yang dianggap serupa atau pada cara perkataan-perkataan dalam bahasa itu disusun mengikut

peraturan nahunya”. Kenyataan Ainon tentang makna kata juga diakui oleh Bloomfield (1992) yang turut menjelaskan bahawa makna kata yang terbentuk sebenarnya adalah hasil daripada tiga hubungan daripada bentuk-bentuk bahasa iaitu:

- (a) Hubungan antara satu bentuk bahasa dengan bentuk bahasa yang lain.
- (b) Hubungan antara bentuk bahasa dengan situasi bukan lisan (objek, peristiwa dan sebagainya).
- (c) Hubungan antara bentuk bahasa dengan orang yang melakukan perhubungan tersebut.

Hubungan-hubungan makna yang terhasil daripada bentuk bahasa ini seterusnya akan menghasilkan pelbagai pengertian tentang makna yang menurut *Kamus Dewan* (2010) terbahagi kepada beberapa kategori iaitu:

- (a) ‘Makna fungsian’ - makna unsur linguistik yang dilihat dari segi fungsi tatabahasanya.
- (b) ‘Makna kiasan’ - makna kata yang tidak merujuk kepada makna harfiah, tetapi dikiaskan sebagai ‘ibarat’.
- (c) ‘Makna konteks’ - makna yang menunjukkan hubungan antara ujaran dengan keadaan.
- (d) ‘Makna leksikal’ - makna kata seperti yang terdapat di dalam kamus.

Dalam kajian ini, tumpuan khusus diberi kepada aspek penggunaan kata kerja bagi melihat sama ada padanan kata tersebut mempengaruhi makna konteks ataupun tidak. Seperti yang diketahui, ‘makna konteks’ ialah makna yang diperoleh daripada pembentukan ayat secara keseluruhan. Dengan mendalami kajian kata, kita akan dapat memahami hubungan-hubungan makna yang wujud yang menjadikan perkataan tersebut berbeza daripada perkataan yang lain serta dapat mengetahui sesuatu perkataan itu sebenarnya mempunyai

kepelbagaiannya yang berbeza ketika digunakan dalam situasi-situasi sosial oleh manusia (Lyons, 1977). Di samping itu, kita juga dapat mengetahui bahawa setiap satu perkataan yang sama mungkin mempunyai bidang makna yang berbeza dan oleh sebab itu pemilihan kata yang tepat apabila ingin digunakan hendaklah bergantung kepada konteks (Sarinah, 2001). Untuk melihat perbezaan makna setiap kata yang digunakan, sebagai contoh Fillmore (1966) ada menyatakan bahawa dalam BI terdapat kata kerja *to come* dan *to go* yang berbeza konteks penggunaannya. Perkataan *to come* adalah terhad penggunaannya dan hanya digunakan dalam situasi-situasi berikut:

- (i) Menunjukkan arah menuju penutur atau pendengar.

Contoh: *Come to me* atau *I will come to you*,

- (ii) Menunjukkan arah menuju penutur atau pendengar pada masa peristiwa tersebut berlaku sama ada masa lepas atau masa depan.

Contoh: *I will come to see you in Paris* (when you get there)

- (iii) Menunjukkan arah sesuatu tempat penutur atau pendengar itu selalu berada, walaupun ketika itu mereka tidak berada di tempat itu.

Contoh: *Come to my office* atau *I came to your house*.

Dalam situasi-situasi ini, sekiranya tidak ada sebarang petunjuk tentang kedudukan sama ada pendengar atau penutur, maka perkataan *go* lebih sesuai digunakan. Misalnya, seseorang itu tidak boleh mengatakan *Come to my office immediately* jika orang yang dimaksudkan ada bersama-sama di sesuatu tempat atau di luar pejabat yang secara jelas menunjukkan pergerakan itu adalah dari tempat di mana seseorang iaitu ‘pergi / go’. Selain perlu memahami makna konteks, makna leksikal juga perlu dilihat kerana setiap kata dalam semua bahasa pasti memiliki makna tersendiri. Selain melihat kepada makna konteks,

‘makna leksikal’ pula bermaksud makna yang diperoleh daripada kamus dan merujuk kepada makna sesuatu perkataan itu sendiri tanpa melihat penggunaannya dalam ayat (Kamus Dewan, 2010). Dengan kata lain, kata yang tergolong dalam jenis ini mempunyai makna tersendiri dan tidak bergantung pada kata lain untuk ditakrifkan maknanya (Asmah, 2008). Apabila makna tersebut dihuraikan untuk setiap kata, maka akan terhasilah makna yang berbeza. Dalam hal ini, penggunaan kamus dilihat amat perlu bagi mendapatkan makna-makna yang sesuai dengan konteks yang dimaksudkan.

2.5.2 Hubungan Makna dalam Pembentukan Kata

“*Ein Wort ist eine selbstständige sprachliche Einheit*” / “Perkataan adalah sebuah unit linguistik bebas” merupakan suatu ungkapan yang menjelaskan tentang sifat yang dimiliki oleh sesebuah kata yang secara umum dapat berfungsi dalam hubungan sintagmatik dengan kata lain bagi mewujudkan frasa dan juga ayat. Dalam setiap bahasa, sesuatu kata itu bebas memiliki maknanya sendiri dan tidak bergantung kepada kata lain untuk ditakrifkan maknanya. Misalnya, ‘hari hujan’ merupakan frasa yang menggambarkan dua kata iaitu ‘hari’ dan ‘hujan’ yang setiap satunya merupakan unsur dalam frasa yang mempunyai makna dan boleh berdiri sendiri.

Dalam mana-mana bahasa, tidak semua perkataan mempunyai jenis makna yang sama dengan yang lain kerana terdapat sesetengah perkataan yang mempunyai sedikit makna atau tidak mempunyai makna langsung. Misalnya ungkapan seperti *Mother go to the kitchen* adalah agak mudah untuk kita meneka makna *mother*, *go to* dan juga *the kitchen* kerana ia boleh digantikan dengan sebarang perkataan berbanding dengan kata *to* yang

tidak boleh digantikan dengan kata lain seperti *in* menjadi *Mother go in the kitchen* kerana penggunaan kata *in* tidak memberi makna yang tepat kepada ayat tersebut. Menurut Aristotle iaitu seorang ahli falsafah, ‘kata’ juga merupakan satuan terkecil yang mempunyai makna dan berfungsi sebagai alat dalam pembinaan ayat yang dikenalpasti menjadi suatu tanda yang mencakupi dua bahagian iaitu ‘bentuk’ dan ‘makna’ (Lyons, 1969).

Sebagai satu unit ujaran yang bebas dan mengandungi makna, kata yang terdiri daripada satu atau gabungan beberapa bentuk bunyi bahasa selalunya dirujuk kepada ayat sehingga secara umum perubahan perkataan tersebut dikatakan sebagai perubahan perkataan dalam bahasa. Dalam hal ini, terdapat sesetengah perkataan dalam dua bahasa berbeza mempunyai makna yang sama tetapi memiliki unsur-unsur pembahagian makna yang berlainan iaitu sama ada maknanya dapat ditentukan atau tidak daripada bahagian-bahagiannya. Misalnya *thimble*, *glove* dan *linguistic* dalam BI ialah kata-kata yang tergolong dalam kategori perkataan ‘legap’ iaitu perkataan yang mempunyai makna yang tidak boleh ditentukan daripada bahagian-bahagiannya. Dalam BJ, kata yang boleh dipadankan dengan ketiga-tiga perkataan tersebut ialah *Fingerhut*, *Handschuh* dan *Sprachwissenschaft* yang kesemuanya tergolong dalam kategori perkataan ‘lut sinar’ atau perkataan yang mempunyai makna yang boleh ditentukan daripada bahagian-bahagiannya (Ullmann dlm Palmer, 1989). Dalam hal ini, untuk menjelaskan pembahagian makna kata yang berlainan antara BJ dan BI, kita seharusnya tidak boleh mentafsirkan terus makna setiap perkataan *Fingerhut* ke dalam BM misalnya sebagai ‘topi jari’, *Handschuh* ‘kasut tangan’ dan *Sprachwissenschaft* ‘sains bahasa’ kepada makna sebenar kerana makna yang ditentukan daripada bahagian-bahagian setiap perkataan ‘topi jari’, ‘kasut tangan’ dan ‘sains bahasa’ ini jelas tidak menunjukkan

hubungan makna sebenar bagi perkataan *thimble*, *glove* dan *linguistic*. Dalam situasi ini, Parera (1986) menjelaskan tentang hubungan makna yang wujud bagi setiap pembinaaan kata ini dengan mengandaikan:

- (a) Proses pembentukan kata, sebahagian besarnya berhubungan dengan komponen makna leksikal.
- (b) Proses pembentukan kata yang pada satu masa belum diterima atau belum wujud disebabkan belum ada keperluan makna bagi masyarakat pengguna bahasa tersebut.
- (c) Proses pembentukan kata yang baru terjadi disebabkan oleh tuntutan makna masyarakat pengguna bahasa.
- (d) Proses pembentukan kata sebahagiannya secara umum dan sebahagian lagi bersifat profesional.

Bagi memperjelaskan lagi pengertian ‘makna’ ini, Asmah Haji Omar (1986) turut menyatakan bahawa, “makna sebenarnya didukung oleh berbagai-bagai satuan iaitu kata, imbuhan, rangkai kata, klausa, ayat dan juga hubungan antara tiap-tiap satuan itu”. Ini bermaksud, analisis makna dilakukan pada dua peringkat iaitu peringkat perkataan dan peringkat ayat. Dalam hal ini, analisis yang dijalankan bukan sahaja perlu mencerapkan hubungan sebenar antara makna perkataan dengan makna ayat, tetapi juga mestilah berupaya menyatakan bagaimana hubungan makna tersebut bergantung kepada urutan kata atau pada aspek struktur ayat yang lain. Penjelasan Asmah ini turut disokong oleh Kempson (1991) dengan mengatakan bahawa “semua bahasa bergantung kepada makna dalam perkataan dan ayat iaitu setiap perkataan dan ayat lazimnya dikaitkan sekurang-kurangnya dengan satu makna”. Justeru dalam pembentukan sesebuah ayat, makna yang terhasil adalah bergantung kepada bagaimana sesuatu perkataan itu disusun. Misalnya ayat *Cats*

chase dogs dan *dogs chase cats* tidak membawa makna yang sama walaupun perkataan dalam setiap ayat itu serupa. Ini bermaksud, urutan kata kadangkala mengubah makna dan kadangkala tidak. Selain urutan kata, perlu diperhatikan juga aspek semantik yang dibawa oleh sesuatu kata. Hal ini kerana, dalam keadaan tertentu pembahagian semantik adalah mengatasi pembahagian perkataan seperti dalam frasa *heavy smoker* dan *good singer*.

Jika diteliti daripada aspek pembentukannya, frasa *heavy smoker* merupakan gabungan daripada dua perkataan *heavy + smoker* yang apabila diterjemah tanpa melihat maknanya yang sebenar akan menjadi “seorang berat yang merokok” manakala *good singer* yang terdiri daripada perkataan *good + singer* akan menjadi “penyanyi yang baik”. Daripada aspek semantik, terjemahan tersebut secara jelas menyalahi makna sebenar kerana berdasarkan maksud yang lebih tepat *heavy + smoker* sebenarnya menjelaskan tentang “seseorang yang terlalu banyak merokok” dan *good + singer* pula ialah “penyanyi itu menyanyi dengan baik” (Palmer, 1989).

2.5.3 Teori-teori Yang Berkaitan Hubungan Makna Kata

2.5.3.1 Teori Analisis Komponen Makna

Dalam mengkaji hubungan makna antara kata, Teori Analisis Komponen makna (*Componential Analysis of Meaning*) seringkali digunakan bagi menghuraikan fitur-fitur persamaan dan perbezaan yang wujud antara kata-kata tersebut. Komponen makna atau juga dikenali sebagai komponen semantik (*semantic feature*, *semantic property* atau *semantic marker*) dapat menjelaskan bahawa setiap kata atau unsur leksikal terdiri daripada satu atau lebih unsur yang sama-sama membentuk makna kata atau makna unsur leksikal

tersebut. Seluruh makna yang terbentuk daripada sepatchah perkataan dapat dilihat dalam satu jumlah unsur yang berbeza atau komponen-komponen makna melalui istilah kekeluargaan yang digunakan. Dengan menggunakan kaedah Analisis Komponen Makna (AKM), kita dapat mentakrifkan secara teratur bentuk kehiponiman dan juga ketidakserasan makna.

Selain itu, komponen makna juga digunakan bagi menjelaskan lagi hubungan makna yang wujud antara satu kata dengan kata yang lain yang sentiasa saling berhubung. Perkaitan antara makna kata ini disebut sebagai hubungan struktur leksikal iaitu hubungan makna yang wujud bagi sepatchah kata dengan sejumlah unsur atau komponen makna. Untuk mengetahui makna bagi sesebuah kata yang dianalisis, penggunaan analisis komponen makna dikatakan antara kaedah yang terbaik bagi mengurangkan kesalahan atau membolehkan pertentangan makna bagi setiap kata diminimumkan (Palmer, 1989). Di samping itu, komponen makna juga amat sesuai digunakan dalam menentukan istilah berdasarkan hubungan kekeluargaan sesuatu perkataan atau ujaran dengan memasukkan unsur pertentangan. Misalnya ‘suami-isteri’ atau ‘teruna-dara’.

Melalui teori Analisis Komponen Makna, antara perkara yang diperhatikan dalam mengkaji makna ialah melihat sejumlah ciri rujukan bagi sesuatu kata, hubungan rujukan yang wujud antara sesuatu kata dengan kata yang lain serta meneliti ciri khusus bagi kata yang mempunyai hubungan rujukan iaitu yang membezakan fitur semantik kata itu dengan kata yang lain. Perbezaan fitur yang ditandai dengan (+) dan (-) digunakan untuk menunjukkan sama ada terdapat atau tidak fitur pada sesuatu perkataan itu (Katz & Fodor, 1968). Dalam mengkaji makna sesuatu kata, perbezaan fitur yang ditandai dengan (+) dan (-) ini begitu

berperanan dalam menentukan hubungan makna bagi sesuatu perkataan. Ini kerana, berdasarkan pandangan Kempson (1991), Analisis Komponen Makna (AKM) atau fitur semantik merupakan cara untuk menzahirkan sejelas mungkin hubungan sistematis antara perkataan. Menurut beliau, perkataan tidak mempunyai makna tunggal tetapi lebih bersifat sekelompok komponen makna. Contohnya bagi kata nama *woman* dan *spinster*, sekelompok komponen makna yang sama akan ditandai dengan fitur (+) seperti [manusia], [dewasa] dan [perempuan]. Bagi ciri-ciri pembeza seperti [berkahwin], fitur (+) hanya ditandai bagi *woman* dan (-) bagi *spinster* manakala ciri [bujang] fitur (+) ditandai untuk *spinster* dan (-) untuk *woman* seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Ciri-ciri perbezaan makna antara *woman* dan *spinster*

Ciri-ciri pembeza	<i>Woman</i>	<i>Spinster</i>
Manusia	+	+
Dewasa	+	+
Perempuan	+	+
Berkahwin	+	-
Bujang	-	+

Selain Kempson, Loebner (2002) turut berpendapat bahawa pendekatan komponen makna juga adalah berasaskan kepada analisis makna item leksikal melalui pengenalpastian komponen-komponennya dan bagaimana komponen itu digabungkan. Dalam pendekatan ini, kehadiran atau ketiadaan cebisan semantik ditunjukkan melalui fitur *plus* dan *minus*. Contohnya entri bagi perkataan seperti *ayah* dan *ibu* boleh ditunjukkan seperti berikut:

Komponen makna	Ayah	Ibu
1. Lelaki	+	-
2. Berkahwin	+	+
3. Ada anak	+	+

Melalui fitur *plus* dan *minus*, kita dapat mengetahui bahawa perkataan *Ayah* mengandungi makna ‘lelaki’, ‘berkahwin’ dan ‘ada anak’ sementara perkataan *Ibu* mempunyai makna ‘perempuan’, ‘berkahwin’ dan ‘ada anak’. Dalam hal ini makna bagi kedua-dua perkataan ini hanya dibezakan oleh fitur *gender*. Selain kata nama, golongan kata kerja juga turut melalui proses yang sama. Bagi kata kerja yang memiliki ciri atau sifat yang sama (sinonim) seperti kata kerja *hiris*, *cincang*, *kerat*, *tetak*, *belah* dan *siang*, kata-kata tersebut akan diletakkan dalam kelas semantik yang sama iaitu kata yang tergolong dalam konsep memotong sesuatu . Walaupun kesemua kata kerja tersebut berkongsikan cebisan semantik yang sama yakni potong , namun hakikatnya kata-kata tersebut masih lagi mempunyai perbezaan dan perbezaan tersebut hanya dapat ditentukan oleh fitur semantik tambahan seperti cara potong , benda yang dipotong dan saiz potongan . Setiap perbezaan fitur-fitur tersebut akan dapat diketahui dengan lebih jelas seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 2.2 dan 2.3.

Jadual 2.2: Perbezaan dari segi cara / saiz potongan

Ciri-ciri pembeza	<i>hiris</i>	<i>cincang</i>	<i>kerat</i>	<i>tetak</i>	<i>belah</i>	<i>siang</i>
Saiz kecil	+	+	-	-	-	-
Potong halus	-	+	-	-	-	-
Potong dua	-	-	-	+	+	-

Jadual 2.3: Perbezaan dari segi benda / objek yang dipotong

Ciri-ciri pembeza	<i>hiris</i>	<i>cincang</i>	<i>kerat</i>	<i>tetak</i>	<i>belah</i>	<i>siang</i>
Ikan	-	-	-	-	-	+
Sayur	+	-	-	-	-	-
Kayu	-	-	+	+	+	-
Bawang	+	+	-	-	-	-

Berdasarkan Jadual 2.2 dan 2.3, perbezaan kata kerja potong ditunjukkan oleh dua ciri iaitu perbezaan dari segi cara / saiz potongan dan perbezaan dari segi benda / objek yang dipotong. Perkataan */cincang/* misalnya, digunakan untuk mendenotasi perbuatan memotong bawang dalam potongan yang halus manakala perkataan */hiris/* pula digunakan untuk menunjukkan perbuatan memotong bawang dengan saiz yang kecil (Maslida & rakan-rakan, 2010).

2.5.3.2 Teori Hubungan Makna Sinonimi

Menurut Nathesan (2008), kata sinonim (synonym) yang berasal daripada bahasa Yunani sebenarnya terdiri daripada dua kata iaitu *syn* yang bererti ‘sama atau serupa’ dan *onym* yang membawa maksud ‘nama’. Berdasarkan *Kamus Dewan* (2010), ‘sinonim’ ialah kata yang mempunyai persamaan makna dengan kata lain. Misalnya ‘cantik’ dengan ‘indah’ dan ‘cepat’ dengan ‘pantas’. Lazimnya, sinonim terdiri daripada perkataan yang dipinjam daripada perkataan asli bahasa itu ataupun kedua-duanya dipinjam. Walaupun sinonim dikatakan terdiri daripada kata yang mempunyai makna yang sama namun pada dasarnya sinonim yang wujud tidak boleh dianggap seratus-peratus sama. Hal ini dapat dilihat bagi

pasangan kata *kereta* dan *motokar* yang dilihat seakan-akan sama maknanya. Walaupun kita boleh menganggap makna kedua-dua kata tersebut sama dalam frasa *kereta besar* ataupun *kereta lembu*, namun hakikatnya perkataan *kereta* pada frasa *kereta lembu* tidak boleh ditukar menjadi *motokar lembu* kerana daripada aspek penggunaan, frasa tersebut tidak bersesuaian dengan makna sebenar (Ainon & Abdullah, 2008). Sinonim juga menurut Ainon & Abdullah boleh wujud disebabkan oleh gaya yang berlainan di samping bahasa yang digunakan juga diubah mengikut konteks. Perubahan ini amat bergantung kepada gaya bahasa yang digunakan semasa bercakap dalam majlis rasmi atau ketika bercakap dengan rakan karib. Misalnya kata-kata seperti *mangkat*, *wafat*, *meninggal*, *mampus*, *jalan* dan *kojol* semuanya bermakna ‘mati’ tetapi dalam konteks yang berbeza, *mangkat* digunakan untuk raja, *wafat* bagi nabi dan ulama, *meninggal* untuk orang biasa dan *kojol* dan *mampus* bagi menyatakan erti yang sama tetapi secara kasar dan tidak bersopan.

Sementara itu, Abdullah, Alias dan Mohd Ra'in (2009) pula menyatakan, terdapat tiga batasan yang dapat dikemukakan dalam definisi sinonim iaitu kata-kata yang terdiri daripada acuan linguistik yang sama, kata yang mengandungi makna yang sama dan juga kata yang dapat berperanan dalam konteks ayat yang sama. Contoh kata-kata dengan acuan linguistik yang sama ialah seperti perkataan ‘mati’ dan ‘mampus’ serta ‘sikat’ dan ‘sisir’. Contoh kata yang mengandungi makna yang sama pula ialah seperti ‘memberitahu’ dan ‘menyampaikan’. Dalam sesbuah ayat, kedua-dua kata tersebut mempunyai makna yang sama iaitu menyalur cerita atau berita yang diketahui. Sama seperti Ainon & Abdullah, penjelasan tentang sinonim juga turut disuarakan oleh Palmer (1989) dengan mengatakan bahawa “tidak ada dua perkataan yang mempunyai makna yang betul-betul sama dan tidak

harus ada dua perkataan yang mempunyai sama makna terus wujud berdampingan". Tambah beliau lagi, jika kita memandang pada semua sinonim yang ada, maka sekurang-kurangnya terdapat lima cara untuk membezakan kata-kata tersebut iaitu:

- i) Pasangan perkataan yang berasal daripada dialek yang berlainan dalam bahasa itu. Contohnya perkataan *fall* (musim luruh) digunakan di Amerika Syarikat dan di sesetengah daerah bahagian barat Britain manakala tempat-tempat lain menggunakan perkataan *autumn*.
- ii) Perkataan-perkataan yang digunakan dengan gaya yang berlainan dan berbeza dari segi darjah kersamianya seperti *gentleman* (lelaki budiman lagi bersopan), *man* (lelaki), *pass away* (meninggal dunia), *die* (mati) dan *pop off* (mampus).
- iii) Perkataan yang berbeza dari segi makna emotif atau nilaiannya seperti *conceal* (sembunyi), *hide* (sorok), *freedom* (kemerdekaan) dan *liberty* (kebebasan) yang setiap satunya memberi implikasi penerimaan atau penolakan.
- iv) Perkataan yang terbatas berdasarkan kolokasi iaitu perkataan-perkataan itu berlaku hanya secara berhubungan dengan perkataan lain seperti *rancid* digunakan dengan *bacon* atau *butter* dan *addled* dengan *eggs* atau *brains*.
- iv) Perkataan yang mempunyai makna yang berhampiran atau bertindih misalnya bagi kata sifat *mature* (matang) sinonimnya mungkin terdiri daripada *adult* (dewasa), *ripe* (masak), *perfect* (sempurna) atau *due* (tiba).

Selain Palmer, perkara yang berkait dengan sinonim juga turut dikemukakan Roger Bell (1991) yang menjelaskan tentang pertindihan makna bagi kata yang disebabkan oleh perbezaan konsep antara bahasa yang bukannya bersifat sinonim. Misalnya dalam bahasa Itali perkataan *canale* (saluran) mempunyai dua konsep yang berbeza dalam bahasa

Inggeris iaitu *canal* (terusan) dan *channel* (saluran). Begitu juga jika kita ingin menyampaikan maksud yang berkaitan dengan pokok, kemungkinan kata-kata yang boleh dikaitkan mempunyai pertindihan maksud seperti dalam bahasa Inggeris, *sapling* (anak pokok), *tree* (pokok), *wood* (kayu), *spinney* (hutan kecil), *grove* (dusun) atau *thicket* (semak), dalam bahasa Perancis *arbre* (pokok), *bosquet* (semak) atau *forêt* (hutan) dan dalam bahasa Jerman *Wald* (hutan yang lebih besar daripada *forêt*) yang kesemua kata tersebut merujuk kepada maksud yang hampir sama tetapi bukan bersifat sinonim. Selain kata nama (KN), kata kerja (KK) juga tidak terkecuali mempunyai kata yang sinonim. Sejumlah KK boleh dianggap mempunyai cebisan semantik yang sama iaitu cebisan maklumat yang dipersetujui oleh penutur dalam sesuatu bahasa. Dalam BM, sekumpulan KK tertentu memperlihatkan perkongsian makna yang sama. Contohnya perkataan *lihat*, *pandang*, *tengok* dan *tonton* berkongsikan makna yang sama iaitu perlakuan yang menggunakan mata. Walaupun sekumpulan perkataan ini boleh dianggap sebagai sinonim, namun keempat-empat perkataan ini masih mempunyai makna penggunaan yang berbeza (Maslida & rakan-rakan, 2010).

Menurut Aini Hj.Karim (2008), perbezaan makna antara satu perkataan dengan perkataan lain yang bersinonim selalunya hanya sedikit dan sukar dicari. Namun begitu, setiap perkataan yang berlainan itu pasti mempunyai makna yang berbeza yang ditunjukkan melalui cebisan semantik tambahan yang memberikan pengkhususan kepada setiap kata. Lazimnya, perkaitan dalam kata kerja yang bersifat sinonim boleh ditentukan oleh fitur semantik. Kata kerja yang berkongsikan cebisan semantik yang sama dikatakan berada dalam kelas semantik yang sama. Kehadiran cebisan semantik tertentu yang dimiliki oleh

setiap KK tersebut akan ditandai oleh fitur (+) dan ketiadaan sesuatu cebisan semantik pula ditandai dengan fitur (-). Fitur-fitur yang terhasil seterusnya akan dapat mencirikan sesuatu perbuatan itu secara lebih khusus dan membezakan makna satu perkataan dengan perkataan yang lain. Untuk memahami makna yang terkandung dalam sesebuah kata, maka struktur luaran dan dalaman kata itu perlu terlebih dahulu dianalisis iaitu dengan menggunakan Analisis Komponen Makna.

Berdasarkan Jadual 2.1 oleh Kempson (1991) dan pendapat yang dikemukakan oleh Loebner (2002) yang menyatakan kehadiran atau ketiadaan cebisan semantik boleh ditunjukkan melalui fitur *plus* dan *minus*, maka kajian ini telah menjadikan Analisis Komponen Makna sebagai metodologi dalam menganalisis ketepatan kata kerja bahasa Jerman dalam pembentukan ayat dan menghuraikan ciri-ciri kesinoniman yang wujud bagi setiap padanan kata sepetimana yang dikemukakan oleh Palmer (1989) dan Bell (1991).

2.6 Kepentingan Makna dalam Menentukan Padanan Kata

‘Kata’ seperti yang diketahui ialah morfem bebas dan fungsinya hanya dapat diketahui dengan melihat fungsinya dalam konteks ayat. Seperti yang dijelaskan oleh Wittgenstein (1958), “*Wie ein Wort funktioniert, kann man nicht erraten. Man muss seine Anwendung ansehen und daraus lernen*” atau “kita tidak dapat menduga bagaimana sesuatu perkataan itu berfungsi. Kita perlu melihat pada penggunaannya dan mempelajari daripadanya”. Kata juga tidak mungkin dapat digunakan dalam semua konteks kerana ia sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Dalam hal ini, pemilihan kata yang dibuat perlu dilakukan dengan berhati-hati supaya ayat yang terhasil dapat memenuhi konteks makna sebenar. Ini kerana,

makna sesuatu kata itu adalah luas, tidak khusus dan mungkin mempunyai bidang makna yang tidak sama dalam bahasa-bahasa lain atau dalam konteks yang berbeza (Catford, 1965). Untuk melihat betapa pentingnya makna dalam sesebuah ungkapan yang ditulis atau diujarkan, maka perlu untuk kita ketahui bahawa sesuatu kata itu dianggap telah memenuhi konteks sekiranya makna kata tersebut jelas dan dapat difahami dengan mudah. Misalnya dalam ungkapan “Kereta itu *menerima* kerosakan yang teruk”, walaupun pembentukan tersebut secara keseluruhan adalah baik dari segi susunan kata-katanya namun masih terdapat kejanggalan pada ayat tersebut. Jika diperhatikan, kata kerja ‘menerima’ tidak sesuai digunakan kerana kata ‘terima’, ‘menerima’ atau ‘diterima’ menunjukkan adanya perbuatan atau tindakan sedar daripada pihak yang menerima. Dalam situasi ini, penghasilan ayat mengikut peraturan yang betul dari segi penyusunan unsur-unsurnya mungkin tidak memberikan apa-apa makna sekiranya kata yang digunakan tidak bersesuaian dan keseluruhan ayat tidak mendukung makna yang munasabah. Hal ini kerana, sesuatu makna itu dikatakan menjadi lebih jelas apabila benar-benar berada dalam konteks (Asmah, 2008).

Secara jelas, walaupun struktur ayat “Kereta itu *menerima* kerosakan yang teruk” mengikut susunan yang betul, namun daripada aspek semantik makna yang terhasil tidak dapat diterima kerana penggunaan kata kerja ‘menerima’ tidak sesuai dan perlu digantikan dengan kata yang lebih tepat iaitu ‘mendapat’. Dalam hal ini, pemilihan kata yang tidak sesuai akan menyebabkan ayat yang terhasil menjadi janggal didengar kerana kata yang digunakan menyimpang daripada konteks makna sebenar. Ketidaktepatan dalam memilih dan menggunakan kata yang tepat dari segi konteks, rujukan, leksikal dan makna

seterusnya akan mengundang kegagalan dalam penyampaian sesuatu mesej. Dari sudut makna, kata-kata yang dipilih akan melalui proses pemadanan iaitu suatu aspek yang berkaitan perihal penyesuaian, perbandingan atau padanan konsep yang terdapat dalam fikiran dengan pernyataannya yang diterbitkan dalam bentuk kata. Biasanya proses pemadanan yang dilakukan melibatkan usaha untuk mendapatkan kata yang seerti dengan perkataan asal. Seerti dalam erti kata lain bermaksud “sesuatu perkataan yang digunakan yang merujuk kepada sama makna dalam aspek makna hakiki dan makna konteks kehadiran sesuatu perkataan”.

Dalam memastikan sama ada padanan bagi setiap kata yang digunakan menepati makna atau tidak, maka seharusnya makna kata tersebut dipelajari dalam konteks budaya yang hidup kerana ini adalah cara yang difikirkan berkesan dalam memberi makna. Ini kerana, menurut Nida dalam Newmark (1981), sesuatu perkataan itu tidak boleh difahami dengan betul jika terpisah daripada fenomena kebudayaan setempat yang dilambangkannya. Perhubungan makna yang wujud antara budaya dapat dilihat misalnya melalui kepelbagaian kata yang digunakan dalam sesuatu konteks. Umpamanya dalam BM terdapat banyak kata kerja yang maknanya seakan-akan sama seperti ‘angkat’, ‘bawa’, ‘kelek’, ‘angkut’, ‘galas’, ‘pikul’, dan ‘heret’ manakala dalam BI kesemua kata ini membawa maksud *to carry* dan BJ pula *tragen* (*to carry*) dan *bringen* (*to bring*). Dalam hal ini, pemilihan padanan yang sesuai terutama bagi kata yang memiliki makna yang sama atau seerti antara dua bahasa amat penting dalam membantu menghasilkan ayat yang lebih tepat dan jelas maknanya.

Apabila mengkaji setiap penggunaan kata dalam sesebuah ayat, didapati terdapat juga unsur-unsur makna yang dilambangkan oleh satu kata pada bahasa tertentu kepada beberapa kata dalam bahasa lain. Seperti yang dijelaskan oleh Larson (1984), “dalam apa bahasa sekalipun tidak ada perkataan yang hanya mempunyai satu makna sahaja kerana tiap-tiap perkataan itu pastinya mempunyai banyak makna”. Ini dapat dilihat misalnya pada perkataan *tenisçi* dalam bahasa Turki yang merupakan padanan dari dua kata bahasa Inggeris, *tennis player* dan satu kata *type* dalam bahasa Inggeris disimbolkan oleh tiga kata dalam bahasa Sepanyol iaitu *pasar a maquina*. Dalam BJ, padanan kata sedemikian dapat dilihat pada perkataan *Frau* yang mempunyai pelbagai makna dan rujukan dalam BI seperti *wife, teacher / lecturer, woman* dan *Ms. / Mrs.* iaitu panggilan untuk mereka (perempuan) yang dihormati (Funk, Kuhn & Demme, 2005).

2.7 Jenis-jenis Padanan Kata

Menurut Ainon Mohd & Abdullah Hassan (2008), dalam mencari padanan kata yang tepat kita perlu berpegang kepada konsep ‘persamaan’ dan bukannya ‘keserupaan’ kerana apa yang serupa belum tentu sama yakni daripada aspek kesepadan makna kata antara dua bahasa yang berbeza. Dalam hal ini terdapat 5 jenis persamaan yang dapat dilihat dalam menentukan padanan kata antara bahasa. Antaranya:

2.7.1 Persamaan Satu Lawan Satu

‘Persamaan satu lawan satu’ bermaksud kata dalam sesuatu bahasa yang hanya mempunyai satu padanan sahaja dalam bahasa lain. Misalnya kata kerja (KK) *to come* mempunyai satu persamaan dalam BJ iaitu *kommen*. Contohnya apabila ayat *We come from Morocco*

dipadankan ke dalam BJ, maka akan terhasilah ayat *Wir kommen aus Marokko*. Begitu juga apabila KK *to drink* digunakan, maka padanannya dalam BJ ialah *trinken* seperti dalam ayat *Ich trinke Kaffee / I drink Coffee* (Funk, Kuhn & Demme, 2005). Dalam klausa tersebut, kata kerja *to come* dan *to drink* secara jelas mempunyai satu persamaan sahaja dalam BJ iaitu *kommen* dan *trinken* dan persamaan ini dikatakan yang paling mudah dan tidak menimbulkan banyak masalah kerana tidak melibatkan banyak padanan.

Dalam proses pengalihan makna antara dua bahasa yang berbeza, pemilihan persamaan satu lawan satu bagi perkataan kadangkala dilihat tidak seratus-peratus menepati kesesuaian makna konteks. Selain padanan untuk kata kerja, contoh lain yang boleh dilihat ialah pada penggunaan kata nama atau kata sifat misalnya dalam ungkapan bahasa Jepun *Umi wa midori desu* yang membawa maksud ‘laut kehijauan’. Berdasarkan padanan kata yang digunakan, *umi* membawa maksud ‘laut’ manakala *midori* pula bermaksud ‘hijau’. Dari sudut kesepadanannya, kedua-dua kata tersebut merupakan padanan satu lawan satu kerana membawa satu makna sahaja. Walaupun bagi masyarakat Jepun padanan kata yang digunakan jelas dan difahami, namun bagi orang Melayu maksud ‘kehijauan’ masih dianggap tidak begitu jelas. Ini kerana bagi mereka gambaran warna air laut yang sebenar adalah ‘biru’ dan sama sekali berlainan dengan tanggapan orang Jepun yang menganggap warna laut bukanlah ‘biru’ tetapi sebaliknya ‘hijau’ kerana lebih dalam (Sarinah, 2001).

2.7.2 Persamaan Satu Lawan Banyak

Apabila kata dalam sesuatu bahasa mempunyai banyak persamaan dalam bahasa lain, maka padanan kata tersebut dianggap sebagai ‘persamaan satu lawan banyak’. Ini dapat dilihat

bagi kata-kata kerja BI yang mempunyai banyak persamaan dalam BJ. Contohnya KK *to go* mempunyai banyak persamaan dalam BJ iaitu *gehen / fahren, to live* persamaannya *wohnen / bleiben, to bath* persamaannya *baden / duschen* atau *to visit* persamaannya *besuchen / besichtigen*. Dari aspek penggunaan, kesemua kata kerja tersebut mempunyai makna rujukan yang hampir serupa namun penggunaannya tidak boleh dikatakan sama kerana setiap padanan tersebut adalah berbeza dan amat bergantung kepada konteks ayat. Dalam hal ini, pemilihan kata bagi persamaan satu lawan banyak ini dikatakan agak rumit terutama apabila ditinjau dari sudut bagaimana perkataan-perkataan itu berkait antara satu sama lain. Ini kerana, perkaitan antara kata tersebut adalah berbeza daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain. Sebagai contoh, perkataan *to bath* mempunyai banyak persamaan dalam BJ iaitu *baden* dan *duschen*. Walaupun kedua-dua kata kerja tersebut mempunyai makna rujukan yang sama iaitu ‘mencuci (membasuh) tubuh dengan air’, namun dalam konteks penggunaan yang lebih tepat masih terdapat perbezaan antara *baden* dan *duschen* iaitu dari sudut cara / kaedah yang digunakan untuk mandi.

Lazimnya *baden* bermaksud mandi dengan menggunakan bekas tадahan yang berisi air atau tab mandi (*bath*) manakala *duschen* lebih menjurus kepada cara mandi yang tidak memerlukan bekas tадahan sebaliknya menggunakan pancuran air (*shower*) (*Das Bedeutungs-wörterbuch*, 1985). Walaupun kedua-dua kata tersebut berkongsikan makna konsep yang sama iaitu ‘mandi’, namun masih terdapat fitur-fitur semantik tambahan yang boleh membezakan cara kedua-duanya dilakukan iaitu dengan menggunakan analisis komponen makna bagi memperlihatkan perbezaan fitur-fitur (+) dan (-) yang wujud.

Ciri pembeza	<i>duschen</i>	<i>baden</i>
Mencuci badan dengan air	+	+
Menggunakan bekas tadahan	-	+
Menggunakan pancuran	+	-

2.7.3 Persamaan Banyak Lawan Satu

Seperti yang diketahui, tidak semua perkataan mempunyai satu makna. Jika dalam sesuatu bahasa terdapat banyak perkataan tetapi dalam bahasa yang lain hanya mempunyai satu perkataan sahaja, maka padanan tersebut dianggap sebagai ‘persamaan banyak lawan satu’. Lazimnya, dalam menentukan persamaan banyak lawan satu ini seseorang itu perlu memilih kata yang berpadanan dengan bahasa tersebut supaya maknanya dapat difahami oleh pembaca atau pendengar. Dalam hal ini, makna sesuatu kata adakalanya tidak dapat dikenal pasti kecuali dengan meneliti keseluruhan unit-unit sintaksisnya. Sebagai contoh, dalam BM kata-kata kerja ‘angkat’, ‘bawa’, ‘kelek’, ‘angkut’, ‘galas’, ‘pikul’ dan ‘heret’ kesemuanya membawa maksud yang sama dalam BJ iaitu *tragen*. Namun dalam BI, kata kerja *tragen* ini mempunyai pelbagai makna seperti *to wear* dan *to bring / carry*. Dalam konteks ayat BJ, penggunaan kata kerja *tragen* hanya dapat diketahui maknanya dengan melihat keseluruhan konteks. Misalnya, *Sie trägt gerne Schmuck* (She loves to **wear** jewelry) atau *Sie trägt einen schweren Koffer* (She **carries** a heavy suitcase) (Hueber Wörterbuch, 2006).

2.7.4 Persamaan Banyak Lawan Banyak

Jika kata dalam sesuatu bahasa mempunyai makna yang sama banyak dalam bahasa yang lain, maka padanan itu disebut sebagai ‘persamaan banyak lawan banyak’. Sebagai contoh, padanan bagi kata nama ‘pondok’, ‘teratak’ dan ‘gobok’ dalam BM mempunyai banyak persamaannya dalam BI iaitu *hut* dan *shack*. Padanan banyak lawan banyak yang lain juga boleh dilihat seperti contoh-contoh berikut:

Bahasa Melayu	bulu	rambut	bulu	bulu
Bahasa Inggeris	<i>hair</i>	<i>hair</i>	<i>fur</i>	<i>feather</i>

Dalam BI, hanya terdapat satu perkataan sahaja yang digunakan untuk dipadankan dengan maksud ‘rambut’ dan ‘bulu’ iaitu *hair* manakala dua perkataan iaitu *fur* dan *feather* digunakan sebagai padanan untuk merujuk perkataan ‘bulu’ yang mewakili ‘bulu binatang’ dan juga ‘bulu burung’.

2.7.5 Persamaan Satu Lawan Kosong

Tidak semua bahasa mempunyai perbendaharaan kata yang sama banyak. Ainon Mohd & Abdullah Hassan (2008) ada menyatakan bahawa, “walaupun banyak perkataan mempunyai padanan dalam bahasa-bahasa lain, namun terdapat juga perkataan khusus yang hanya terdapat dalam bahasa tertentu sahaja dan tidak terdapat dalam bahasa-bahasa lain”. Ketiadaan persamaan yang tepat antara dua bahasa biasanya berlaku disebabkan tidak ada perbendaharaan kata yang sama banyak dan keadaan sedemikian akan menyebabkan wujudnya persamaan satu lawan kosong. Misalnya perkataan ‘lah’ dalam BM mempunyai pelbagai makna dan orang Melayu mengetahui perbezaan makna tersebut mengikut ayat

yang digunakan. Namun dalam bahasa-bahasa lain seperti BJ tidak ada perkataan yang menyamai maksud dengan perkataan ‘lah’ itu. Persamaan satu lawan kosong antara bahasa juga dapat dilihat misalnya perkataan ‘derhaka’, ‘sedekah’, ‘durian’ dan ‘songkok’ dalam BM yang tidak mempunyai sebarang padanan dan persamaan yang sama dalam BI atau BJ. Begitu juga perkataan ‘keruh’ (*murky*) yang tidak mempunyai padanan dalam BJ dan sebagai gantinya, perkataan-perkataan seperti *dunkel*, *finster* atau *duster* digunakan sebagai padanan terhampir. Walaupun kata-kata tersebut bermaksud *dark* (gelap) manakala ‘keruh’ seperti yang diketahui merupakan suatu sifat atau keadaan yang tidak jernih atau tidak cerah, namun ketiga-tiga kata tersebut diterima sebagai padanan bagi kata ‘keruh’ kerana ia mempunyai makna rujukan yang hampir-hampir sama.

2.8 Aspek-aspek Yang Mempengaruhi Padanan Kata dalam Pembentukan Ayat

Fungsi kata amat penting dalam menentukan ketepatan sesuatu makna. Menurut Lyons (1994), “sebahagian daripada makna ayat adalah bergantung kepada makna perkataan yang membentuknya”. Untuk memperoleh padanan kata yang tepat dalam pembentukan sesebuah ayat, antara aspek yang ditekankan ialah pentafsiran kata-kata yang dibuat perlulah dilakukan berdasarkan makna sebenar supaya ia lebih tepat dan bersesuaian dengan konteks yang hendak disampaikan. Dalam hal ini Hannapel & Melenk (1979) ada menyatakan bahawa, makna dapat dilihat dan ditentukan berdasarkan dua sudut pandangan iaitu:

- (i) *Wortbedeutung* yang bermaksud “pemahaman makna suatu kata sesuai dengan makna yang sebenarnya (makna leksikal)” dan

- (ii) *Wortgebrauch* iaitu “pemahaman makna suatu kata yang disesuaikan dengan penggunaan kata tersebut dalam suatu konteks (makna kontekstual)”.

Dalam menentukan padanan kata yang sesuai, aspek-aspek berkaitan persamaan dan perbezaan makna haruslah benar-benar difahami. Ini kerana, setiap perkataan dalam sesuatu bahasa adakalanya mempunyai makna yang berlainan walaupun menggunakan perkataan yang sama. Seperti yang dikatakan oleh Larson (1984), “dalam apa bahasa sekalipun tidak akan ada perkataan yang hanya mempunyai satu makna sahaja kerana tiap-tiap perkataan itu pastinya mempunyai banyak makna”. Hal sedemikian dapat dilihat misalnya dalam BJ, penggunaan perkataan *Frau* seperti yang telah dijelaskan dapat melambangkan pelbagai maksud iaitu *wife*, *woman*, *teacher* atau bentuk panggilan (*form of address*) kepada perempuan iaitu *Ms / Mrs.* (Hueber Wörterbuch, 2006). Setiap penggunaan kata *Frau* ini hanya dapat diketahui maknanya dengan melihat keseluruhan konteks penyampaian.

Selain perbezaan atau kepelbagaian makna yang dimiliki, aspek lain yang berkaitan seperti kesesuaian makna juga haruslah diambil kira. Ini kerana, sesuatu makna itu dianggap jelas sekiranya kata itu benar-benar berada dalam konteks ayat atau situasinya. Sepertimana yang dijelaskan oleh Wittgenstein (1953), “makna tidak dapat diketahui kecuali dilihat dalam konteks penggunaannya”. Pernyataan Wittgenstein ini juga dapat diperjelaskan melalui penggunaan kata kerja *means* (bermakna) yang digunakan dalam konteks yang berbeza seperti:

- (i) “*That cloud means thunder*” (awan itu **bermakna** ‘petir’) dan
- (ii) “*A red light means ‘Stop’*” (lampu merah **bermakna** ‘berhenti’)

Berdasarkan ayat (i) dan (ii), penggunaan kata *means* hanya dapat difahami sekiranya kita benar-benar tahu akan peranan kata tersebut dalam menyampaikan mesej sebenar. Dalam keadaan tertentu, *means* digunakan bagi menjelaskan suatu keadaan tidak kira sama ada dalam bentuk semula jadi atau konvensional iaitu sesuatu yang sedang berlaku, akan berlaku atau patut dilakukan. Penjelasan Wittgenstein tentang makna ini turut diakui oleh Hannapel & Melenk (1979) iaitu “*wenn man wissen will, was ein Wort bedeutet, muss man seinen Gebrauch betrachten*” atau “untuk memahami makna suatu kata, kita harus merujuk kepada penggunaan kata tersebut sesuai dengan konteksnya”.

Selain daripada aspek-aspek yang dinyatakan, saling kait antara perkataan dengan objek yang dirujuk juga turut menjadi aspek penting dalam mempengaruhi padanan kata. Pemilihan kata yang sesuai dengan objek yang dirujuk sedikit sebanyak dapat membantu kita memahami konteks yang disampaikan dengan mudah. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Wittgenstein (1953), “Bagi sebilangan besar kata, makna kata ialah penggunannya dalam bahasa itu dan ia hanya dapat dijelaskan berdasarkan hubungan antara perkataan tersebut dengan objek yang dirujuknya”. Ini dapat dilihat pada sesetengah perkataan yang mempunyai makna yang sama tetapi berbeza dalam konteks penggunaan. Misalnya perkataan *pass away* dikatakan sama maknanya dengan *dead*. Jika dilihat kepada aspek makna, kedua-dua kata *pass away* dan *dead* digunakan untuk tujuan dan maksud yang sama iaitu ‘tidak lagi hidup / no longer alive’. Dari sudut semantik, *pass away* dan *dead* sebenarnya menunjukkan makna yang berbeza dan penggunaannya amat bergantung kepada konteks.

Dalam situasi ini, jika sekiranya kata-kata tersebut mempunyai makna yang sama, maka sudah tentu kedua-duanya dapat ditukar kedudukan secara bebas. Misalnya kata *dead* dalam ayat *The chicken is dead* tidak dapat ditukar dengan kata *pass away* sehingga menjadi *The chicken has passed away*. Walaupun *pass away* dan *dead* tidak membawa makna yang serupa, namun kedua-dua kata tersebut mempunyai maklumat serta informasi yang sama iaitu menjelaskan suatu keadaan yang sebelumnya adalah bernyawa namun apabila sudah meninggal atau mati ia menjadi sudah tidak bernyawa lagi. Dalam situasi ini, penggunaan kata *pass away* tidak boleh diterima maknanya dalam konteks tersebut kerana *pass away* secara jelas hanya boleh digunakan untuk merujuk kepada manusia sahaja dan tidak pada binatang atau tumbuhan.

2.9 Tinjauan Kajian-kajian Yang Berkaitan

Selain dapat mendalami kajian-kajian lepas, pembacaan daripada hasil-hasil tulisan sarjana yang berkaitan juga turut menyumbang maklumat dan pengetahuan terhadap kajian yang dijalankan khususnya yang berkaitan kata kerja. Daripada hasil kajian terdahulu, pengkaji mendapati kebanyakan kajian yang melibatkan kata kerja dianalisis menggunakan analisis komponen makna (AKM) untuk melihat ketepatan kata kerja tersebut dalam konteks penggunaan selain meneliti fitur persamaan dan perbezaan kata yang mungkin wujud. Rata-rata kata yang dianalisis melibatkan kata kerja dalam bahasa Melayu dan pengkaji cuba melihat kewujudan fitur-fitur tersebut dalam kata kerja bahasa Jerman.

Dalam kajian yang bertajuk *Analisis komponen makna kata kerja dalam slogan iklan produk kecantikan muka* oleh Indirawati Zahid & Fatmawati Sidik (2012), penggunaan kata

kerja dalam slogan iklan produk kecantikan muka telah dianalisis menggunakan Analisis Komponen Makna (AKM). Daripada hasil dapatan yang diperoleh, didapati kesemua slogan yang disenarai telah menunjukkan bahawa terdapat penggunaan kata kerja yang melebihi satu di dalam slogan. Dengan mengaplikasikan teori (AKM) Nida (1975), komponen makna kata kerja diberikan fitur (+) dan (-) untuk memperlihatkan persamaan dan perbezaan yang terdapat antara kata kerja. Dengan wujudnya fitur-fitur tersebut, ketepatan makna kata kerja yang digunakan akan dapat diketahui dengan lebih mudah. Daripada hasil yang diperoleh, pengkaji mendapati terdapat dua jenis kata kerja yang digunakan dalam slogan iaitu kata kerja yang bersifat *spesifik* dan juga kata kerja yang bersifat *umum*.

Bagi kata kerja yang bersifat spesifik, kata kerja *mencerah* dalam slogan “*Mencerah dan menghaluskan kulit wajah*” dengan ciri-ciri seperti [+memutihkan, +mulus, +menjadikan berseri] telah dibandingkan dengan dua kata yang sinonim iaitu *menerangkan* [+menyinarkan, +memancarkan, +memperlihatkan] dan *mencahayakan* [+berkilau, +memancarkan, +menjadikan bercahaya]. Berdasarkan perbandingan tersebut, pengkaji mendapati kata kerja *mencerahkan*, *menerangkan* dan *mencahayakan* tergolong dalam komponen semantik bersama dengan fitur makna [+menjadikan terang]. Namun begitu, perkaitan makna antara ketiga-tiga kata tersebut hanyalah fitur umum [+menjadikan nyata] kerana kata *mencerahkan* tidak boleh digantikan dengan mana-mana kata sama ada *menerangkan* atau *mencahayakan* kerana kedua-dua kata tersebut hanya sesuai digunakan bagi memperjelaskan sesuatu keadaan seperti ‘ruang’ yang sebelumnya gelap dan kini telah menjadikannya terang. Dalam situasi ini, kata kerja *mencerahkan* merupakan kata yang

bersifat spesifik dan berkolokasi dengan kecantikan muka. Bagi kata kerja *menyerlahkan* [+kelihatan nyata, +kelihatan berseri, +menonjolkon] dalam slogan “Adeline adalah untuk *menyerlahkan* kecantikan yang asli” pula, kata kerja tersebut juga dibandingkan dengan fitur makna dua kata yang sinonim iaitu *menonjolkan* dan *menampulkan*.

Analisis komponen makna yang digunakan juga telah memperlihatkan ciri-ciri perkongsian fitur makna yang sama pada ketiga-tiga kata dengan komponen semantik bersama iaitu [+kelihatan nyata, +menampakkan, +memperlihatkan] tetapi dalam masa yang sama wujud perbezaan fitur makna yang menghadkan lingkungan penggunaan kata tersebut dalam konteks linguistiknya. Fitur makna yang berbeza seperti [-menyorokkan, -menjadikan jelas, -memunculkan] tidak secara signifikan sesuai dan tepat digunakan dalam konteks kecantikan kulit muka. Fitur makna yang signifikan iaitu [+kelihatan berseri] menjadikan kata *menyerlahkan* ini sesuai dan tepat dalam konteks walaupun bersifat kata kerja umum.

Norsimah Mat Awal & Nur Liyana Zulkifli (2012) dalam kajian mereka yang bertajuk *Analisis Semantik Kata Kerja Gerak dan Campak Dalam Dialek Negeri Sembilan* tidak menggunakan Analisis Komponen Makna (AKM) dalam huraihan namun secara keseluruhan telah memperjelaskan dengan terperinci perbezaan penggunaan setiap kata kerja yang bersinonim. Penelitian yang dilakukan adalah tertumpu kepada penggunaan kata kerja *gerak* dan *campak* dalam senarai kosa kata dialek Negeri Sembilan dan juga himpunan kata daripada *Kumpulan Sokongan Anak-anak Negeri Sembilan* dalam rangkaian laman sosial *Facebook*. Untuk menggambarkan perbuatan yang sama, konsep ruang dan waktu seperti yang diketengahkan oleh Asmah (1988) digunakan dalam menjelaskan

setiap perbuatan yang bersinonim. Misalnya, setiap item leksikal sinonim yang mendukung makna yang sama dengan *gerak* mempunyai ciri-ciri khas tertentu seperti *ensot* (gerakannya boleh ke hadapan, ke sisi, ke belakang atau gabungan ke semua arah dengan menggunakan tangan), *mengambur* (melompat, arah gerakannya hanya pada arah ke hadapan dan ke atas dengan menggunakan tangan dan kaki) dan *mengumba* (mengundur / bergerak ke belakang dengan menggunakan kaki) manakala kata kerja *campak* secara terasnya bermaksud tindakan melontar atau membuang sesuatu . Bagi konsep ruang, perkara yang membezakan kata kerja *campak* dalam dialek tersebut ialah unsur konsep kejauhan seperti *buang* (mencampak sesuatu kerana tidak memerlukannya), *humban* (mencampak dengan menggerakkan tangan ke hadapan dan dijatuhkan dengan gerakan ke bawah), *baeh* (melempar sesuatu benda menggunakan sebelah tangan dengan gerakan ke hadapan) dan *locut* (seperti *baeh* tetapi dengan tenaga yang lebih dan jarak balingan lebih jauh). Dalam kajian ini, hasil dapatan mendapati penutur dialek Negeri Sembilan begitu peka dalam mengkonseptualisasikan tingkah laku dalam kehidupan seharian mereka di samping turut memperlihatkan faktor-faktor yang menyumbang kepada pembentukan hirarki makna sinonim kata kerja dalam dialek Negeri Sembilan.

Kajian yang dilakukan oleh Maslida Yusof, Rahim Aman, Karim Harun, Shahidi Hamid & Sa'adiah Ma'alip (2010) yang bertajuk *Perkaitan semantik kata kerja dalam varian kuin (lama) bahasa banjar di Tapin, Hulu Sungai Selatan, Hulu Sungai Tengah, Hulu Sungai Utara dan Tabalong, Banjarmasin Indonesia* pula membincangkan tentang bagaimana membezakan penggolongan benda berdasarkan kata-kata yang digunakan serta bagaimana untuk membezakan perkataan yang mengandungi konsep yang sama melalui cebisan

semantik yang berbeza dengan member fokus kepada tiga kelas kata iaitu kata kerja *potong*, *bawa* dan *pukul*. Untuk melihat cebisan makna bagi setiap kata kerja tersebut, item-item dalam satu medan makna dianalisis menggunakan pendekatan analisis komponen / pendekatan dekomposisi semantik. Pendekatan yang digunakan ini menurut Loebner (2002) adalah berasaskan kepada analisis makna item leksikal melalui pengenalpastian komponen-komponennya dan bagaimana komponen-komponen tersebut digabungkan. Secara keseluruhan, data yang dianalisis telah memperlihatkan sejumlah kata kerja yang mempunyai cebisan semantik yang sama iaitu makna konsepnya. Namun dalam situasi sebenar, setiap kata kerja itu mempunyai fitur semantik tambahan yang memberi pengkhususan terhadap setiap perlakuan yang dirujuk atau yang dilakukan oleh masyarakat tersebut. Kata kerja yang berkongsikan cebisan semantik yang sama dikatakan berada dalam kelas semantik yang sama. Misalnya kata *pukul* mengandungi kata kerja seperti /tampar/, /tempeleng/, /ketuk/, /pangkong/, /sepak/ , /sikut/ dan /tinjak/. Kehadiran cebisan semantik tertentu akan ditandai oleh fitur [+] dan ketiadaan sesuatu cebisan semantik ditandai oleh fitur [-]. Fitur [+] dan [-] ini mencirikan perbuatan tersebut secara lebih khusus dan membezakan makna sesuatu perkataan dengan perkataan yang lain. Dalam kajian ini, hasil dapatan telah menunjukkan bahawa sejumlah perkataan boleh dipilih dalam cebisan semantik yang sama dan digunakan untuk memperincikan sesuatu lakuhan atau membezakan sesuatu lakuhan dalam kelas yang sama.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan Pengkaedahan

Dalam membuat penyelidikan, terdapat beberapa kaedah yang digunakan bagi mencari dan mendapatkan data yang bersesuaian untuk memenuhi kehendak kajian dan menjawab pernyataan permasalahan yang berkaitan. Dengan adanya kaedah atau metodologi sedemikian, sesuatu kajian itu dapat dilakukan dengan sempurna dan lebih sistematik. Metodologi seperti yang ditakrifkan oleh *Kamus Dewan* (2000) ialah “sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya”. Justeru, bab ini akan menjelaskan dengan lebih terperinci tentang kaedah-kaedah yang digunakan yang merangkumi aspek-aspek seperti pemilihan responden dan data, prosedur pungutan data serta analisis data.

Untuk menjalankan kajian ini, pengkaji menerapkan kaedah yang berbentuk kualitatif dan berorientasikan linguistik deskriptif iaitu keterangan tentang kelas kata kerja bahasa Jerman khususnya dari sudut ketepatan penggunaan kata tersebut dalam pembentukan ayat. Umumnya, kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dengan merujuk kepada buku, kamus dan tesis yang berkaitan. Oleh sebab kajian ini tidak bersifat lapangan, maka aspek yang berkaitan seperti temu ramah dan kaji selidik tidak diperlukan. Kaedah yang digunakan juga lebih menjurus kepada kaedah penelitian iaitu dengan membuat pemerhatian terhadap data yang terdapat dalam skrip dialog responden.

3.1 Pemilihan Responden dan Data

Responden yang terlibat terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam yang mengambil bahasa Jerman (BJ) sebagai mata pelajaran elektif wajib (kemahiran). Kesemua responden merupakan pelajar Bumiputera yang berusia dalam lingkungan 19 hingga 23 tahun dan sedang mengikuti kelas bahasa Jerman asas pada Tahap Tiga (BGM 501). Mereka yang dipilih juga tidak memiliki sebarang asas dan pengetahuan tentang BJ melainkan bahasa ketiga (asing) yang dipelajari mereka selama tiga semester di UiTM. Dalam aspek pemilihan responden, pengkaji tidak memilih pelajar-pelajar daripada Tahap Satu (BGM 401) dan Tahap Dua (BGM 451) kerana beranggapan jam pembelajaran dan sukanan pelajaran yang diterima mereka masih belum mencukupi. Di samping itu, kemampuan mereka dalam mengaplikasikan bentuk-bentuk kemahiran berbahasa masih lagi berada pada tahap sederhana dan belum melepas standard seperti yang dikehendaki untuk dijadikan kayu ukur dan persampelan.

Dalam kajian ini, sampel yang dipilih melibatkan tugasan akhir responden iaitu 15 buah skrip dialog. Kebiasaannya dalam proses penyediaan skrip tersebut, terdapat empat orang ahli di dalam setiap kumpulan. Ini bermakna, bilangan responden yang terlibat adalah seramai 60 orang ($15 \text{ skrip} \times 4 \text{ orang}$) bagi mewakili jumlah keseluruhan skrip yang dipilih. Semasa pungutan dan analisis data dilakukan, pengkaji hanya akan menumpukan perhatian terhadap penggunaan kata-kata kerja BJ yang maknanya tidak bertepatan dengan konteks ayat yang dihasilkan selain melihat jumlah dan peratusan yang diperoleh hasil ketidaktepatan kata kerja tersebut mengikut kategori tanpa mengambil kira jumlah dan peratusan responden yang terlibat. Ini kerana, penentuan bagi jumlah responden yang

memilih dan menggunakan kata kerja yang tidak tepat dalam membentuk ayat-ayat BJ antara lelaki dan perempuan sukar dibuat memandangkan skrip tersebut dihasilkan secara berkumpulan.

3.2 Prosedur Pungutan Data

Dalam proses pengumpulan data, pengkaji telah menggunakan beberapa pendekatan iaitu dengan memulakan langkah seperti mengumpul skrip-skrip dialog mengikut jumlah yang telah ditetapkan. Kemudian penelitian ke atas skrip dilakukan dengan cara melihat bentuk-bentuk serta bagaimana kata kerja tersebut digunakan. Seperti yang telah dijelaskan sebelumnya, data yang dipungut adalah terdiri daripada empat jenis kata kerja yang telah ditetapkan dalam kajian (lihat m/s 34) iaitu *Regulare Verben* (Kata Kerja Nalar / Beraturan), *Unregulare Verben* (Kata Kerja Tidak Nalar / Tidak Beraturan), *Trennbare Verben* (Kata Kerja Terpisah) dan juga *Untrennbare Verben* (Kata Kerja Tidak Terpisah).

Selain menjadi salah satu golongan kata yang penting dalam pembelajaran bahasa Jerman Asas Tahap I hingga III, keempat-empat jenis kata kerja yang dipilih adalah berdasarkan sukanan pelajaran yang terkandung dalam buku teks *Studio d A1, Deutsch als Fremdsprache* (Studio d A1, Jerman sebagai bahasa asing) terbitan *Cornelsen Verlag*, Berlin pada tahun 2005 yang menekankan lebih banyak penggunaan kata-kata kerja tersebut berbanding dengan kata kerja yang lain. Semasa pungutan data dibuat, aspek-aspek lain seperti kesalahan ejaan, nahu (*grammar*) dan juga struktur ayat tidak diambil kira oleh pengkaji kerana responden hanya mempelajari kesemua aspek tersebut secara asas mengikut kesesuaian tahap pembelajaran mereka dan jika aspek-aspek tersebut diambil kira

maka proses pengumpulan data akan menjadi lebih sukar dilakukan. Dalam kajian ini, kata-kata kerja yang dipilih mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- a) *Regulare Verben* (Kata Kerja Nalar / Beraturan) yang mempunyai sistem dan peraturan tertentu seperti penyesuaian atau konjugasi bagi kata ganti nama yang berakhiran dengan *-e*, *-st*, *-t* atau *-en*.
- b) *Unregulare Verben* (Kata Kerja Tidak Nalar / Tidak beraturan) iaitu kata kerja yang mempunyai fungsi yang sama dengan *Regulare Verben* (Kata Kerja Nalar) tetapi perubahannya tidak mengikut sistem dan peraturan seperti yang terdapat dalam Kata Kerja Nalar.
- c) *Trennbare Verben* (Kata Kerja Terpisah) iaitu kata yang mempunyai ‘awalan’ dan ‘kata akar’ yang berasingan atau yang terdiri daripada dua morfem bebas yang apabila dipisahkan mempunyai makna tertentu.
- d) *Untrennbare Verben* (Kata Kerja Tidak Terpisah) iaitu kata kerja yang terdiri daripada satu morfem terikat dan juga satu morfem bebas yang awalan setiap katanya tidak dipisahkan apabila digunakan dalam ayat.

Setelah mengenal pasti ayat-ayat yang bermasalah, proses seterusnya yang dilakukan adalah dengan menyenaraikan secara manual ayat-ayat yang menggunakan kata kerja yang tidak sesuai dan tidak bertepatan maknanya dalam konteks ayat. Dalam menghasilkan sebuah skrip yang lengkap, lazimnya ayat yang diperlukan adalah mengikut jumlah yang ditetapkan iaitu sebanyak 48 ayat (4 responden x 12 ayat seorang). Ini bermakna, data yang dikumpul melibatkan jumlah ayat yang secara keseluruhannya adalah sebanyak 720 ayat (48 ayat x 15 buah skrip). Langkah terakhir ialah, semua kata kerja yang telah dikumpul akan dianalisis ketepatan maknanya dengan merujuk kamus-kamus makna yang berkaitan

seperti *Hueber Wörterbuch* (2006), *Bedeutungswörterbuch* (1985), *Sinn-und sachverwandte Wörter* (1986) serta kamus-kamus lain yang berkaitan seperti *Oxford German Dictionary* (2006), *Collin Cobuild Advanced Learner's English Dictionary* (2009), *Langenscheidt's Dictionary* (1993) serta *Kamus Dewan* (2010).

Seperti yang diketahui, penggunaan kamus amat penting untuk kita merujuk makna sesuatu perkataan selain dapat mendefinisikan perkataan atau memberi maksud sesuatu perkataan dengan lebih tepat lebih-lebih lagi apabila kata-kata tersebut mempunyai lebih daripada satu makna. Rujukan terhadap kamus-kamus amat perlu dalam membantu pengkaji meneliti perbezaan makna setiap kata kerja dan mendapatkan kata yang lebih tepat maknanya dengan cara merujuk contoh-contoh ayat yang terdapat dalam kamus untuk mengukuhkan lagi huraihan.

3.3 Pemilihan Skrip Dialog Sebagai Data

Data utama diperoleh daripada skrip dialog yang merupakan tugas akhir responden iaitu penyediaan skrip berbentuk dialog yang ditulis sepenuhnya dalam bahasa Jerman. Skrip yang telah siap ditulis akan digunakan responden untuk proses pembikinan VCD yakni dalam bentuk lakonan. Dalam proses penghasilan VCD ini, mereka dikehendaki menghafal ayat-ayat seperti yang terdapat dalam skrip dan kemudian melakonkannya mengikut watak dan situasi seperti yang dikehendaki. Pemilihan skrip dialog dijadikan sebagai bahan untuk data kerana skrip dialog merupakan salah satu penilaian yang dilihat lebih sesuai dan menyeluruh untuk pengkaji meneliti sejauhmana tahap kefahaman dan kebolehan responden mengaplikasikan semua bentuk golongan kata yang dipelajari seperti kata nama,

kata kerja dan kata sifat dengan betul dalam membina ayat-ayat BJ. Selain itu, kata kerja yang digunakan kan lebih banyak dan permasalahan bagi setiap penggunaan kata kerja juga lebih mudah dikesan berbanding dengan kata kerja yang terdapat dalam penilaian lain seperti ujian bertulis dan ujian mendengar yang begitu sedikit penggunaan dan kesilapan yang ditemui.

Di samping dapat melihat daya kesungguhan responden menyiapkan tugas yang diberi, pengkaji juga secara tidak langsung dapat menilai tahap penguasaan responden terhadap input-input yang diberi sepanjang tempoh pembelajaran berlangsung. Misalnya dalam aspek penulisan, pengkaji dapat menilai kebolehan responden menulis ayat-ayat BJ dengan menggunakan golongan kata yang telah dipelajari dengan betul. Penguasaan golongan kata terutamanya kata kerja amat penting kerana golongan kata ini dianggap sukar dikuasai disebabkan oleh kepelbagaian bentuk dan fungsi yang dimiliki. Oleh sebab kajian ini hanya terhad kepada aspek penggunaan kata kerja, maka salah satu cara bagaimana pengkaji dapat meneliti kepelbagaian bentuk kata kerja yang digunakan dalam pembinaan ayat ialah melalui penelitian yang dibuat ke atas skrip dialog.

3.3.1 Jangka Masa Penyediaan Skrip dan Pungutan Data

Tajuk tugas mula diberi kepada responden pada minggu kelima (5) pembelajaran dan bermula daripada minggu tersebut sehingga minggu ketiga belas (13), responden diminta menyediakan sebuah skrip dialog dan juga VCD untuk diserahkan pada minggu keempat belas (14) iaitu minggu akhir semester. Dalam proses penyediaannya, skrip dan VCD yang dihasilkan haruslah mengikut tajuk / tema iaitu “Rakan anda dari Jerman datang ke

Malaysia untuk melawat tempat-tempat menarik di Malaysia". Dalam menyediakan dialog, jumlah ayat yang ditulis juga perlu mengikut jumlah yang telah ditetapkan iaitu 12 ayat bagi setiap responden. Ini bermakna sebuah dialog yang lengkap harus ada sekurang-kurangnya 48 ayat untuk sebuah kumpulan yang terdiri daripada empat orang responden. Dalam jangka masa tersebut, tempoh untuk responden menyiapkan projek VCD dianggap bersesuaian kerana dalam tempoh tersebut responden sudah dapat mengumpul perbendaharaan kata yang mencukupi untuk digunakan dalam menyediakan dialog. Selain mengaplikasikan semula semua aspek yang telah dipelajari selama 14 minggu pembelajaran dan juga perbendaharaan yang telah mereka perolehi semasa berada di tahap Satu dan Dua, responden juga dibenarkan menggunakan kamus, buku teks dan apa sahaja bahan bacaan lain yang dirasakan sesuai sebagai bahan rujukan.

Untuk analisis, semua data yang dipungut akan dikumpul setelah skrip selesai disemak. Sepanjang tempoh pungutan data dibuat, pengkaji mengandaikan kesemua responden mempunyai input pengajaran yang sama ketika berada pada tahap Satu dan Dua walaupun mereka mengikuti kelas yang dikendalikan oleh pensyarah yang berbeza. Ini kerana silibus yang digunakan adalah sama dan ini memberi peluang kepada mereka untuk menerapkan segala kemahiran yang telah dipelajari ketika berada pada tahap Tiga dengan kaedah pembelajaran yang sama.

3.3.2 Penggunaan Bahan Rujukan Lain Untuk Data

Selain menggunakan kamus sebagai bahan rujukan, pengkaji turut merujuk sumber-sumber lain seperti buku-buku dan tesis terdahulu bagi mendapatkan maklumat tentang kajian-kajian lepas yang mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Di samping itu, pengkaji turut melayari laman-laman web di internet untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi menyokong sumber sedia ada terutama yang berkaitan makna kata dan juga perbezaan makna antara kata. Laman-laman web ini dipilih bagi membantu pengkaji mendapatkan sedikit sebanyak maklumat berkaitan kata kerja BJ serta makna kata yang berkaitan yang tidak terdapat atau sukar diperoleh daripada buku-buku dan juga kamus.

<http://www.tutor.com.my/tutor/stpm/semantik.htm>

<http://blogs.transparent.com/german/key-german-weak-verbs>

http://www.vistawide.com/german/common_german_beginner_mistakes.htm

<http://www.deutsched.com/Grammar/Lessons/0107separableverbs.php>

3.4 Analisis Data

Bagi proses seterusnya, data-data yang berkaitan kata kerja (KK) dikumpul dan dianalisis secara teliti untuk melihat kesesuaian makna KK tersebut dalam ayat yang dihasilkan. Untuk memastikan ketepatan maklumat, seorang pakar dalam bahasa Jerman telah dirujuk iaitu Prof. Madya Hj. Md. Noh bin Nyata. Beliau merupakan seorang pensyarah bahasa Jerman di Akademi Pengajian Bahasa UiTM Shah Alam dan telah berkhidmat selama hampir 30 tahun. Beliau dipilih kerana mempunyai pengetahuan yang sangat luas dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Jerman serta berpengalaman tinggal di Jerman. Dalam

hal ini, khidmat pakar rujuk *inter rater* (penutur natif) tidak digunakan kerana huraian atau penjelasan yang diberikan dalam kajian ini ditulis sepenuhnya dalam bahasa Melayu. Untuk proses penganalisisan, setiap setiap ayat yang dihasilkan dipaparkan seperti dalam contoh Jadual 3.1: Analisis Ketepatan Penggunaan Kata Kerja (1). Huraian tentang aspek ketepatan kata kerja yang digunakan seterusnya akan dibuat dengan memberikan contoh-contoh yang bersesuaian bagi menyokong setiap penjelasan yang diberi. Dalam mengkaji ciri-ciri kesinoniman antara kata kerja yang digunakan dengan padanan kata yang sepatutnya, maka Analisis Komponen Makna (AKM) Kempson (1991) dan Loebner (2002) digunakan untuk melihat ciri-ciri antara kata dengan ditandai oleh fitur (+) dan (-).

Pemilihan AKM ini adalah bertujuan untuk menganalisis dan menginterpretasikan makna setiap kata berdasarkan bilangan kesamaan fitur yang dikongsi bersama. Kata yang mempunyai darjah kesinoniman yang tinggi cenderung berkongsi bilangan fitur yang banyak berbanding dengan kata yang rendah darjah kesinonimannya. Kesinoniman kata dapat dilihat dengan jelas berdasarkan bilangan kesamaan fitur yang ditandai (+). Dengan berlandaskan pendapat yang dikemukakan oleh Bell (1991), pertindihan makna bagi setiap kata yang disebabkan oleh perbezaan konsep antara bahasa yang bukannya bersifat sinonim akan turut diperjelaskan. Bagi setiap dialog yang dianalisis, pengkaji hanya memilih halaman yang mengandungi ayat-ayat yang mempunyai masalah penggunaan kata kerja sahaja untuk dijadikan lampiran bagi memudahkan rujukan dibuat.

Jadual 3.1: Analisis Ketepatan Penggunaan Kata Kerja (1)

Maksud yang ingin disampaikan responden (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>I visit my aunt on weekend</i>	<i>Ich besichtige meine Tante am Wochenende</i>	<i>besichtigen</i>	<i>besuchen</i>	Lampiran (dinyatakan)

Jadual 3.1 menunjukkan contoh analisis ketepatan penggunaan kata kerja *besichtigen* dalam konteks seperti yang dinyatakan. Jika diperhatikan, ayat *Ich besichtige meine Tante am Wochenende* secara literal membawa maksud *I visit my aunt on weekend*. Dalam pembentukan tersebut, kata kerja yang digunakan ialah Kata Kerja Nalar (KKN) *besichtigen*. Apabila kata kerja (KK) tersebut dikonjugasikan, maka akhiran *-en* bagi KK *besichtigen* akan berubah kepada *-e* menjadi *besichtige* mengikut ganti nama yang digunakan iaitu *Ich* (I). Walaupun secara grammatik konjugasi dan kedudukan katanya masih mengikut susunan yang betul, namun oleh sebab penggunaan kata kerja tersebut didapati tidak bersesuaian dengan konteks, maka secara tidak langsung ayat yang dihasilkan juga tidak menepati maksud seperti yang diinginkan.

Dalam bahasa Jerman, kata kerja *besichtigen* bermaksud *to visit, to see over atau to view something* (Hueber Wörterbuch, 2006). Dari sudut makna, *to visit* atau *to see over* yang dimaksudkan ialah melawat atau menyibukkan diri dengan meninjau-ninjau atau melihat sekeliling sesuatu tempat. Contoh ayat yang sesuai menggunakan kata kerja *besichtigen* ialah seperti berikut:

(i) *Wir besichtigen den Eiffelturm.*

(We visit the Eiffel Tower)

(*Hueber Wörterbuch, 2006*)

(ii) *Die Studenten besichtigen das Parlament um 10 Uhr.*

(The students visit the parliament at 10 o'clock)

(Funk, Kuhn & Demme, 2005)

Jika diperhatikan, kedua-dua ayat (i) dan (ii) tidak mengalami sebarang perubahan konjugasi yakni akhiran *-en* bagi kata akar *besichtigen* dikekalkan kerana ganti nama yang digunakan ialah ganti nama orang kedua (jamak) iaitu *wir* (we) dan ganti nama orang ketiga (jamak) iaitu *Die Studenten / sie* (they) yang dengan jelas tidak memerlukan perubahan pada konjugasi kata kerjanya. Merujuk ayat yang dihasilkan responden, penggunaan kata kerja *besichtigen* secara jelas tidak bertepatan dengan konteks yang hendak disampaikan kerana *to visit* yang dimaksudkan bukanlah ‘melawat tempat’ tetapi sebaliknya ‘mengunjungi / menziarahi seseorang’. Dalam hal ini, padanan kata yang dilihat lebih sesuai digunakan bagi menggantikan *besichtigen* ialah *besuchen*.

Berdasarkan takrifan, *besuchen* yang juga merupakan KKN bermaksud *to visit, to go* dan *to attend* (*Hueber Wörterbuch, 2006*). Jika diteliti, KK *besuchen* dan *besichtigen* mempunyai maksud yang sama iaitu *to visit*, namun dalam konteks penggunaan, kedua-dua KK tersebut masih mempunyai perbezaan. Tidak seperti *besichtigen*, KK *besuchen* hanya sesuai digunakan dalam situasi seperti berikut:

(iii) *Ich besuche meine Eltern regelmäßig.*

(I visit my parents regularly)

(*Hueber Wörterbuch*, 2006)

(iv) *Er besucht seine Kunden jede Woche.*

(He visit his customers every week)

(*Duden Bedeutungswörterbuch*, 1985)

Tidak seperti ayat (i) dan (ii), pembentukan ayat (iii) dan (iv) mengalami perubahan konjugasi pada akhiran kata akarnya iaitu *-en* berubah kepada *-e* menjadi *besuche* bagi ganti nama orang pertama (tunggal) iaitu *Ich* dan *-en* kepada *-t* menjadi *besucht* bagi ganti nama orang ketiga (tunggal) iaitu *Er*. Dalam situasi ini, walaupun *besichtigen* dan *besuchen* memiliki maksud yang sama, namun dalam konteks penggunaan, kata-kata kerja tersebut masih perlu merujuk kepada keseluruhan konteks kerana kedua-duanya boleh membawa maksud yang berbeza apabila digunakan. Dalam situasi ini, analisis komponen digunakan bagi menentukan fitur makna (+) dan (-) yang wujud bagi kedua-dua KK tersebut.

Ciri-ciri pembeza	besichtigen	besuchen
melawat	+	+
orang	-	+
tempat	+	-

Berdasarkan perbezaan fitur (+) dan (-) yang dinyatakan, maka secara jelas menunjukkan bahawa kata kerja *besichtigen* perlu digantikan dengan *besuchen* untuk menghasilkan ayat yang lebih tepat iaitu *Ich besuche meine Tante am Wochenende* (I visit my aunt on

weekend). Dalam pembentukan tersebut konjugasi bagi KK *besuchen* berubah kepada *besuche* mengikut ganti nama orang pertama (tunggal) yang digunakan.

3.5 Kesimpulan

Dalam bab ini, penjelasan tentang rangka kajian yang diberi merupakan landasan kepada kajian yang dijalankan. Berpandukan rangka kajian tersebut, pengkaji akan melakukan kajian terperinci ke atas setiap penggunaan kata kerja BJ yang dilihat mempunyai makna yang tidak bersesuaian dengan konteks yang sedikit sebanyak boleh menjelaskan sebahagian atau keseluruhan maksud penyampaian dalam sesebuah ayat. Analisis kajian pula akan dibincangkan dalam bab seterusnya bagi menjelaskan dapatan yang diperoleh melalui hasil kajian yang telah dijalankan.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Seperti yang telah dibincangkan dalam Bab Tiga, kata-kata kerja yang dipilih untuk analisis melibatkan Kata Kerja Nalar (*Regulare Verben*), Kata Kerja Tidak Nalar (*Unregulare Verben*), Kata Kerja Terpisah (*Trennbare Verben*) dan Kata Kerja Tidak Terpisah (*Untrennbare Verben*). Analisis akan dimulakan dengan bentuk Kata Kerja Nalar, diikuti Kata Kerja Tidak Nalar, Kata Kerja Terpisah dan diakhiri dengan Kata Kerja Tidak Terpisah.

4.1 Analisis Ketepatan Penggunaan Kata Kerja Nalar (*Regulare Verben*) Dalam Pembentukan Ayat

Berikut adalah pembentukan ayat-ayat bahasa Jerman (BJ) yang dihasilkan responden menggunakan Kata Kerja Nalar (KKN).

Jadual 4.1: Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (1)

Maksud yang ingin disampaikan responden (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>You can go by cab</i>	<i>Sie können mit dem Taxi gehen</i>	<i>gehen</i> (go - on foot)	<i>fahren</i> (go - vehicle)	Lampiran 1

Jadual 4.1 menunjukkan analisis ketepatan Kata Kerja Nalar (KKN) *gehen* yang digunakan dalam konteks ayat. Secara grammatik, pembentukan tersebut tidak menunjukkan sebarang kesilapan sama ada konjugasi mahupun kedudukan kata kerjanya kerana ayat yang dihasilkan masih menepati struktur dalam BJ yang sebenar. Jika diperhatikan, dalam pembentukan tersebut KKN *gehen* telah dipilih oleh responden bagi menyampaikan maksud *to go*. Berdasarkan konteks, ayat *Sie können mit dem Taxi gehen* secara literal membawa maksud *you can go (walk) by cab*. Walaupun KK *gehen* yang digunakan membawa maksud *to go*, namun dari sudut ketepatan maknanya KK *gehen* tidak sesuai digunakan kerana membawa pengertian sebaliknya. Jika diteliti, KK *to go* dalam BI didapati mempunyai padanan satu lawan banyak dalam BJ iaitu *gehen* dan juga *fahren*.

Dalam BJ, *gehen* dan *fahren* merupakan KK yang bersifat sinonim kerana ciri-ciri yang dimiliki menyamai antara satu sama lain. Namun dalam konteks tertentu, kedua-dua kata tersebut masih dilihat mempunyai perbezaan dan penggunaannya amat bergantung kepada situasi atau keadaan. Berdasarkan kategori, *gehen* dan *fahren* masing-masing tergolong dalam kumpulan Kata Kerja Nalar (KKN) dan Kata Kerja Tidak Nalar (KKTN). Dalam konteks penggunaan, *gehen* seperti yang dijelaskan oleh *Hueber Wörterbuch* (2006) ialah kata yang membawa maksud tertentu seperti:

- (a) *to walk*
- (b) *attend regularly (go to / attend school)*

Manakala *fahren* menurut *Hueber* ialah kata yang digunakan untuk menjelaskan situasi ‘pergi’ namun dalam konteks dan situasi yang berbeza iaitu:

- (a) *go / leave (vehicle)*

(b) *go by car / come by car* (person in a car)

(c) *go* (travel)

(d) *go by*

Oleh kerana konteks penggunaan bagi kata kerja *gehen* dan *fahren* adalah berbeza, maka berikut disertakan contoh-contoh (bukan data) yang menunjukkan perbezaan kedua-duanya dalam pembentukan ayat.

<i>gehen</i>	<i>fahren</i>
<p>Kata kerja ini digunakan dalam menjelaskan situasi berikut:</p> <p>a) Pergi ke sesuatu tempat dengan berjalan kaki.</p> <p>Contoh:</p> <p>(i) <i>Wir gehen zu Fuß zur Uni.</i> (We go / walk to university)</p> <p>Oleh kerana terdapatnya frasa <i>zu Fuß</i> (on foot) dalam ayat tersebut, maka kata kerja <i>gehen</i> digunakan untuk menunjukkan perbuatan pergi dengan cara ‘berjalan kaki’.</p> <p>b) Untuk menjelaskan maksud yang lebih umum iaitu pergi ke sesuatu tempat untuk tujuan tertentu dan bukannya pergi dengan cara berjalan kaki.</p>	<p>Kata kerja ini digunakan dalam menjelaskan situasi berikut:</p> <p>a) Pergi ke sesuatu tempat dengan menaiki kenderaan / pengangkutan darat seperti kereta, bas, keretapi dan lain-lain.</p> <p>Contoh:</p> <p>(i) <i>Mein Freund und ich fahren mit dem Bus zum Museum.</i> (My friend and I go to museum by bus)</p> <p>b) Mempunyai fungsi yang sama seperti <i>gehen</i> iaitu menjelaskan maksud yang lebih umum iaitu pergi ke sesuatu tempat untuk tujuan tertentu dan bukannya pergi dengan menaiki kenderaan.</p>

Contoh: (ii) <i>Sie gehen in die Schule Santa Barbara in La Paz.</i> <i>(They go to Santa Barbara school in La Paz)</i>	Contoh: (ii) <i>Die Studenten fahren jedes Jahr nach Deutschland.</i> <i>(The students go (travel) to Germany every year)</i>
---	---

(Funk, Kuhn & Demme, 2005)

Berdasarkan contoh-contoh di atas, secara jelas menunjukkan perbezaan antara KKN *gehen* dan KKTN *fahren* dalam pembentukan ayat. Walaupun tujuan maksud bagi kedua-dua kata dilihat hampir menyamai antara satu sama lain, namun dalam konteks penggunaan sebenar, *to go* yang dimaksudkan perlulah sesuai dan sepadan maknanya dalam konteks ayat bahasa Jerman agar penyampaian lebih jelas dan mudah difahami. Jika merujuk kepada ayat *Sie können mit dem Taxi gehen* (Lihat Jadual 4.1), KK *gehen* secara jelas tidak sesuai digunakan kerana makna yang terhasil telah menyimpang daripada makna yang sepatutnya iaitu *you can walk by cab*. Dalam situasi ini, penggunaan KK *gehen* perlu digantikan dengan kata yang lebih tepat iaitu *fahren*. Berdasarkan frasa *mit dem Taxi* (by cab), *to go* yang dimaksudkan lebih menjurus kepada maksud ‘pergi’ dengan cara menaiki kenderaan. Untuk membezakan penggunaan KK *gehen* dan *fahren*, maka Analisis Komponen Makna (AKM) digunakan untuk melihat dengan lebih jelas persamaan dan perbezaan fitur yang wujud antara kedua-duanya.

Ciri-ciri pembeza	<i>gehen</i>	<i>fahren</i>
pergerakan	+	+
berjalan	+	-
menaiki kenderaan	-	+

Jika diperhatikan, *gehen* dan *fahren* tergolong dalam komponen semantic dengan fitur makna yang sama iaitu [+pergerakan]. Namun begitu, dengan kewujudan fitur makna kontrastif (+) dan (-), secara tidak langsung menyebabkan kedua-dua kata tidak boleh bertukar ganti kerana penggunaannya amat bergantung kepada kesesuaian konteks. Umumnya, *gehen* dan *fahren* dapat diketahui perbezaan penggunaannya dengan melihat bagaimana sesuatu pergerakan itu berlaku atau dilakukan. Jika diperhatikan, *gehen* ditandai dengan fitur (+) bagi ciri ‘berjalan’ dan (-) bagi ciri ‘menaiki kenderaan’. Manakala *fahren* pula ditandai dengan fitur (+) bagi ciri ‘menaiki kenderaan’ dan (-) bagi ciri ‘berjalan’.

Justeru, dalam situasi ini kata yang lebih sesuai digunakan dan menepati konteks ayat *You can go by cab* ialah *fahren* dan pembentukan ayat yang lebih tepat bagi menggantikan ayat *Sie können mit dem Taxi gehen* (You can **walk** by taxi) ialah *Sie können mit dem Taxi fahren* (*you can go by cab*). Dalam pembentukan ayat tersebut, KK *fahren* tidak mengalami perubahan konjugasi kerana subjek yang digunakan merujuk kepada ganti nama orang pertama (tunggal) iaitu *Sie* (you).

Jadual 4.2: Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (2)

Maksud yang ingin disampaikan responden (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepertutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>Yes, we want to book a room for 2 people.</i>	<i>Ja, wir wollen ein Zimmer für 2 Personen zu mieten.</i>	<i>mieten</i> (to rent / hire)	<i>buchen</i> (to book)	Lampiran 2

Jadual 4.2 menunjukkan analisis ketepatan penggunaan KKN *mieten* dalam konteks ayat.

Jika merujuk kepada dialog (Lihat Lampiran 2), penggunaan kata kerja *mieten* jelas tidak sesuai dan tidak sepadan dengan makna *to book*. Ini kerana, *mieten* seperti yang dijelaskan oleh *Oxford German Dictionary* (2006) dan *Hueber Wörterbuch* (2006) ialah kata yang membawa maksud *to rent* atau *to hire*. Misalnya *ein Büro in der Innenstadt mieten* (rent an office in downtown) atau *ein Auto mieten* (rent a car).

Jika diperhatikan, susunan kata yang digunakan dalam ayat *Ja, wir wollen ein Zimmer für 2 Personen zu mieten* (yes, we want to **rent** a room for 2 people) secara grammatiknya masih mengikut struktur ayat yang tepat selain maknanya juga masih dapat difahami dengan jelas. Namun begitu, berpandukan konteks sebenar (Lampiran 2), pengkaji mendapati perbualan yang berlaku lebih berkisar tentang situasi mahu ‘menempah’ bilik di hotel berdasarkan kata kerja *to book* yang digunakan. Dalam situasi ini, responden didapati telah memilih kata kerja yang tidak sesuai kerana kata yang lebih tepat untuk dipadankan dengan maksud *to book* ialah *buchen / reservieren*. Walaupun kedua-dua KK *mieten* dan *buchen* boleh

digunakan dalam mana-mana konteks sama ada untuk menyatakan maksud ‘menempah’ atau ‘menyewa’ bilik hotel, namun jika dilihat dalam penyampaian sebenar, pemilihan KK *mieten* walau bagaimanapun tidak sesuai dan perlu digantikan dengan *buchen / reservieren*. Hal ini kerana, *buchen* seperti yang dijelaskan oleh *Hueber Wörterbuch* (2006) ialah kata yang membawa pelbagai maksud seperti *to book (einen Flug, eine Reise oder ein Hotel buchen / book a flight, trip or hotel)*, *credit (account) misalnya (einen Geldbetrag auf ein Konto buchen / book a sum of money to an account)* atau *reservieren* yang bermaksud *to reserve* seperti dalam ayat *Ich habe einen Tisch für zwei Personen reserviert* (I have **reserved** a table for two people).

Berdasarkan kategori, *mieten* dan *buchen* tergolong dalam kumpulan kata kerja yang sama iaitu Kata Kerja Nalar (KKN). Walaupun kata-kata kerja tersebut mempunyai maksud yang hampir-hampir sama, namun kedua-duanya bukanlah bersifat sinonim. Dalam situasi ini telah wujud pertindihan maksud antara ‘menempah’ dan ‘menyewa’ yang mungkin mengelirukan responden kerana penggunaan kedua-duanya boleh saling bertukar ganti dalam konteks tersebut. Justeru, untuk memastikan penyampaian mesej yang lebih jelas, maka KK *mieten* yang digunakan dalam ayat *Ja, wir wollen ein Zimmer für 2 Personen zu mieten* (Yes, we want to **rent** a room for 2 people) harus digantikan dengan padanan kata yang lebih sesuai iaitu *buchen / reservieren* untuk menghasilkan makna yang lebih tepat iaitu *Ja, wir wollen ein Zimmer für 2 Personen **buchen / reservieren*** (Yes, we want to **book** a room for 2 people).

Secara ringkas, walaupun kata kerja *buchen* dan *mieten* tidak dianggap bersinonim, namun kedua-dua kata tersebut masih mempunyai ciri-ciri makna yang hampir sama sepetimana yang dapat dilihat dalam jadual di bawah.

Ciri-ciri pembeza	<i>mieten</i>	<i>buchen</i>
menempah	-	+
sewa	+	-
bilik / rumah	+	+
barang kelengkapan (pakaian, kasut dll)	+	+
makanan	-	+

Berdasarkan Analisis Komponen Makna yang dilakukan, secara jelas menunjukkan kedua-dua kata *mieten* dan *buchen* bukanlah bersifat sinonim namun masih boleh bertukar ganti penggunaannya bergantung kepada kesesuaian maksud yang ingin disampaikan. Daripada fitur-fitur makna yang dinyatakan, *mieten* dan *buchen* dilihat hanya berkongsi fitur makna yang sama bagi ciri [+bilik / rumah dan barang kelengkapan] yang boleh dijelaskan dalam konteks makna ‘menyewa atau menempah’. Bagi fitur pembeza iaitu komponen kontrastif yang wujud, kedua-dua kata tidak boleh menggantikan antara satu sama lain dalam konteks linguistiknya. Misalnya *mieten* tidak sesuai untuk maksud ‘menyewa makanan’ tetapi *buchen* boleh digunakan untuk maksud ‘menempah makanan’.

Jadual 4.3: Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (3)

Maksud yang ingin disampaikan responden (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>This is my friend, Fifi. We study at the same university.</i>	<i>Das ist meine Freundin, Fifi. Wir lernen in der gleichen Universität</i>	<i>lernen</i> (to learn)	<i>studieren</i> (to study)	Lampiran 3

Jadual 4.3 menunjukkan pembentukan ayat yang menggunakan KKN *lernen* yang maknanya dilihat seolah-olah sama seperti kata kerja yang dimaksudkan dalam konteks asal namun hanya berbeza dalam konteks penggunaan. Jika diperhatikan, pembentukan ayat yang dihasilkan responden secara jelas tidak menunjukkan sebarang kesilapan yang melibatkan struktur mahupun konjugasi kata kerjanya. Selain itu, makna ayat tersebut juga masih lagi dapat difahami walaupun kata kerja yang digunakan bukanlah padanan kata yang tepat bagi maksud yang hendak disampaikan. Jika merujuk maksud sebenar (BI), Kata kerja BJ yang dilihat lebih sesuai untuk dipadankan dengan maksud *to study* ialah *studieren*.

Dalam BJ, *lernen* dan *studieren* dilihat sebagai kata kerja yang memiliki ciri-ciri makna yang hampir sama namun digunakan dalam konteks dan situasi yang berbeza. Dalam menjelaskan perbezaan ciri kedua-dua kata tersebut, peranan konteks dilihat amat penting dalam membantu kita memahami fungsinya terutama apabila melibatkan kata yang memiliki makna yang hampir sama tetapi berubah menjadi makna tertentu apabila

digunakan dalam konteks yang berbeza. Dari sudut makna, *lernen* seperti yang dijelaskan oleh *Hueber Wörterbuch* (2006) dan *Langenscheidt's Dictionary* (1993) ialah kata yang membawa maksud *to learn* manakala *studieren* ialah *to study*. KKN *lernen* secara umum digunakan dalam konteks penyampaian maksud ‘belajar’ yang lebih umum seperti *Das Kind lernt sprechen* (The child **learns** to speak), *Ich möchte gerne Gitarre spielen lernen* (I want to learn to play guitar) atau *Lara und Natascha lernen Englisch in der Schule* (Lara and Natascha learn English at school). Bagi KKN *studieren*, maknanya pula lebih terbatas dan hanya digunakan dalam konteks yang lebih khusus seperti *to be a university student* atau *to major in particular subject*. Misalnya *Meine Cousine studiert schon seit zehn Semestern* (My cousin is studying (is a student) for ten semesters), *Zhao Yafen studiert an der Tongji Universität* (Zhao Yafen is studying (is a student) at the University of Tongji) atau *Er studiert Medizin in Berlin* (He is studying (majoring in) medicine in Berlin).

Daripada contoh-contoh tersebut, penggunaan KK *lernen* seperti yang terdapat dalam ayat (lihat Jadual 4.3) jelas tidak sesuai dan bertepatan dengan konteks yang dinyatakan. Hal ini kerana, ayat *Wir lernen an der gleichen Universität* (We **learn** at the same university) menghasilkan makna yang terlalu umum dan tidak begitu jelas kerana tidak menyatakan apakah yang mereka pelajari di universiti yang sama. Dalam hal ini, responden dilihat agak keliru dengan penggunaan KK *lernen* untuk disesuaikan dengan konteks kerana berdasarkan maksud dalam konteks asal, ungkapan bagi maksud ‘belajar’ yang cuba dinyatakan lebih bersifat khusus iaitu ‘menuntut / *to study*’. Walaupun tidak dinyatakan jurusan atau pengkhususan yang diambil, namun berdasarkan dialog (lihat Lampiran 3) mesej yang cuba disampaikan secara jelas membawa maksud belajar dalam konteks

berikut, *Das ist meine Freundin, Fifi. Wir studieren an der gleichen Universität* (This is my friend, Fifi. We **study** at the same university). Jika merujuk kepada konjugasi, KK *studieren* yang digunakan tidak akan mengalami sebarang perubahan pada akhiran katanya kerana subjek yang digunakan adalah merujuk kepada ganti nama orang kedua (jamak) iaitu *Wir* (We). Oleh kerana *lernen* dan *studieren* dilihat mempunyai makna yang hampir sama iaitu dari sudut pembelajaran, maka ciri kedua-dua kata tersebut boleh diperjelaskan dengan menggunakan Analisis Komponen Makna (AKM) seperti di bawah:

Ciri-ciri pembeza	<i>lernen</i>	<i>studieren</i>
belajar	+	+
umum	+	-
khusus	-	+

Berdasarkan ciri-ciri yang dinyatakan, perbezaan fitur makna bagi *lernen* dan *studieren* hanya wujud pada ciri-ciri pembeza *umum* dan *khusus* iaitu bagaimana sesuatu konteks belajar itu dinyatakan.

Jadual 4.4: Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (4)

Maksud yang ingin disampaikan responden (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>Wow! How if we watch a movie together?</i>	<i>Wow! Wie wäre es beobachten wir einen Film zusammen?</i>	<i>beobachten</i> (to observe)	<i>sehen</i> (to watch / see)	Lampiran 4

Seperti penggunaan kata kerja *gehen-fahren* dan *lernen-studieren* yang memiliki makna yang hampir sama, pengkaji juga menemui kata kerja yang maknanya dilihat hampir sama namun berbeza dalam konteks penggunaan iaitu *beobachten-sehen*. Berdasarkan takrifan *Langenscheidt's Dictionary* (1993), *beobachten* merupakan Kata Kerja Nalar (KKN) yang membawa maksud *to watch* atau *to observe*. Bagi pembentukan ayat yang menggunakan kata kerja *beobachten*, makna yang dibawa oleh kata tersebut lebih menjurus kepada maksud ‘memerhati dengan teliti’, ‘mengamati’ atau ‘memandang dengan bersungguh-sungguh’. Kamus makna *Duden Bedeutungswörterbuch* (1985) pula menghuraikan *beobachten* sebagai kata yang membawa pelbagai maksud seperti *aufmerksam* (attentive), *überwachen* (monitor), *genau betrachten* (a closer look) atau *unter Aufsicht stellen* (under supervision).

Dalam BJ, selain *beobachten* terdapat juga kata kerja lain yang mempunyai makna yang hampir sama dengan kata kerja tersebut iaitu *sehen*. Namun tidak seperti *beobachten*, *sehen* pula tergolong dalam kategori Kata Kerja Tidak Nalar (KKTN) yang membawa maksud *mit dem Auge wahrnehmen* (perceive with the eye), *Aufmerksamkeit betrachten* (attentiveness)

atau *erkennen* (see / recognise) (*Duden Bedeutungswörterbuch*, 1985). Dalam pembentukan sesebuah ayat, KK *sehen* lazimnya digunakan bagi menjelaskan situasi seperti ‘memandang’ (tengok sesuatu, menonton dll), ‘melawat’ (orang sakit dll), ‘nampak’ (apabila memandang) atau ‘memelihara, membela / memberi perhatian kepada’. Walaupun *beobachten* dan *sehen* dilihat mempunyai takrifan yang hampir sama dalam bahasa Inggeris, namun dalam konteks ayat bahasa Jerman kedua-dua kata tersebut masih lagi mempunyai perbezaan iaitu dalam konteks penggunaannya. Dalam situasi tertentu, KK *beobachten* dan *sehen* dapat dilihat perbezaan maknanya seperti dalam contoh ayat-ayat (bukan data) di bawah.

<i>beobachten</i>	<i>sehen</i>
a) <i>Die Polizei lässt ihn beobachten.</i> (The police kept an eye on him)	a) <i>Ich habe es mit meinen eigenen Augen gesehen.</i> (I have seen it with my own eyes)
b) <i>Irgendwie fühle ich mich beobachtet.</i> (I feel that I am being watched)	b) <i>Sie sehen sich.</i> (They see each other)
c) <i>Hast du beobachtet, wie er das gemacht hat?.</i> (Did you see how he did it?) (<i>Hueber Wörterbuch</i> , 2006)	c) <i>Sie sieht nach meinen Pflanzen, wenn ich im Urlaub bin.</i> (She looks after my plants when I'm on vacation) (<i>Hueber Wörterbuch</i> , 2006)

Jika merujuk kepada pembentukan ayat di dalam Jadual (4.4), umumnya ayat yang dihasilkan tidak mengikut struktur pembentukan ayat BJ yang betul. Namun begitu, dengan merujuk keseluruhan ayat (BI), pengkaji dapat memahami sedikit sebanyak mesej yang

cuba disampaikan walaupun tidak seratus-peratus menepati konteks. Dalam situasi ini, pengkaji dapat melihat bagaimana kata kerja ‘*watching*’ (menonton) telah dipadankan dengan kata yang tidak sesuai iaitu *beobachten*. Berdasarkan penelitian, pengkaji mendapati bahawa ketidaktepatan penggunaan KK *beobachten* dalam konteks tersebut terjadi bukan disebabkan oleh kekeliruan yang dihadapi responden tetapi kerana ketidaktelitian mereka dalam memilih dan memahami makna serta penggunaan kata kerja tersebut dengan betul. Berdasarkan perbezaan *beobachten* dan *sehen* yang telah dijelaskan sebelumnya, maka secara kesimpulan dapat dijelaskan bahawa KK *beobachten* sememangnya tidak sesuai digunakan kerana maknanya yang lebih menjurus kepada perbuatan ‘memerhati atau mengawasi’ dan bukannya menonton. Dalam situasi ini, penelitian harus dibuat dengan lebih mendalam bagi memudahkan lagi proses pemilihan kata dilakukan. Untuk memperlihatkan dengan lebih jelas perbezaan KK *beobachten* dan *sehen* ini, maka AKM digunakan bagi membantu mengenal pasti fitur makna (+) dan (-) yang dimiliki oleh kedua-dua kata.

Ciri-ciri pembeza	<i>beobachten</i>	<i>sehen</i>
melihat sesuatu	+	+
menonton	-	+
memerhati / mengawasi	+	-
bersahaja	-	+
teliti / bersungguh-sungguh	+	-

Jika diperhatikan, *beobachten* dan *sehen* ialah kata yang tergolong dalam komponen semantik bersama dengan berkongsikan fitur makna yang sama iaitu [+melihat]. Namun demikian, persamaan fitur tersebut masih perlu diteliti kerana melihat yang dimaksudkan

harus disesuaikan dengan konteks bagaimana perbuatan melihat itu dilakukan. Daripada hasil penelitian, pengkaji mendapati pembentukan ayat yang dihasilkan responden menggunakan KK *beobachten* iaitu *Wow! Wie ware es **beobachten** wir einen Film zusammen?* (Wow! As it would be, we **observe** a movie together?) adalah tidak tepat dan harus digantikan dengan padanan kata yang lebih sesuai iaitu *sehen* bagi menghasilkan makna yang lebih tepat seperti *Wow! Wie wäre wenn wir einen Film zusammen **sehen**?* (Wow! How if we **watch** a movie together?). Dalam pembentukan ayat tersebut, konjugasi KTKN *sehen* dilihat tidak mengalami sebarang perubahan kerana subjek yang digunakan merujuk kepada ganti nama orang kedua (jamak) iaitu *Wir* (we).

Jadual 4.5: Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (5)

Maksud yang ingin disampaikan responden (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>In which hotel are you spending the night?</i>	<i>Wo wohnen Sie im Hotel?</i>	<i>wohnen</i> (to live)	<i>übernachten</i> (to stay at night)	Lampiran 5

Jadual berikut menunjukkan pembentukan ayat oleh responden yang juga menggunakan kata kerja yang tidak bertepatan dengan konteks yang disampaikan. Dalam pembentukan tersebut, KKN *wohnen* telah dipilih oleh responden untuk dijadikan padanan bagi maksud *spending the night* seperti yang terdapat dalam konteks asal. Jika dilihat dari sudut makna, *wohnen* berdasarkan takrifan *Duden Bedeutungswörterbuch* (1985) ialah kata yang

membawa maksud *live / stay* (for a short period), *ständigen Wohnsitz* (permanent residence) atau *vorübergehend eine Unterkunft* (temporary accommodation) seperti dalam ayat *Er wohnt jetzt in Mannheim* (He lives now in Mannheim) atau *Sie wohnen im zweiten Stock* (They live on the second floor). Jika merujuk frasa *im Hotel* (in hotel) seperti yang terdapat dalam ayat BJ (lihat Jadual), kata kerja *wohnen* umumnya masih boleh digunakan tetapi hanya dalam konteks tertentu sahaja, misalnya jika seseorang mahu menyatakan maksud ‘tinggal / menetap’ seketika di hotel seperti *Wohnst du im Hotel?* (Do you stay in the hotel?). Namun, jika mesej yang cuba disampaikan lebih menjurus kepada maksud bermalam’ (*spending the night*), maka *wohnen* secara jelas tidak sesuai digunakan dan perlu digantikan dengan padanan kata yang lebih tepat iaitu *übernachten*.

Berdasarkan takrifan *Duden Bedeutungswörterbuch* (1985), *übernachten* bermaksud *über Nacht an einem bestimmten Ort bleiben* (stay overnight at a certain place and sleep there) atau *die Nacht verbringen* (spend the night) seperti dalam ayat *Katja kann bei Frau Meinberg übernachten* (Katja can spend the night at Mrs. Meinberg’s home). Sama seperti analisis dalam Jadual 4.1, 4.3 dan 4.4, ciri persamaan dan perbezaan yang dimiliki oleh kedua-dua KK *wohnen* dan *übernachten* juga dapat dilihat dengan lebih jelas menggunakan (AKM) seperti berikut:

Ciri-ciri pembeza	<i>wohnen</i>	<i>übernachten</i>
keberadaan	+	+
tinggal / menetap	+	-
bermalam	-	+

Walaupun *wohnen* dan *übernachten* bukan tergolong dalam kata yang bersinonim, namun kedua-duanya boleh saling bertukar ganti mengikut kesesuaian konteks yang ingin disampaikan. Berdasarkan jadual di atas, ciri yang dikongsi bersama oleh *wohnen* dan *übernachten* dengan fitur makna yang sama ialah [+keberadaan] iaitu dalam erti kata di mana seseorang itu tinggal sama ada untuk tujuan ‘menetap’ atau hanya sekadar untuk ‘bermalam’. Dalam konteks penyampaian sebenar, mesej yang cuba disampaikan lebih menjurus kepada maksud tinggal untuk tujuan bermalam. Dalam hal ini, pengkaji mendapati penggunaan KK *wohnen* dalam ayat *Wo wohnen Sie im Hotel?* (Where do you **live** in the hotel?) adalah tidak sesuai dan perlu digantikan dengan *übernachten* untuk menghasilkan ayat yang lebih tepat seperti *In welchem Hotel übernachten Sie?* (In which hotel are you **spending the night**?). Dalam ayat tersebut, subjek yang digunakan ialah *Sie* (you-formal) yang tidak akan menyebabkan berlakunya perubahan konjugasi.

Jadual 4.6: Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (6)

Maksud yang ingin disampaikan responden (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>Yes, tomorrow we go to the theatre</i>	<i>Ja, Wir besuchen das Theater morgen</i>	<i>besuchen</i> (to visit)	<i>gehen</i> (to go)	Lampiran 6

Selain melibatkan penggunaan kata-kata kerja yang memiliki ciri yang sama / hampir sama dengan kata yang sepatutnya, pengkaji turut menemui beberapa lagi pembentukan ayat yang menggunakan kata kerja yang maknanya juga tidak bersesuaian dengan konteks yang

ingin disampaikan. Merujuk Jadual 4.6, ayat *Ja, wir besuchen das Theater morgen* yang dihasilkan responden secara literalnya membawa maksud *Yes, we visit the theatre tomorrow*. Walaupun pembentukan tersebut mengikut susunan kata dan konjugasi yang betul, namun dari sudut makna, ayat yang dihasilkan walau bagaimanapun masih tidak menepati konteks sebenar. Hal ini kerana, berdasarkan dialog (lihat Lampiran 6), mesej yang cuba disampaikan lebih menjurus kepada maksud *to go* dan bukannya *to visit*. Dalam situasi ini, kata kerja yang telah digunakan oleh responden ialah Kata Kerja Nalar (KKN) *besuchen* dan ini telah menyebabkan makna ayat yang dihasilkan menjadi kurang tepat.

Lazimnya, *besuchen* menurut *Duden Bedeutungswörterbuch* (1985) ialah kata kerja yang digunakan untuk menjelaskan maksud-maksud seperti *begeben und dort einige Zeit verweilen* (go and spend some time) atau *sich irgendwohin begeben, um etwas zu besichtigen* (go somewhere to visit something). Menurut *Langenscheidt's German Dictionary* (1993) dan *Hueber Wörterbuch* (2006), *besuchen* juga ditakrifkan sebagai *to visit, go and see, go to* dan *attend*. Dalam pembentukan sesebuah ayat, *besuchen* biasanya digunakan dalam konteks-konteks seperti *Habt ihr auch die Pyramiden besucht?* (Have you also visited the pyramids?) atau *Sie besucht einen Kurs an der Volkshochschule* (She attend a course at the adult education centre). Dalam konteks penyampaian sebenar, mesej yang cuba disampaikan lebih menjurus kepada maksud *Yes, tomorrow we go to theatre*. Dalam BJ, kata yang sesuai dipadankan dengan makna *to go* ialah *gehen*. Untuk melihat dengan lebih jelas perbezaan di antara KK *besuchen* dan *gehen*, maka (AKM) digunakan bagi memudahkan ciri-ciri makna kedua-dua kata dikenal pasti.

Ciri-ciri pembeza	<i>besuchen</i>	<i>gehen</i>
berjalan	-	+
melawat	+	-

Secara ringkas, fitur makna (+) dan (-) yang wujud sedikit-sebanyak memperlihatkan perbezaan ciri bagi KK *besuchen* dan *gehen* yang bukan bersifat sinonim. Berdasarkan perbezaan tersebut, pengkaji mendapati penggunaan KK *gehen* adalah lebih sesuai kerana maknanya lebih menepati konteks iaitu pergi ke teater untuk tujuan melihat persembahan atau pementasan dan bukan sebaliknya seperti yang dihasilkan dalam ayat *Ja, Wir besuchen das Theater morgen* yang lebih menjurus kepada maksud melawat yakni perbuatan meninjau-ninjau kawasan atau melihat persekitaran dalam dan luar teater. Dalam situasi ini, pembentukan ayat yang lebih tepat dan bersesuaian dengan konteks yang sepatutnya adalah *Ja, morgen gehen wir ins Theater* (Yes, tomorrow we **go** to the theatre). Dalam pembentukan ayat tersebut, konjugasi kata kerja *gehen* tidak berubah kerana subjek yang digunakan merujuk ganti nama orang kedua (jamak) iaitu *Wir* (We).

Jadual 4.7: Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (7)

Maksud yang ingin disampaikan responden (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>My friend in Malaysia will bring / take us sightseeing</i>	<i>Mein Freund in Malaysia leiten wir besuchen viele Sehenswürdigkeiten</i>	<i>leiten</i> (to guide)	<i>bringen</i> (to bring / take)	Lampiran 7

Dalam pembentukan ayat berikutnya, ketepatan kata kerja yang dilihat dalam konteks penggunaan ialah *leiten* seperti yang dapat dilihat di dalam Jadual 4.7. Menurut takrifan Hueber Wörterbuch (2006), *leiten* ialah Kata Kerja Nalar (KKN) yang membawa maksud-maksud seperti:

- (a) *guide* (to / through / around something)
- (b) *manage* (business / project)
- (c) *lead* (a discussion or meeting)
- (d) *be head of* (an orchestra)
- (e) *conduct* (a sports match)

Umumnya, ayat *Mein Freund in Malaysia **leiten** wir besuchen viele Sehenswürdigkeiten* yang dihasilkan responden dilihat tidak mengikuti struktur yang betul selain maknanya juga tidak menepati konteks seperti yang dikehendaki. Secara literal, ayat tersebut membawa maksud *My friend in Malaysia will **guide** we sightseeing*. Jika diteliti ketepatan kata yang digunakan, *leiten wir* (guide we) yang terdapat dalam ayat tersebut jelas menyalahi makna kerana penggunaan ganti nama *wir* tidak boleh digunakan dan perlu digantikan dengan *uns*

menjadi *leiten uns* (guide us). Selain ganti nama yang tidak sesuai, pemilihan kata kerjanya juga didapati tidak sesuai dan tidak sepadan dengan makna yang sepatutnya iaitu *to bring* / *take*. Dalam hal ini, pemilihan kata yang lebih sesuai untuk dipadankan dengan maksud tersebut ialah *bringen*. Untuk memperjelaskan perbezaan tersebut, maka (AKM) telah digunakan bagi membantu pengkaji meneliti fitur-fitur makna yang wujud antara kedua-dua kata.

Ciri-ciri pembeza	<i>leiten</i>	<i>bringen</i>
barang-barang	-	+
orang	+	+

Jika diperhatikan, walaupun *leiten* dan *bringen* tidak tergolong dalam kata yang bersinonim, namun daripada ciri-ciri yang dinyatakan jelas menunjukkan bahawa masih terdapat perkaitan antara kedua-dua kata yang melibatkan perkongsian fitur makna yang sama iaitu [+menuju ke sesuatu arah]. Daripada analisis komponen makna yang dilakukan, *leiten* dan *bringen* boleh diletakkan dalam komponen semantik yang sama iaitu [+orang] yakni dalam konteks maksud membawa / memandu seseorang ke arah yang ingin dituju. Manakala bagi merujuk benda / barang-barang, fitur makna (+) hanya dapat dilihat pada KK *bringen* (*bring*) dan tidak pada *leiten* (*guide*) kerana kata kerja tersebut tidak sesuai digunakan. Walaupun kedua-dua kata boleh digunakan dalam konteks [+orang], namun untuk memadankan kata yang digunakan dengan maksud sebenar, maka pengkaji mendapati penggunaan KK *leiten* yang terdapat dalam ayat *Mein Freund in Malaysia leiten wir besuchen viele Sehenswürdigkeiten* perlu digantikan dengan *bringen* kerana maknanya dilihat lebih sesuai dan menjurus kepada konteks sebenar iaitu ‘membawa’ dan bukannya ‘memandu’. Dalam situasi ini, pembentukan ayat yang lebih tepat dan menghampiri

maksud sebenar adalah *Mein Freund in Malaysia bringen uns um viele Sehenswürdigkeiten zu besuchen* (My friend in Malaysia will **bring / take** us to visit many places of interest).

Dalam pembentukan tersebut, konjugasi KK *bringen* tidak akan mengalami sebarang perubahan kerana subjek yang digunakan merujuk ganti nama orang pertama (jamak) *wir* atau dalam ayat digantikan dengan *uns* kerana objek yang dirujuk oleh kata kerja tersebut adalah objek tidak langsung / *indirect object*.

Jadual 4.8: Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (8)

Maksud yang ingin disampaikan responden (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>We would like to take you there</i>	<i>Lassen Sie uns gehen zusammen ins Bukit Cerakah</i>	<i>gehen</i> (to walk)	<i>bringen</i> (to bring / take)	Lampiran 8

Dalam Jadual 4.8, ketepatan kata kerja yang diteliti dalam pembentukan ayat di atas ialah Kata Kerja Nalar (KKN) *gehen*. Walaupun dari sudut grammatik ayat *Lassen Sie uns gehen zusammen ins Bukit Cerakah* yang dihasilkan responden tidak mengikut struktur yang betul, namun berdasarkan penelitian, pengkaji mendapati mesej yang cuba disampaikan masih dapat difahami walaupun maknanya tidak seratus peratus menepati konteks. Dalam pembentukan ayat tersebut, pengkaji mendapati pemilihan KK *gehen* yang dibuat oleh responden nyata tidak sesuai kerana maknanya tidak sepadan dengan makna kata *to take* seperti yang dinyatakan dalam konteks sebenar. Berdasarkan penelitian ke atas dialog (lihat Lampiran 8), pengkaji mendapati mesej yang cuba disampaikan adalah berbentuk

pernyataan yakni pelawaan atau cadangan kepada seseorang untuk membawanya ke tempat seperti yang dinyatakan (bukit cerakah). Dalam hal ini, pengkaji mendapati padanan kata yang lebih sesuai digunakan bagi menggantikan *gehen* ialah *bringen*. Walaupun *gehen* dan *bringen* tidak bersifat sinonim, namun responden harus meneliti terlebih dahulu perbezaan makna antara kedua-dua kata bagi mengelakkan terjadinya ketidakjelasan dalam penyampaian. Jika merujuk kepada takrifan, *gehen* dan *bringen* seperti yang dijelaskan oleh *Hueber Wörterbuch* (2006) membawa pengertian tertentu seperti *gehen* (to go / to walk) dan *bringen* (to bring). Walaupun *gehen* boleh digunakan dalam pembentukan ayat tersebut (lihat Jadual 4.8), namun dalam konteks penyampaian sebenar, mesej yang cuba disampaikan lebih menjurus kepada maksud membawa dan bukannya pergi . Dalam situasi ini, penggunaan KK *gehen* seperti yang terdapat dalam ayat *Lassen Sie uns gehen zusammen ins Bukit Cerakah* perlu digantikan dengan *bringen* supaya ayat yang dihasilkan menjadi lebih tepat iaitu *Wir möchten Sie dorthin bringen* (We would like **to take** you there). Bagi mengelakkan terjadinya pemilihan kata yang tidak sesuai, maka ciri bagi kedua-dua kata kerja tersebut harus diteliti dengan cara menggunakan (AKM) seperti dalam jadual berikut.

Ciri-ciri pembeza	<i>gehen</i>	<i>bringen</i>
pergi (berjalan)	+	-
membawa	-	+

Berdasarkan fitur-fitur makna (+) dan (-) yang dinyatakan, penggunaan *gehen* dan *bringen* umumnya tidak boleh ditukar ganti kerana perbezaan fitur makna yang jelas antara satu sama lain. Jika melihat kepada pembentukan ayat yang lebih tepat, KK *bringen* yang digunakan tidak mengalami perubahan konjugasi kerana pembentukan tersebut telah

menggunakan kata kerja modal iaitu *möchten* (want) yang tidak akan mengubah akhiran kata kerja infinitif yang digunakan walaupun ganti nama yang dirujuk adalah berbeza.

Jadual 4.9: Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (9)

Maksud yang ingin disampaikan responden (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>When did you arrive?</i>	<i>Wann Sie kommen?</i>	<i>kommen</i> (to come)	<i>ankommen</i> (to arrive)	Lampiran 9

Jadual di atas memperlihatkan pembentukan ayat yang menggunakan Kata Kerja Nalar (KKN) *kommen* yang tidak bersesuaian maknanya dengan makna kata dalam konteks sebenar. Berdasarkan dialog (Lampiran 9), pengkaji mendapati mesej yang cuba disampaikan adalah menjurus kepada maksud *When did you arrive?*. Dalam BJ, kata yang sesuai dipadankan dengan makna *to arrive* ialah *ankommen*. Jika diperhatikan, ayat *Wann Sie kommen?* yang dihasilkan responden jelas tidak menepati konteks makna seperti yang diinginkan. Dalam pembentukan tersebut, penggunaan KK *kommen* bukan sahaja dilihat menyalahi kedudukan bahkan ayat yang terhasil juga membawa maksud sebaliknya iaitu *When did you come?*. Dalam hal ini, pengkaji mendapati perbezaan makna yang wujud antara ayat yang dihasilkan responden dengan konteks sebenar adalah disebabkan oleh pemilihan kata kerjanya yang tidak sesuai. Jika diperhatikan, walaupun *kommen* dan *ankommen* terdiri daripada kata dasar / infinitif yang sama, namun oleh sebab wujudnya awalan kata (präfix) *an-* di hadapan infinitif *kommen*, maka secara tidak langsung kata yang terbentuk telah menghasilkan makna sebaliknya. Untuk memastikan kesesuaian KK

kommen dan *ankommen* dalam konteks penggunaan, maka penelitian harus dilakukan ke atas kedua-dua kata supaya maknanya lebih jelas dan mudah difahami. Dalam pembentukan sesebuah ayat, *kommen* lazimnya digunakan untuk menyampaikan maksud-maksud seperti *to come*, *to get* atau *to arrive* manakala *ankommen* juga membawa maksud *to arrive*. Walaupun *kommen* dan *ankommen* dilihat mempunyai pengertian maksud yang sama (to arrive), namun kedua-duanya bukanlah kata yang bersifat sinonim.

Dalam pembentukan ayat, penggunaan KK *kommen* dan *ankommen* dilihat boleh saling bertukar ganti. Misalnya, apabila seseorang hendak menyatakan maksud ‘sampai / tiba pada masa tertentu’ (*come / arrive at a certain time*) tetapi dalam konteks yang berbeza. Bagi KK *ankommen*, penggunaanya adalah menjurus kepada konteks seperti bertanyakan seseorang bila dia sampai / tiba di rumah. Misalnya *Wann wirst du nach Hause ankommen?* (When will you **arrive / come** home?) manakala *kommen* pula untuk tujuan maksud yang sama tetapi berlainan situasi seperti bertanyakan rakan serumah atau mereka yang tinggal bersama. Misalnya *Wann wirst du nach Hause kommen?* (When will you **come** home?). Bagi memastikan pemilihan kata yang dibuat menepati konteks, maka responden perlu melakukan penelitian terhadap makna kata yang digunakan dengan menggunakan (AKM) seperti di bawah:

Ciri-ciri pembeza	<i>kommen</i>	<i>ankommen</i>
pada waktu tertentu	+	+
umum	+	-
khusus	-	+

Daripada AKM yang dilakukan, KK *kommen* dan *ankommen* dilihat tergolong dalam komponen semantik yang sama iaitu [+pada waktu tertentu] yakni persamaan ciri yang dapat menjelaskan mana-mana maksud sama ada ‘datang’ ataupun ‘sampai’. Walaupun dalam BI kata kerja *to come* dan *to arrive* bukan bersifat sinonim, namun situasi ini berbeza dalam BJ yang menganggap *kommen* dan *ankommen* lebih bersifat sinonim kerana penggunaannya boleh bertukar ganti mengikut kesesuaian konteks. Namun begitu, dengan kewujudan fitur pembeza pada ciri ‘umum’ dan ‘khusus’, maka jelaslah di sini bahawa kedua-dua kata tersebut tidak boleh bertukar ganti kerana penggunaannya amat bergantung kepada situasi yang berlaku. Dalam hal ini, perbezaan ciri bagi *kommen* dan *ankommen* hanya dapat diketahui dengan meneliti maknanya sama ada bersifat umum ataupun khusus. Umum di sini bermaksud kata kerja tersebut boleh digunakan dalam pelbagai konteks seperti *kommen* yang mempunyai banyak maksud iaitu datang , ‘sampai’ berasal dan juga pergi manakala khusus seperti *ankommen* hanya digunakan dalam konteks tertentu seperti menyatakan maksud ketibaan sama ada merujuk kepada ‘orang’ atau ‘pengangkutan’ ke sesuatu tempat.

Berdasarkan huraian di atas, maka di sini jelas menunjukkan bahawa penggunaan KK *kommen* dalam ayat *Wann Sie kommen?* perlu digantikan dengan padanan kata yang lebih sesuai iaitu *ankommen* bagi menghasilkan ayat yang lebih tepat iaitu *Wann **kommen** Sie an? (When did you arrive?)*. Dalam ayat tersebut, *ankommen* ialah kata yang maknanya bersifat lebih khusus yakni pertanyaan Bila anda sampai ? yang lebih menjurus kepada maksud rasa ingin tahu terhadap perjalanan tersebut atau dalam ertikata lain Berapa lamakah perjalanan anda? / *How long is your trip?* . Seperti yang telah dijelaskan dalam

Bab Dua, *ankommen* merupakan Kata Kerja Terpisah (KKT) dan apabila digunakan, awalan kata (*präfix*) *an-* perlu dipisahkan dan diletakkan pada kedudukan akhir frasa / ayat manakala infinitif *kommen* pula dikonjugasi mengikut ganti nama yang digunakan dan diletakkan pada kedudukan sebelum kata nama / subjek. Dalam pembentukan ayat tersebut, infinitif *kommen* tidak mengalami perubahan konjugasi kerana subjek yang digunakan merujuk ganti nama orang kedua (tunggal) iaitu *Sie*.

Jadual 4.10: Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (10)

Maksud yang ingin disampaikan responden (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>ok let us send you to the hotel</i>	<i>Ok wie warden Sie zu Hotel senden</i>	<i>senden</i> (to send)	<i>schicken</i> (to send)	Lampiran 10

Jadual 4.10 menunjukkan pembentukan ayat oleh responden yang menggunakan kata kerja yang tidak bersesuaian dengan konteks yang disampaikan. Dalam pembentukan ayat *Ok wie warden Sie zu Hotel senden*, secara keseluruhan ayat tersebut menghasilkan makna yang tidak begitu jelas kerana susunan dan pemilihan kata yang dibuat tidak menepati konteks sebenar. Daripada penelitian ke atas dialog (Lampiran 10), pengkaji mendapati bahawa penggunaan KK *senden* tidak sesuai untuk dipadankan dengan maksud *to send* seperti yang dinyatakan dalam konteks asal. Hal ini disebabkan oleh KK *to send* dalam BI mempunyai padanan satu lawan banyak dalam BJ iaitu *senden* dan *schicken*. Walaupun kedua-dua kata memiliki makna yang sama, namun penggunaannya masih perlu diteliti

supaya maknanya tidak disalahertikan oleh orang yang mendengar. Jika ditinjau dari sudut penggunaan, kedua-dua KK *senden* dan *schicken* boleh digunakan dalam konteks yang sama iaitu dalam menyampaikan maksud menghantar sesuatu kepada seseorang seperti surat, buku, bunga, hadiah dan sebagainya. Misalnya *wir senden / schicken unserer Freunden Urlaubskarten* (We send holiday cards to our friends) atau *einen Brief oder Blumen an jemanden senden / schicken* (Send a letter or flowers to someone). Selain konteks yang boleh menggunakan kedua-dua kata tersebut, terdapat juga konteks yang hanya boleh menggunakan salah satu kata kerja sahaja dalam ayat yang dihasilkan. Misalnya dalam ayat *Wir senden eine Zusammenfassung der heutigen Spiele um 22.30 Uhr* (We will send a summary of today's matches at 22.30 o'clock) hanya KK *senden* sahaja yang boleh digunakan. Bagi kata kerja *schicken* pula, penggunaannya lebih tertumpu kepada konteks makna seperti *Die Kinder ins Bett / zur Schule schicken* (Send the kids to bed / to school) / atau *Krankenwagen schicken* (Send for the doctor / ambulance). Daripada contoh ayat-ayat tersebut, secara ringkas penentuan fitur bagi kedua-dua kata hanya dapat dilihat dengan lebih jelas menggunakan (AKM) seperti berikut:

Ciri-ciri pembeza	<i>senden</i>	<i>schicken</i>
barang-barang	+	+
orang	-	+
berita / siaran	+	-

Berdasarkan fitur (+) dan (-) yang dinyatakan, secara jelas KK *senden* dan *schicken* masih terdapat perbezaan penggunaan walaupun secara umum kedua-dua kata adalah tergolong dalam komponen semantik yang sama [+menghantar sesuatu]. Jika dilihat kepada konteks yang hendak disampaikan (Jadual 4.10), *to send* yang dimaksudkan lebih menjurus kepada

maksud *schickt jemanden irgendwohin* (send someone somewhere) ke tempat penginapan iaitu hotel. Justeru, dalam hal ini penggunaan Kata Kerja Nalar (KKN) *senden* seperti yang terdapat dalam ayat *Ok wie warden Sie zu Hotel **senden*** tidak sesuai dan perlu digantikan dengan KKN *schicken* untuk membentuk ayat yang lebih tepat iaitu *Ok lassen uns Sie zum Hotel **schicken*** (Ok let us **send** you to the hotel).

Jadual 4.11: Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (11)

Maksud yang ingin disampaikan responden (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>I want to look around your campus</i>	<i>Ich möchte um den Campus zu suchen</i>	<i>suchen</i> (to search)	<i>umsehen</i> (to look around)	Lampiran 11

Dalam pembentukan ayat di atas, ketepatan penggunaan kata kerja yang diteliti ialah KKN *suchen*. Dalam pembentukan ayat *Ich möchte um den Campus zu suchen*, responden didapati telah memilih kata kerja *suchen* untuk dipadankan dengan maksud *to look around*. Dalam situasi ini, pemilihan KK *suchen* dilihat tidak sesuai digunakan kerana *suchen* seperti yang dijelaskan oleh *Hueber Wörterbuch* (2006) ialah kata yang bermaksud *to look*, *to look for*, *to search* atau *to search for*. Dalam BJ, kata kerja yang lebih sesuai untuk dipadankan dengan maksud *to look around* ialah *umsehen*. Berdasarkan kategori, *umsehen* ialah KK yang tergolong dalam kumpulan Kata Kerja Terpisah (KKT). Jika KKN *suchen* bermaksud mencari sesuatu yang tertentu , KKT *umsehen* pula sebaliknya iaitu melihat sesuatu yang tidak ditentukan / untuk tengok-tengok sahaja .

Jika ditinjau dari sudut penggunaan, *suchen* dan *umsehen* secara jelas amat bergantung kepada kesesuaian konteks yang hendak disampaikan. Walaupun kata-kata tersebut tidak dianggap bersinonim, namun oleh sebab wujud pertindihan makna antara kedua-dua kata yakni melibatkan perbuatan yang sama dilakukan, maka penelitian yang lebih mendalam harus dibuat supaya kata yang dipilih bersesuaian dengan konteks. Justeru, bagi menjelaskan perbezaan tersebut, pengkaji turut menggunakan (AKM) untuk meneliti fitur-fitur makna yang wujud antara kedua-dua kata kerja tersebut.

Ciri-ciri pembeza	<i>suchen</i>	<i>umsehen</i>
melihat	+	+
dengan tujuan	+	-

Berdasarkan ciri-ciri pembeza yang dinyatakan, umumnya kedua-dua kata dilihat berkongsi makna semantik yang sama hanya dari sudut perbuatan yang dilakukan iaitu [+melihat]. Namun jika diperhatikan dari sudut apakah tujuan melihat itu dilakukan, maka *suchen* amat sesuai digunakan untuk menyatakan maksud mencari sesuatu' sama ada orang, tempat atau barang-barang manakala *umsehen* untuk melihat atau meninjau-ninjau sesuatu sama ada 'benda / tempat'. Jika merujuk semula pembentukan ayat oleh responden (Jadual 4.11), maka penggunaan KKN *suchen* seperti yang terdapat dalam ayat *Ich möchte um den Campus zu suchen* (I want **to search** the campus) perlu digantikan dengan KKT *umsehen* supaya makna yang terhasil menepati konteks sebenar iaitu *Ich möchte auf Ihrem Campus umsehen* (I want to **look around** your campus). Walaupun pembentukan ayat tersebut menggunakan KKT *umsehen*, namun apabila kata kerja modal *möchte* (can) digunakan bersama, maka *umsehen* tidak perlu dipisahkan dan berada bersama di hujung ayat.

Jadual 4.12: Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (12)

Maksud yang ingin disampaikan responden (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>come in, please</i>	<i>kommen im, bitte</i>	<i>kommen</i> (to come)	<i>hereinkommen / herein</i> (to get in)	Lampiran 12

Dalam meneliti pembentukan ayat di atas, Kata Kerja Nalar (KKN) *kommen* telah dipilih untuk dijadikan padanan bagi maksud *come in* seperti yang terdapat dalam konteks asal. Jika merujuk kepada dialog (lihat Lampiran 12), penggunaan kata kerja *kommen* pada dasarnya tidak sesuai digunakan kerana *kommen* seperti yang dijelaskan dalam analisis sebelumnya membawa maksud *to come, to get, to arrive* atau *to go somewhere* (Hueber Wörterbuch, 2006). Dalam konteks *come in, please*, maksud yang cuba disampaikan lebih menjurus kepada suatu pernyataan berbentuk ‘pelawaan / arahan kepada seseorang supaya masuk ke dalam (*come in / get in*).

Jika diperhatikan, frasa *kommen im, bitte* yang terbentuk adalah hasil daripada terjemahan kata demi kata mengikut frasa *come in, please*. Secara keseluruhan, frasa *kommen im, bitte* jelas tidak menepati konteks makna sebenar kerana *kommen im* jika diterjemah akan membawa maksud *pergi / datang dalam* dan bukannya *masuk ke dalam*. Dalam hal ini, kata yang dilihat lebih sesuai untuk dipadankan dengan maksud *come in* ialah *hereinkommen*.

Jika ditinjau dari sudut maknanya, *hereinkommen* menurut *Hueber Wörterbuch* (2006) ialah Kata Kerja Terpisah (KKT) yang membawa maksud *come in*, *get in* atau *come into / inside* seperti *Er kommt ins Zimmer herein* (He comes in the room) atau *Sie kommt aus dem Garten ins Haus herein* (She comes in from the garden to the house). Dalam sesbuah konteks, *hereinkommen* secara jelas akan dipisahkan apabila digunakan dalam ayat. Awalan kata (präfix) *herein-* akan diletakkan di hujung ayat manakala infinitif *kommen* dikonjugasi mengikut ganti nama orang ketiga (tunggal) yang digunakan sama ada *er* (he) atau *sie* (she). Daripada contoh-contoh ayat tersebut, kita dapat melihat penggunaan kata kerja *kommen* yang nyata tidak sesuai dan perlu digantikan dengan padanan kata lain iaitu *hereinkommen* untuk menghasilkan frasa yang lebih tepat seperti *komm herein, bitte!* atau *herein, bitte! (come in, please).*

Dari sudut semantik, walaupun *kommen* dan *hereinkommen* terdiri daripada infinitif yang sama (*kommen*), namun kedua-duanya bukanlah bersifat sinonim kerana maknanya jelas berbeza antara satu sama lain. Setiap fitur yang terdapat pada kedua-dua kata dapat diketahui dengan menggunakan Jadual (AKM). Secara ringkas fitur perbezaan yang wujud antara *kommen* dan *hereinkommen* dapat dilihat dengan lebih jelas seperti dalam jadual berikut:

Ciri-ciri pembeza	<i>kommen</i>	<i>hereinkommen</i>
datang	+	-
masuk	-	+

Jadual 4.13: Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (13)

Maksud yang ingin disampaikan responden (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>Where are you from?</i>	<i>Wo wohnen Sie?</i>	<i>wohnen</i> (to live)	<i>kommen</i> (to come)	Lampiran 13

Jadual berikutnya memperlihatkan analisis ketepatan penggunaan kata kerja *wohnen* dalam pembentukan ayat seperti yang dinyatakan di atas. Secara grammatik, ayat *Wo wohnen Sie? (Where do you live?)* yang dihasilkan responden menepati susunan kata, konjugasi di samping maknanya juga masih dapat difahami walaupun tidak seratus-peratus menepati konteks sebenar. Dari sudut makna, *wohnen* umumnya tidak sesuai dijadikan padanan bagi maksud *to from* kerana ia lebih menjurus kepada maksud *to live*. Dalam pembentukan sesebuah ayat, *wohnen* yang juga tergolong dalam Kata Kerja Nalar (KKN) membawa maksud *to live / stay* (*Hueber Wörterbuch*, 2006) dan penggunaannya adalah seperti dalam konteks-konteks yang telah dinyatakan sebelumnya (lihat contoh dalam Jadual 4.5).

Walaupun pembentukan ayat *Wo wohnen Sie?* hanya melibatkan ketidaktepatan penggunaan kata kerjanya sahaja, namun kesan yang dapat dilihat ialah ayat tersebut secara keseluruhan telah berubah maknanya daripada *where are you from?* kepada *where do you live?*. Dalam hal ini, pengkaji mendapati kata kerja *wohnen* sama sekali tidak sesuai digunakan dan harus digantikan dengan padanan yang lebih tepat iaitu *kommen*. Sama seperti *wohnen*, *kommen* juga tergolong dalam kategori KKN. Menurut takrifan *Langenscheidt's dictionary* (1993), *kommen* bermaksud *to come*, *to arrive* atau *to get* dan

digunakan dalam konteks-konteks tertentu (lihat contoh dalam Jadual 4.9). Berdasarkan penelitian, ketidaktepatan KK *wohnen* dalam pembentukan ayat tersebut bukanlah disebabkan oleh kekeliruan tetapi kerana kecuaian responden membezakan makna kata kerja tersebut dengan kata kerja yang sepatutnya. Dalam hal ini, *kommen* dan *wohnen* jelas bukan tergolong dalam kata yang bersifat sinonim dan persamaan fitur makna yang biasanya ditandai dengan (+) juga tidak wujud sepertimana yang terdapat dalam kata yang bersinonim. Ini dapat dilihat dalam jadual (AKM) berikut yang menunjukkan perbezaan fitur-fitur.

Ciri-ciri pembeza	<i>wohnen</i>	<i>kommen</i>
tinggal / menetap	+	-
datang	-	+

Secara ringkas, walaupun ayat yang dihasilkan responden masih boleh diterima maknanya, namun dalam situasi ini ayat tersebut walau bagaimanapun tidak boleh diterima kerana maknanya tidak bertepatan dengan konteks yang dikehendaki. Dalam hal ini, KK *wohnen* yang digunakan sebelumnya perlu digantikan dengan padanan yang sesuai iaitu *kommen* bagi menghasilkan ayat yang lebih tepat iaitu *Woher kommen Sie?* (Where are you **from**?). Dalam pembentukan ayat tersebut, KK *kommen* tidak mengalami perubahan konjugasi kerana subjek yang digunakan merujuk kepada ganti nama orang kedua (tunggal) iaitu *Sie*.

Jadual 4.14: Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (14)

Maksud yang ingin disampaikan responden (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>What do you think?</i>	<i>Was seid ihr sagen?</i>	<i>sagen</i> (to say)	<i>finden</i> (to think / find)	Lampiran 14

Analisis ketepatan penggunaan KKN seterusnya ialah *sagen* yang menurut *Duden Bedeutungswörterbuch* (1985) membawa maksud *Wörter, Sätze als lautliche Äußerung* (words, sentences as phonetic utterance) yang lazimnya digunakan untuk menyampaikan maksud seperti *to say / tell*. Jika merujuk kepada ayat *Was seid ihr sagen?* (Jadual 4.14) atau pembentukan yang lebih tepat *Was habt ihr sagen?*, ayat tersebut pada dasarnya membawa maksud *what did you say?*. Walaupun maknanya masih jelas, namun oleh sebab penghasilan ayat tersebut masih tidak menepati konteks seperti yang diinginkan, maka KK *sagen* yang digunakan dalam ayat harus digantikan dengan padanan kata yang lebih tepat iaitu *finden*. Dalam hal ini, *finden* seperti yang dijelaskan dalam *Duden Bedeutungswörterbuch* (1985) ialah kata yang membaw maksud *zufällig oder durch Suchen entdecken* (discover by coincidental or by searching).

Dalam hal ini, meskipun *sagen* dan *finden* tergolong dalam kategori yang sama iaitu KKN, namun kedua-duanya bukanlah bersifat sinonim kerana makna dan konteks penggunaannya adalah berbeza. Ketidaktelitian responden dalam memilih kata kerja yang sesuai dilihat menjadi punca kepada berlakunya ketidaktepatan tersebut. Walaupun tidak besifat sinonim,

namun ciri bagi kedua-dua kata masih boleh diteliti dengan menggunakan fitur makna (+) dan (-) seperti yang dinyatakan di bawah.

Ciri-ciri pembeza	<i>sagen</i>	<i>finden</i>
menyatakan / memberitahu	+	-
memikirkan	-	+
menemui	-	+

Analisis Komponen Makna yang dilakukan menunjukkan bahawa kata kerja *sagen* dan *finden* boleh dianggap tergolong dalam komponen semantik dengan fitur makna yang sama iaitu [+berkait dengan hal]. Perkaitan makna yang berlaku antara kedua-dua kata tersebut walau bagaimanapun hanya dilihat sebagai fitur umum yang menyatakan ‘bagaimana’ [+berkait dengan hal] yang dimaksudkan itu berlaku iaitu sama ada ianya ‘diperkatakan’ atau ‘difikirkan’. Namun demikian, oleh kerana sifatnya yang bukan bersinonim, maka kedua-dua kata tersebut tidak boleh ditukar ganti dalam konteks kerana fitur maknanya jelas berbeza antara satu sama lain.

Justeru, dalam memastikan keberkesanan dalam penyampaian, maka pemilihan kata yang sesuai harus dibuat dengan lebih berhati-hati supaya mesej yang disampaikan dapat diterima dengan jelas. Dalam situasi ini, penggunaan kata kerja *sagen* dalam ayat *Was seid ihr sagen?* (what did you say) harus digantikan dengan KK yang lebih tepat iaitu *finden* bagi menghasilkan ayat yang lebih sesuai dengan konteks iaitu *Wie findet ihr?* (What do you think?). Dalam pembentukan tersebut, subjek yang digunakan adalah merujuk ganti nama orang kedua (jamak) *ihr* (you-all) dan apabila konjugasi dilakukan, akhiran *-en* bagi KK *finden* akan berubah kepada *-t* (*findet*).

Jadual 4.15: Analisis Ketepatan Kata Kerja Nalar (15)

Maksud yang ingin disampaikan responden (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>We took / have taken 20 minutes by car in city traffic</i>	<i>Wir brauchen im Stadtverkehr 20 Minuten mit dem Auto</i>	<i>brauchen</i> (to need)	<i>nehmen / genommen</i> (to take)	Lampiran 15

Ketepatan kata kerja seterusnya yang diteliti dalam pembentukan ayat ialah Kata Kerja Nalar (KKN) *brauchen*. Jika diperhatikan, ayat *Wir brauchen im Stadtverkehr 20 Minuten mit dem Auto* yang dihasilkan responden secara jelas menepati susunan kata, konjugasi dan makna dalam BJ. Secara literal, ayat tersebut membawa maksud *we need 20 minutes by car in city traffic*. Walaupun maknanya jelas dan dapat difahami, namun pembentukan tersebut dilihat masih tidak menepati konteks sebenar. Hal ini kerana, kata kerja yang digunakan yakni *brauchen* tidak sepadan maknanya dengan *took / have taken*. Dalam konteks penggunaan, *brauchen* menurut *Duden Bedeutungswörterbuch* (1985) ialah kata yang membawa maksud *to need*. Jika melihat kepada kesesuaian konteks, *genommen* didapati lebih sesuai dipadankan dengan maksud *took / have taken*. Dalam BJ, *genommen* tergolong dalam kategori kata kerja *Perfekt* (Perfect Tense) yang terbentuk daripada kata kerja *Präsens* (Present) *nehmen*.

Jika diperhatikan, perbezaan makna yang wujud antara ayat yang dihasilkan responden dengan konteks sebenar adalah disebabkan oleh padanan kata kerjanya yang tidak sesuai.

Untuk menghasilkan ayat yang menyamai konteks sebenar, kata kerja *brauchen* yang

digunakan harus digantikan dengan *genommen* untuk menghasilkan ayat yang lebih tepat maknanya iaitu *Wir haben im Stadtverkehr 20 Minuten mit dem Auto genommen* (We took / have taken 20 minutes by car in city traffic). Oleh kerana ayat tersebut menggunakan kata kerja *Perfekt* (Past Tense), maka pembentukannya adalah seperti yang dinyatakan dan setiap kata kerja yang digunakan akan berada pada kedudukan akhir frasa / ayat.

Jika dibandingkan makna bagi kedua-dua ayat (ayat responden dan konteks yang hendak disampaikan), kata kerja *brauchen* digunakan bagi menyatakan sesuatu maksud yang sudah diketahui atau telah ditetapkan yakni jangka masa yang diperlukan dengan menaiki kereta hanyalah 20 minit dan tidak lebih daripada itu. Namun berbeza dengan *nehmen*, jangka masanya tidak diketahui dan tidak ditetapkan iaitu mungkin dengan menaiki kereta masa yang diambil adalah 20 minit atau mungkin lebih daripada itu. Dalam hal ini, pemilihan kata yang sesuai dengan konteks amat penting bagi menjamin keberkesanan dalam penyampaian. Walaupun *brauchen* dan *nehmen* tidak bersifat sinonim, namun perbezaan ciri bagi kedua-dua kata tersebut masih boleh diperjelaskan menggunakan (AKM) berikut:

Ciri-ciri pembeza	<i>brauchen</i>	<i>nehmen</i>
memerlukan	+	-
mengambil	-	+
diketahui	-	+
tidak diketahui	+	-

Secara ringkas, analisis komponen yang dilakukan mendapati kata kerja *brauchen* dan *nehmen* tergolong dalam komponen semantik yang sama iaitu [+berkaitan masa]. Walaupun tidak tergolong dalam kata kerja yang bersinonim, namun dalam situasi tertentu,

penggunaan kedua-dua kata dilihat boleh bertukar ganti terutama dalam memperkatakan hal yang berkaitan dengan ‘masa’ iaitu dalam konteks menyatakan maksud ‘memerlukan / mengambil’ masa. Bagi ciri ‘memerlukan’, fitur maknanya adalah dikongsi bersama dengan ciri ‘tidak diketahui’ sementara bagi ciri ‘mengambil’ pula, perkongsian fiturnya adalah bersama ciri ‘diketahui’. Walaupun kedua-duanya dilihat boleh saling bertukar ganti mengikut kesesuaian konteks, namun hal sedemikian berbeza dalam situasi ini yang mendapati bahawa penggunaan KK *nehmen* secara jelas tidak boleh ditukar ganti dengan *brauchen* kerana perbezaan fitur maknanya yang jelas antara satu sama lain.

4.2. Analisis Ketepatan Penggunaan Kata Kerja Tidak Nalar (*Unregulare Verben*)

Dalam Pembentukan Ayat

Selain Kata Kerja Nalar (KKN), pengkaji turut meneliti ketepatan penggunaan Kata Kerja Tidak Nalar (KKTN) dalam pembentukan ayat bagi melihat sama ada kata kerja yang dipilih dan digunakan responden menepati makna konteks. Kesemua ayat yang dihasilkan adalah seperti yang dipaparkan dalam jadual-jadual berikut.

Jadual 4.16: Analisis Ketepatan Kata Kerja Tidak Nalar (1)

Maksud yang ingin disampaikan (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>I hope you can pick us up in the airport</i>	<i>Ich hoffe, Sie können uns nehmen in Airport</i>	<i>nehmen</i> (to take)	<i>abholen</i> (to pick up / fetch)	Lampiran 16

Jadual di atas menunjukkan analisis ketepatan penggunaan Kata Kerja Tidak Nalar (KKTN) *nehmen* yang maknanya dilihat tidak sepadan dengan kata dalam konteks sebenar. Walaupun secara umum pembentukan ayat *Ich hoffe, Sie können uns nehmen in Airport* tidak mengikut struktur yang betul, namun mesej yang cuba disampaikan masih dapat difahami. Secara literal, ayat yang dihasilkan membawa maksud *I hope you can take us in the airport*. Berdasarkan penelitian, pengkaji mendapati pemilihan KK *nehmen* yang dibuat adalah berdasarkan makna kata itu yang dianggap responden boleh digunakan dalam konteks makna ‘mengambil’ atau dalam erti kata lain ‘menjemput’. Contohnya dalam BM, ungkapan seperti “Boleh awak *ambil* saya esok di pejabat?” seringkali digunakan dalam perbualan dan ini sedikit sebanyak mempengaruhi responden untuk memilih KK *nehmen* dan menggunakannya dalam konteks ayat BJ.

Jika merujuk kepada konteks sebenar, kata kerja *to pick up* yang digunakan jelas merujuk kepada maksud menjemput dan bukannya mengambil seseorang. Dalam situasi ini, kata kerja yang lebih sesuai untuk dipadankan dengan maksud tersebut ialah *abholen*. Walaupun *nehmen* dan *abholen* bukan tergolong dalam kata yang bersinonim, namun makna kedua-duanya harus diteliti supaya penggunaannya tidak disalaherti sehingga boleh menimbulkan kekeliruan kepada orang yang mendengar atau menerima mesej tersebut. Berdasarkan takrifan, *nehmen* menurut *Hueber Wörterbuch* (2006) bermaksud *to take* atau *to charge* manakala *abholen* bermaksud *to pick up* atau *to collect*. Sama seperti analisis sebelumnya, walaupun *nehmen* dan *abholen* tidak dianggap bersinonim, namun kebarangkalian untuk berlakunya kesilapan memilih kata yang tepat adalah tinggi disebabkan kekeliruan penggunaannya yang mungkin dianggap responden boleh bertukar ganti di dalam konteks.

Justeru, dalam situasi ini perbezaan fitur makna yang wujud antara *nehmen* dan *abholen* harus diteliti agar penggunaannya menepati makna seperti yang diinginkan. Dengan menggunakan Jadual (AKM), ciri kedua-dua kata dapat dilihat dengan lebih jelas seperti yang dipaparkan dalam jadual di bawah.

Ciri-ciri pembeza	<i>nehmen</i>	<i>abholen</i>
mengambil	+	-
menjemput	-	+
membawa	+	-
mengumpul	-	+

Berdasarkan fitur-fitur kontrastif yang wujud, penggunaan KK *abholen* secara jelas tidak boleh digantikan dengan *nehmen* kerana ketidaktepatan maknanya dalam konteks tersebut. Bagi KK *nehmen*, fitur makna yang dikongsi bersama ialah bagi maksud [+mengambil, membawa] manakala *abholen* pula [+menjemput, mengumpul]. Daripadauraian tersebut, maka jelas menunjukkan bahawa KK *abholen* ialah padanan kata yang sesuai digunakan dalam menghasilkan ayat yang lebih tepat iaitu *Ich hoffe, Sie können uns am Flughafen abholen* (I hope you can **pick us up** in the airport). Dalam pembentukan tersebut, KKT *abholen* tidak dipisahkan awalan *ab-* dan infinitif *-holen* kerana dalam BJ pembentukan ayat yang menggunakan kata kerja modal / *modal verb* tidak perlu dipisahkan. Dalam ayat tersebut kata kerja modal yang digunakan ialah *können* (can).

Jadual 4.17: Analisis Ketepatan Kata Kerja Tidak Nalar (2)

Maksud yang ingin disampaikan (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>Where do we want to go for a holiday?</i>	<i>Wohin sehen wir für Tour?</i>	<i>sehen</i> (to see / watch)	<i>gehen</i> (to go)	Lampiran 17

Selain kata kerja yang memiliki makna yang sama / hampir sama, terdapat juga beberapa kata kerja yang maknanya dikesan tidak mempunyai kaitan langsung di dalam konteks. Ini seperti yang dapat dilihat dalam analisis ayat di atas yang menggunakan kata kerja *sehen* untuk dipadankan dengan maksud *to go*. Jika ditinjau dari sudut makna, pemilihan KK *sehen* dalam pembentukan ayat *Wohin **sehen** wir für Tour?* jelas memperlihatkan ketidaktepatan kata tersebut yang secara keseluruhan telah mengubah maksud asal bagi ayat *Where do we want to go for a holiday?* kepada maksud sebaliknya iaitu *Where do we see for a tour?*. Seperti yang telah dinyatakan dalam analisis sebelumnya (lihat Jadual 4.4), *sehen* menurut *Oxford Dictionary* (2006) ialah Kata Kerja Tidak Nalar (KKTN) yang membawa maksud *to see, to watch, to look* atau *to look after*.

Dalam situasi ini, pemilihan kata kerja yang dilihat lebih tepat untuk digunakan dalam konteks tersebut ialah Kata Kerja Nalar (KKN) *gehen*. Seperti yang diketahui, *sehen* dan *gehen* bukan tergolong dalam kata yang bersinonim kerana kedua-duanya mempunyai makna dan konteks penggunaan yang berbeza. Walaupun memiliki makna yang berbeza, namun pemilihan kedua-dua kata tersebut masih perlu diteliti kerana ketidaktepatan

penggunaannya boleh mengakibatkan berlakunya kekaburuan makna dalam penyampaian mesej. Daripada penelitian yang dibuat, pengkaji mendapati ketidaktepatan pemilihan kata yang berlaku adalah disebabkan oleh ketidaktelitian responden memilih kata yang sesuai dengan konteks pertanyaan iaitu ke mana hendak ‘pergi’ bagi aktiviti yang akan dilakukan (melancong) dan bukannya ke mana hendak ‘melihat’ yang jelas menyimpang maknanya. Dalam hal ini, kedua-dua kata adalah tergolong dalam komponen semantik yang memiliki fitur makna yang berbeza seperti yang dinyatakan dalam jadual (AKM) di bawah.

Ciri-ciri pembeza	<i>sehen</i>	<i>gehen</i>
melihat sesuatu	+	-
bergerak ke arah sesuatu	-	+

Secara ringkas, fitur kontrastif yang wujud secara tidak langsung menjelaskan bahawa kata kerja *sehen* dan *gehen* tidak boleh bertukar ganti antara satu sama lain disebabkan maknanya yang jelas berbeza. Justeru dalam situasi ini, KK *sehen* yang digunakan dalam ayat *Wohin sehen wir für Tour?* perlu digantikan dengan *gehen* untuk menghasilkan ayat yang lebih grammatis dan menepati konteks penyampaian seperti *Wohin möchten wir für einen Urlaub gehen?* (Where do we want **to go** for a holiday?). Sama seperti analisis sebelumnya (lihat Jadual 4.17), bagi pembentukan ayat yang menggunakan kata kerja modal / *modal verb*, kedudukan kata kerjanya sentiasa berada di kedudukan hujung ayat tanpa perlu dikonjugasi. Dalam ayat tersebut, kata kerja modal yang digunakan ialah *möchten* (to want).

Jadual 4.18: Analisis Ketepatan Kata Kerja Tidak Nalar (3)

Maksud yang ingin disampaikan (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>Can you tell me about the stadium?</i>	<i>Können Sie über das Stadion sprechen?</i>	<i>sprechen</i> (to speak)	<i>erzählen</i> (to tell)	Lampiran 18

Dalam pembentukan ayat di atas, ketepatan penggunaan kata kerja yang dianalisis ialah Kata Kerja Tidak Nalar (KKTN) *sprechen*. Dalam pembentukan ayat *Können Sie über das Stadion sprechen?*, pengkaji mendapati ayat tersebut menepati struktur ayat BJ walaupun makna yang terhasil tidak seratus-peratus menepati maksud seperti yang diinginkan dalam konteks sebenar. Jika ditinjau dari sudut makna, pemilihan kata kerja *sprechen* dilihat telah menyebabkan berlakunya perubahan maksud daripada penyampaian sebenar *Can you tell me about the stadium?* kepada maksud sebaliknya *Can you talk about the stadium?*. Dalam situasi ini, perbezaan makna yang berlaku adalah disebabkan oleh pemilihan kata kerja *sprechen* yang tidak tepat dan tidak bersesuaian dengan konteks penyampaian sebenar. Dalam sesebuah konteks, *sprechen* menurut *Hueber Wörterbuch* (2006) lazimnya digunakan untuk menunjukkan perbuatan yang dilakukan iaitu bercakap atau *to speak / to talk*. Jika merujuk kepada konteks penyampaian sebenar (Jadual 4.18), penggunaan kata kerja *to tell* seperti yang terdapat dalam ayat lebih sesuai dipadankan dengan kata kerja *erzählen*. Jika *sprechen* tergolong dalam kategori KKTN, *erzählen* pula sebaliknya iaitu Kata Kerja Nalar (KKN). Menurut *Hueber Wörterbuch* (2006), *erzählen* ialah perbuatan bercakap / *to tell* dalam erti kata yang lebih khusus misalnya untuk tujuan ‘memberitahu

atau menjelaskan sesuatu kepada seseorang'. Dalam situasi ini, walaupun *sprechen* dan *erzählen* mempunyai ciri-ciri makna yang hampir sama kerana melibatkan perbuatan yang serupa iaitu mengujar atau menuturkan sesuatu , namun kedua-dua kata kerja tersebut harus diteliti kesesuaian maknanya terlebih dahulu bagi mengelakkan terjadinya ketidakjelasan dalam penyampaian mesej. Justeru, dalam menentukan pemilihan kata yang lebih sesuai, maka ciri-ciri persamaan dan perbezaan kedua-dua kata perlu dijelaskan dengan menggunakan (AKM) seperti di bawah.

Ciri-ciri pembeza	<i>sprechen</i>	<i>erzählen</i>
mengeluarkan kata-kata	+	+
bercakap / berbual	+	-
memberitahu / menjelaskan	-	+

Merujuk ciri-ciri persamaan dan perbezaan yang dinyatakan, kata kerja *sprechen* dan *erzählen* jelas tergolong dalam komponen semantik bersama iaitu [+mengeluarkan kata-kata]. Walaupun kata-kata tersebut tergolong dalam kata yang bersinonim, namun penelitian yang dibuat dari sudut apakah tujuan kata-kata itu dikeluarkan' mendapat masih terdapat perbezaan yang boleh dilihat antara kedua-dua kata tersebut yang secara jelas memerlukan responden meneliti terlebih dahulu kesesuaianya sebelum digunakan dalam konteks. Berdasarkan fitur kontrastif (+) dan (-), perbezaan yang dilihat ialah dari aspek 'tujuan' iaitu *sprechen* untuk menunjukkan percakapan / perbualan antara dua pihak manakala *erzählen* hanya melibatkan percakapan dari satu pihak kepada pihak lain yang mendengar untuk tujuan menjelaskan sesuatu dengan lebih mendalam. Daripadauraian tersebut, maka penggunaan KK *erzählen* secara jelas tidak boleh ditukar ganti dengan *sprechen* kerana dalam konteks penyampaian sebenar, mesej yang ingin disampaikan lebih

menjurus kepada maksud bercakap untuk tujuan ‘memberitahu / menjelaskan’. Justeru, dalam pembentukan ayat sebelumnya iaitu *Können Sie über das Stadion sprechen?* (Can you **speak** about the stadium?) penggunaan KK *sprechen* perlu digantikan dengan *erzählen* bagi memastikan padanan kata yang dibuat lebih tepat selain menepati maksud seperti dalam ayat berikut, *Können Sie mir über das Stadion erzählen?* (Can you **tell** me about the stadium?). Dalam pembentukan tersebut, kata kerja *erzählen* tidak mengalami perubahan konjugasi kerana ayat yang dihasilkan menggunakan kata kerja modal / *modalverb* iaitu *können* (can).

Jadual 4.19: Analisis Ketepatan Kata Kerja Tidak Nalar (4)

Maksud yang ingin disampaikan (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>We meet in half an hour</i>	<i>Wir sehen uns in einer halben Stunde</i>	<i>sehen</i> (to see)	<i>treffen</i> (to meet)	Lampiran 19

Jadual 4.19 menunjukkan pembentukan ayat yang menggunakan kata kerja *sehen* yang maknanya didapati tidak sepadan dengan makna kata yang sepatutnya. Secara umum, ayat *Wir sehen uns in einer halben Stunde* yang dihasilkan responden dilihat masih menepati susunan kata, konjugasi dan makna dalam BJ. Jika diterjemahkan, ayat tersebut secara literal membawa maksud *We'll see you in half an hour*. Walaupun pembentukannya tidak menyalahi makna, namun berdasarkan konteks sebenar (BI), kata kerja *sehen* yang digunakan walau bagaimanapun bukanlah padanan yang tepat bagi maksud *to meet* kerana

kata yang lebih sesuai ialah *treffen*. Berdasarkan takrifan, *treffen* menurut *Hueber Wörterbuch* (2006) membawa pelbagai pengertian seperti *meet*, *hurt* (feelings) atau *affect*. Seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 4.19, pemilihan kata kerja *sehen* jelas tidak sesuai dijadikan padanan untuk maksud *to meet* kerana *sehen* seperti yang telah diuraikan dalam analisis sebelumnya (Jadual 4.17) lebih menjurus kepada maksud *to see* atau *to look*. Dalam situasi ini, KK *sehen* dipilih kerana responden menganggap bahawa kata tersebut boleh digunakan dan membawa maksud yang sama seperti dalam konteks ayat BI, *We will see / meet at 10 O'clock* (Kita **jumpa** pada pukul 10). Dalam BI, mana-mana kata kerja *to see* / *meet* boleh digunakan untuk tujuan maksud yang sama iaitu ‘berjumpa’, namun dalam konteks ayat BJ *to meet* seperti yang dinyatakan dalam konteks ayat BI (Jadual 4.19) hanya mempunyai satu padanan kata sahaja iaitu *treffen* dan ianya tidak boleh ditukar ganti dengan kata kerja *sehen*. Dalam hal ini, ketidaktepatan dalam memilih KK *sehen* dilihat terjadi disebabkan oleh kekeliruan responden terhadap kesesuaian makna kata kerja tersebut dalam konteks yang hendak disampaikan. Jika dalam BI *to see* dan *to meet* boleh dikategorikan sebagai kata yang bersinonim, namun situasi ini berbeza bagi padanan kata-kata kerja *sehen* (to see) dan *treffen* (to meet) yang jelas bukan tergolong dalam kata yang bersinonim. Untuk memperlihatkan dengan lebih jelas perbezaan di antara KK *sehen* dan *treffen*, maka pengkaji turut menggunakan jadual (AKM) untuk membezakan fitur-fitur yang wujud di antara kedua-duanya.

Ciri-ciri pembeza	<i>sehen</i>	<i>treffen</i>
melihat	+	-
berjumpa	-	+

Berdasarkan fitur-fitur yang dinyatakan, maka di sini jelas menunjukkan bahawa Kerja Tidak Nalar (KKTN) *sehen* yang digunakan dalam ayat *Wir sehen uns in einer halben Stunde* tidak sesuai kerana kata tersebut lebih menjurus kepada maksud melihat dan bukannya berjumpa . Dalam hal ini, penggunaan KK *sehen* harus digantikan dengan padanan kata yang lebih sesuai yakni *treffen* supaya ayat yang dihasilkan bertepatan dengan konteks sebenar iaitu *Wir treffen uns in einer halben Stunde* (We **meet** in half an hour). Dalam pembentukan ayat tersebut, KKTN *treffen* tidak berubah konjugasinya kerana subjek yang digunakan merujuk ganti nama orang pertama (jamak) iaitu *Wir* (we).

Jadual 4.20: Analisis Ketepatan Kata Kerja Tidak Nalar (5)

Maksud yang ingin disampaikan responden (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>We want to rest</i>	<i>Wir wollen zu brechen</i>	<i>brechen</i> (to break)	<i>ausruhen</i> (to rest)	Lampiran 20

Dalam konteks penyampaian *We want to rest*, ketepatan kata kerja yang dilihat dalam ayat tersebut ialah Kata Kerja Tidak Nalar (KKTN) *brechen* yang telah dipilih responden untuk dijadikan padanan bagi maksud *to rest*. Secara umum, padanan kata tersebut dilihat tidak bersesuaian kerana *brechen* seperti yang dijelaskan dalam *Langenscheidt's Dictionary* (1993) ialah kata yang membawa maksud *break* (break with / waves; be refracted), *violate* (contract or law) dan *fracture*. Jika melihat kepada pembentukan ayat *Wir wollen zu brechen*, umumnya tidak ada kesalahan konjugasi yang dilakukan. Namun begitu, jika

diteliti dari sudut makna, penggunaan kata kerja tersebut walau bagaimanapun tidak sesuai kerana telah menghasilkan makna sebaliknya iaitu *We want to break* yang jelas bertentangan dengan konteks sebenar. Dalam BI, *break* yang dinyatakan lebih menjurus kepada maksud (i) menjelaskan perbuatan ‘mematahkan’ atau (ii) berfungsi sebagai kata nama iaitu ‘waktu rehat’. Dalam situasi ini, penelitian yang lebih mendalam ke atas kata kerja *brechen* harus dibuat dengan lebih berhati-hati supaya makna yang terhasil tidak mengelirukan orang yang mendengar atau menerima mesej tersebut. Untuk memilih kata yang lebih tepat, maka Kata Kerja Terpisah (KKT) *ausruhen* dilihat lebih sesuai digunakan kerana menurut *Hueber Wörterbuch* (2006) *ausruhen* bermaksud *have / give a rest*. Jika diperhatikan, responden secara jelas telah memilih *brechen* tanpa meneliti terlebih dahulu kesesuaianya dalam konteks dan menyalah tafsir maknanya dengan menganggap kata tersebut mempunyai persamaan maksud dengan *to break* (rehat) atau dalam BJ disebut sebagai *Pause*.

Daripada penelitian pengkaji, ketidaktepatan pemilihan kata berlaku bukanlah disebabkan oleh persamaan makna antara *brechen* dan *ausruhen*, tetapi kerana ketidaktelitian responden memilih kata yang betul-betul sesuai untuk digunakan dalam konteks. Dalam hal ini, walaupun *brechen* dan *ausruhen* bukan kata yang bersinonim, namun penjelasan ciri kedua-dua kata harus dibuat dengan menggunakan jadual (AKM) bagi memudahkan pemilihan kata dilakukan.

Ciri-ciri pembeza	<i>brechen</i>	<i>ausruhen</i>
mematahkan	+	-
berehat	-	+

Oleh kerana *brechen* dan *ausruhen* bukan kata yang bersinonim, maka kedua-duanya tidak boleh saling bertukar ganti dalam ayat. Justeru, dalam situasi ini penggunaan KK *brechen* harus digantikan dengan *ausruhen* untuk menghasilkan ayat yang lebih tepat iaitu *Wir möchten ausruhen* (We want to rest). Dalam ayat tersebut, Kata Kerja Terpisah (KKT) *ausruhen* tidak dipisahkan kerana pembentukan tersebut menggunakan kata kerja modal (*möchten / to want*) yang tidak akan ada perubahan konjugasi kata kerja apabila digunakan dalam ayat.

4.3 Analisis Ketepatan Penggunaan Kata Kerja Terpisah (*Trennbare Verben*) Dalam Pembentukan Ayat

Selain Kata Kerja Nalar (KKN) dan Kata Kerja Tidak Nalar (KKTN), penelitian turut dilakukan ke atas ketepatan penggunaan Kata Kerja Terpisah (KKT) dalam pembentukan ayat-ayat seperti yang dipaparkan dalam jadual di bawah.

Jadual 4.21: Analisis Ketepatan Kata Kerja Terpisah (1)

Maksud yang ingin disampaikan (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>Ok, first we walk straight on this street</i>	<i>Ok, ersten gehen wir gerade diese Weg-Straße spazieren</i>	<i>spazieren gehen</i> (to go for a walk)	<i>gehen</i> (to walk)	Lampiran 21

Jadual di atas menunjukkan analisis ketepatan kata kerja *spazieren gehen* yang digunakan responden dalam pembentukan ayat seperti yang dinyatakan. Jika diperhatikan, ayat *Ok,*

ersten gehen wir gerade diese Weg-Straße spazieren umumnya tidak grammatis serta menyimpang daripada maksud iaitu *Ok, first we go just this way-street for a walk*. Dalam pembentukan tersebut, selain susunan katanya yang tidak menepati struktur, ketidakjelasan maksud dalam penyampaian juga berlaku disebabkan pemilihan Kata Kerja Terpisah (KKT) *spazieren gehen* yang tidak berpadanan dengan makna kata dalam konteks sebenar. Dari sudut makna, *spazieren gehen* menurut *Hueber Wörterbuch* (2006) membawa maksud *go for a walk / stroll*. Pengertian yang sama turut dijelaskan oleh *Bedeutungswörterbuch* (1985) yang mengatakan bahawa *spazieren gehen* ialah KK yang digunakan untuk menyampaikan maksud-maksud seperti *einen Spaziergang machen* (take a walk / go for a walk), *flanieren* (stroll), *sich zu seiner Erholung im Freien bewegen* (move to its outdoor recreation) atau *frische Luft schnappen gehen* (go for get some fresh air).

Jika merujuk kepada dialog (lihat Lampiran 18), penggunaan KKT *spazieren gehen* didapati kurang tepat kerana terdapat kata kerja lain yang lebih sesuai untuk dipadankan dengan maksud *to walk* iaitu *gehen*. Dalam hal ini, responden walau bagaimanapun dilihat masih belum dapat membuat pemilihan kata kerja yang tepat untuk dipadankan dengan maksud *to walk* atau *to go for a walk*. Walaupun *gehen* dan *spazieren gehen* tergolong dalam kata yang mempunyai makna yang hampir sama iaitu dari sudut ‘perbuatan yang dilakukan’, namun dalam situasi tertentu kedua-dua kata tersebut masih mempunyai perbezaan dan penggunaannya juga amat bergantung kepada kesesuaian konteks. Jika melihat kepada pembentukan ayat oleh responden (Jadual 4.21), penggunaan KKT *spazieren gehen* jelas tidak sepadan dengan makna kata yang sepatutnya iaitu *to walk*. Dalam situasi ini, makna kedua-dua KK *gehen* dan *spazieren gehen* harus diteliti dari

pelbagai sudut kerana ketidaktepatan penggunaan kata-kata tersebut boleh menjelaskan penyampaian mesej. Justeru, dalam menentukan kata kerja manakah yang lebih sesuai digunakan, maka penelitian ke atas kedua-dua kata harus dibuat dengan cara merujuk kamus bagi mendapatkan makna yang lebih tepat. Berdasarkan *Bedeutungswörterbuch* (1985), *gehen* digunakan untuk menyampaikan maksud *sich in aufrechter Haltung auf den Füßen fortbewegen* (move in an upright position on the feet), *eine bestimmte Strecke zu Fuß zurücklegen* (go a certain distance on foot) atau *sich (zu einem bestimmten Zweck) an einen Ort begeben* (go (for a particular purpose) to a place) manakala *spazieren gehen* ialah *einen Bummel machen* (take a stroll), *ein paar Schritte gehen* (walk a few steps) atau *lustwandeln* (stroll around).

Daripada penjelasan tersebut, maka KKT *spazieren gehen* secara jelas tidak sesuai digunakan dan perlu digantikan dengan KKN *gehen*. Hal ini kerana, *spazieren gehen* lebih menjurus kepada maksud yang terlalu umum iaitu ‘berjalan tanpa tujuan’ yakni sekadar untuk bersiar-siar berbanding dengan *gehen* yang lebih menjurus kepada maksud ‘berjalan dengan tujuan’ seperti mencari sesuatu tempat atau arah. Jika merujuk keseluruhan dialog (lihat Lampiran 21), berjalan yang dimaksudkan bukanlah untuk bersiar-siar tetapi untuk pergi ke sesuatu tempat mengikut arah yang ditunjukkan. Bagi menjelaskan situasi tersebut, analisis komponen digunakan untuk memperjelaskan perbezaan ciri di antara *spazieren*, *gehen* dan *gehen*.

Ciri-ciri pembeza	<i>spazieren gehen</i>	<i>gehen</i>
berjalan	+	+
dengan tujuan	-	+

Berdasarkan ciri-ciri perbezaan yang dinyatakan, *spazieren gehen* dan *gehen* tergolong dalam komponen semantik dengan fitur makna yang sama iaitu [+berjalan]. Namun begitu, fitur pembeza iaitu komponen kontrastif yang wujud sedikit sebanyak telah menyebabkan kedua-dua kata tidak boleh saling bertukar ganti dalam konteks. Dalam hal ini, penggunaan KKT *spazieren gehen* seperti yang terdapat dalam ayat *Ok, ersten gehen wir gerade diese Weg-Straße spazieren* harus digantikan dengan KKN *gehen* supaya maknanya menjadi lebih tepat iaitu *Ok, zuerst gehen wir geradeaus auf dieser Straße* (Ok, first we **go** straight on this street).

Jadual 4.22: Analisis Ketepatan Kata Kerja Terpisah (2)

Maksud yang ingin disampaikan (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>It is nice if you can join us</i>	<i>Es ist schon dass Sie auch mitkommen</i>	<i>mitkommen</i> (come along)	<i>beitreten</i> (to join)	Lampiran 22

Selain *spazieren gehen*, Kata Kerja Terpisah (KKT) lain yang turut dianalisis ketepatannya dalam konteks penggunaan ialah *mitkommen*. Seperti yang diketahui, penggunaan kata kerja *mitkommen* seperti yang terdapat dalam ayat (Jadual 4.19) juga tergolong dalam kategori KKT kerana bentuknya yang terdiri daripada gabungan awalan *mit-* dan juga infinitif *-kommen*. Dari sudut makna, *mitkommen* menurut *Hueber Wörterbuch*, (2006) membawa maksud *come along* atau *be able to follow*. Jika dilihat kepada pembentukan ayat yang dihasilkan responden iaitu *Es ist schon dass Sie auch mitkommen*, secara umum ayat

tersebut membawa maksud *It's nice that you come along too*. Walaupun penggunaan kata kerja tersebut tidak sesuai dan maksud penyampaianya juga tidak begitu jelas, namun dengan merujuk konteks sebenar, pengkaji sedikit-sebanyak dapat memahami maksud yang cuba disampaikan oleh responden. Dalam situasi ini, KK *mitkommen* didapati tidak sesuai digunakan dan harus digantikan dengan padanan kata yang lebih tepat iaitu *beitreten* bagi menyatakan maksud *to join* seperti yang dikehendaki dalam konteks asal *It is nice if you can join*. Walaupun *mitkommen* dan *beitreten* tergolong dalam kumpulan KKT, namun kedua-duanya bukanlah bersifat sinonim. Hal ini kerana, *beitreten* berdasarkan takrifan Hueber *Wörterbuch* (2006) ialah kata yang membawa maksud *to join* (to become a member) atau *enter into*. Misalnya *Ich möchte einem Sportverein beitreten* (I want to **join** an athletic club). Secara ringkasnya, perbezaan di antara kedua-dua kata dapat diperjelaskan dengan menggunakan Analisis Komponen Makna seperti di bawah.

Ciri-ciri pembeza	<i>mitkommen</i>	<i>beitreten</i>
datang bersama-sama	+	-
menyertai	-	+

Berdasarkan ciri makna yang dinyatakan, *mitkommen* dan *beitreten* diletakkan dalam komponen semantik dengan fitur yang hampir sama iaitu [+mengikuti] namun dalam konteks yang berbeza iaitu sama ada ‘ikut serta untuk datang bersama-sama ke sesuatu majlis’ atau ‘ikut serta dalam menghadiri program yang dianjurkan’. Berdasarkan perbezaan konteks tersebut, maka di sini jelas menunjukkan bahawa kata yang sepatutnya digunakan bagi menggantikan KK *mitkommen* ialah *beitreten* kerana maknanya lebih menepati konteks sebenar iaitu *Es ist schön, wenn Sie sich uns beitreten können* (It is nice if you can **join** us).

Jadual 4.23: Analisis Ketepatan Kata Kerja Terpisah (3)

Maksud yang ingin disampaikan (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>Can we see the place?</i>	<i>Können wir aussehen das Platz?</i>	<i>aussehen</i> (look / look like)	<i>sehen</i> (see / look)	Lampiran 23

Jika dalam analisis sebelumnya (Jadual 4.22), kata kerja yang digunakan responden dengan padanan kata yang sepatutnya melibatkan Kata Kerja Terpisah, namun dalam analisis ini ketidaktepatan kata yang berlaku adalah melibatkan kategori yang berlainan iaitu Kata Kerja Terpisah (KKT) dan Kata Kerja Tidak Nalar (KKTN). Secara umum, ayat *Können wir aussehen das Platz?* yang dihasilkan dilihat tidak mengikuti struktur yang betul selain pemilihan kata kerjanya juga tidak bersesuaian dengan maksud *to see* seperti yang dinyatakan dalam konteks sebenar. Merujuk kepada *Hueber Wörterbuch* (2006), *aussehen* yang juga kata yang tergolong dalam kategori KKT membawa maksud *to look* atau *look like*. Berdasarkan penelitian, ayat *Können wir aussehen das Platz?* yang dihasilkan responden secara literalnya membawa maksud *Can we look the place?*.

Walaupun *to look* yang dimaksudkan mempunyai persamaan makna dengan *to see*, namun dalam konteks tersebut, KK *aussehen* yang digunakan lebih menjurus kepada maksud ‘melihat kepada penampilan fizikal’ (to look in the sense of having a physical appearance). Misalnya *Er sieht gut / krank aus* (He looks good / ill) atau *Sie sieht genauso aus wie ihr Vater* (She looks just like her father). Dalam situasi ini, KKT *aussehen* jelas tidak sesuai

digunakan dan perlu digantikan dengan padanan kata yang lebih tepat iaitu *sehen*. Berbeza dengan *aussehen*, KK *sehen* tergolong dalam kategori KKTN yang membawa maksud *to see*, *to look* atau *to watch* (lihat analisis dalam Jadual 4.4). Untuk meneliti perbezaan *aussehen* dan *sehen*, maka jadual (AKM) digunakan bagi memperlihatkan fitur-fitur yang terdapat pada kedua-dua kata.

Ciri-ciri pembeza	<i>aussehen</i>	<i>sehen</i>
objek	-	+
penampilan	+	-

Jika diperhatikan, walaupun *aussehen* dan *sehen* tidak tergolong dalam kata yang bersinonim, namun kedua-duanya masih boleh diletakkan dalam komponen semantik yang hampir sama dengan fitur makna [+melihat] yakni perbuatan melihat sesuatu ‘objek’ atau melihat dari sudut ‘penampilan’ seseorang. Berdasarkan penelitian pengkaji, ketidaktepatan kata kerja yang berlaku adalah disebabkan oleh kekeliruan yang dihadapi responden dalam membezakan makna kedua-dua kata kerja tersebut. Ini kerana, dengan wujudnya awalan kata *aus-* di hadapan infinitif *sehen*, maka secara tidak langsung telah menyebabkan berlakunya perubahan makna walaupun kedua-dua kata terdiri daripada infinitif yang sama. Dalam memastikan penghasilan ayat yang memenuhi konteks makna sebenar, maka penggunaan KK *aussehen* perlu digantikan dengan padanan kata yang lebih sesuai yakni *sehen* bagi menghasilkan ayat yang lebih tepat maknanya iaitu *Können wir den Platz sehen?* (Can we see / look the place?).

Jadual 4.24: Analisis Ketepatan Kata Kerja Terpisah (4)

Maksud yang ingin disampaikan (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>You can call me Fazil</i>	<i>Sie können mich anrufen Fazil</i>	<i>anrufen</i> (to call)	<i>nennen</i> (to call)	Lampiran 24

Dalam Jadual 4.24, ketepatan penggunaan Kata Kerja Terpisah (KKT) yang turut dianalisis dalam pembentukan ayat ialah *anrufen*. Jika diperhatikan, *anrufen* yang pada dasarnya membawa maksud *to call* (menghubungi / membuat panggilan telefon kepada seseorang) telah disalahafsirkan maknanya oleh responden. Ini kerana, *to call* yang dimaksudkan dalam konteks sebenar ialah ‘menyapa / memanggil nama seseorang’. Berdasarkan takrifan, *anrufen* menurut *Hueber Wörterbuch* (2006) ialah kata yang membawa maksud *to call / phone / ring*. Ini bermakna, *anrufen* bukanlah padanan kata yang tepat bagi maksud *to call* seperti yang dikehendaki kerana kata yang dilihat lebih sesuai iaitu *nennen*.

Walaupun *anrufen* dan *nennen* mempunyai makna yang hampir sama, namun dalam konteks penggunaan, *nennen* menurut *Oxford* (2006) ialah Kata Kerja Nalar (KKN) yang membawa maksud *to call oneself* manakala *Hueber Wörterbuch*, (2006) mentakrifkannya sebagai *to name / call* atau *to give the name of*. Untuk membezakan penggunaan kedua-dua kata kerja tersebut, maka pemilihan perlu dibuat dengan lebih teliti supaya kata yang dipilih tidak menyimpang daripada maksud yang boleh menjelaskan penyampaian mesej. Secara ringkas, perbezaan ciri bagi kedua-dua kata boleh dilihat dengan lebih jelas menggunakan jadual (AKM) berikut:

Ciri-ciri pembeza	<i>anrufen</i>	<i>nennen</i>
memanggil	+	+
menyapa	-	+
menelefon	+	-

Analisis Komponen Makna di atas memperlihatkan ciri-ciri antara kata kerja *anrufen* dan *nennen* yang berkongsikan fitur makna yang sama iaitu [+memanggil]. Namun begitu, dengan kewujudan fitur pembeza iaitu komponen kontrastif (+) dan (-), kedua-dua kata yang bersinonim ini walau bagaimanapun tidak dapat menggantikan satu sama lain dalam konteks linguistiknya. Hal ini menunjukkan bahawa makna *anrufen* umumnya tidak boleh diterima dalam konteks tersebut dan perlu digantikan dengan padanan kata lain yang lebih tepat. Dalam situasi ini, kata kerja yang didapati lebih sesuai ialah *nennen* seperti dalam ayat berikut, *Sie können mich Fazil nennen* (*you can call me Fazil*). Berdasarkan konjugasi, KKN *nennen* tidak mengalami sebarang perubahan pada akhiran kata akarnya kerana pembentukan tersebut secara keseluruhannya menggunakan kata kerja modal *können* (can).

Jadual 4.25: Analisis Ketepatan Kata Kerja Terpisah (5)

Maksud yang ingin disampaikan (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>Let's take you there</i>	<i>Lasst uns euch dorthin mitbringen</i>	<i>mitbringen</i> (to bring along)	<i>bringen</i> (to bring)	Lampiran 25

Dalam pembentukan ayat di atas, ketepatan penggunaan Kata Kerja Terpisah (KKT) yang diteliti ialah *mitbringen*. Menurut *Langenscheidt's Dictionary* (1993), *mitbringen* ialah kata yang terbentuk daripada gabungan awalan kata *mit-* (with / by) dengan *bringen* (to bring) yang membawa maksud *to bring with / along* atau dalam erti kata lain membawa seseorang atau sesuatu benda bersama-sama . Dalam konteks yang lebih tepat, kata yang lebih sesuai untuk dipadankan dengan maksud *to take* ialah *bringen*. Seperti dalam analisis 3 (lihat Jadual 4.23), walaupun *mitbringen* dan *bringen* terdiri daripada infinitif yang sama (*bringen*), namun disebabkan adanya penambahan awalan kata *mit-*, secara tidak langsung *bringen* yang membawa maksud ‘membawa’ telah berubah kepada maksud sebaliknya iaitu ‘membawa bersama’.

Daripada pembentukan ayat *Lasst uns euch dorthin mitbringen*, pengkaji mendapati keseluruhan ayat yang dihasilkan tidak menepati konteks kerana maknanya bertentangan dengan konteks sebenar iaitu *Let us bring you along*. Jika merujuk kepada dialog (lihat Lampiran 25), mesej yang cuba disampaikan lebih menjurus kepada maksud *bringen* (take / bring someone somewhere) dan bukannya *mitbringen* (bring someone along). Dalam BJ, *bringen* dan *mitbringen* adalah tergolong dalam kata yang bersinonim kerana berkongsikan fitur makna yang sama iaitu [+membawa]. Dalam situasi tertentu, pemilihan kedua-dua kata harus dilakukan dengan lebih berhati-hati kerana kesilapan dalam memilih kata yang tidak sesuai akan menyebabkan penyampaian mesej menjadi tidak jelas dan sukar difahami. Dalam situasi ini, ciri-ciri makna bagi kedua-dua kata dapat dilihat dengan lebih jelas menggunakan jadual (AKM).

Ciri-ciri pembeza	<i>mitbringen</i>	<i>bringen</i>
membawa	+	+
bersama-sama	+	-

Dalam sesebuah konteks, penggunaan KK *mitbringen* dan *bringen* boleh saling bertukar ganti kerana masing-masing membawa maksud yang sama iaitu ‘membawa’. Namun, untuk mencari kata yang lebih tepat, pengkaji mendapati KK *bringen* lebih sesuai digunakan kerana maknanya lebih hampir dengan konteks yang ingin disampaikan. Justeru, dalam situasi ini penggunaan KK *mitbringen* perlu digantikan dengan *bringen* supaya ayat yang terhasil lebih menepati maksud seperti yang dikehendaki iaitu *Lassen wir euch dort bringen* (Let us **take** you there).

Jadual 4.26: Analisis Ketepatan Kata Kerja Terpisah (6)

Maksud yang ingin disampaikan (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>Hi. Can we move on now?</i>	<i>Hello. Können wir jetzt losgehen?</i>	<i>Losgehen</i> (to start)	<i>Weitergehen</i> (to move on)	Lampiran 26

Jadual di atas menunjukkan pembentukan ayat yang menggunakan Kata Kerja Terpisah (KKT) *losgehen* yang maknanya juga didapati tidak sepadan dengan makna kata yang sepatutnya. Dalam ayat *Hello. Können wir jetzt losgehen?*, pengkaji mendapati KK *losgehen* yang digunakan telah menghasilkan makna sebaliknya iaitu *Hello. Can we start*

now?. Dalam konteks penyampaian sebenar, pemilihan KK *losgehen* dilihat tidak sesuai untuk dipadankan dengan maksud *move on* kerana *losgehen* menurut *Hueber Wörterbuch* (2006) dan *Langenscheidt's dictionary* (1993) membawa maksud *to start / begin* atau *go off*. Jika ditinjau dari sudut makna, KK *weitergehen* didapati lebih sesuai kerana kata tersebut lebih menepati maksud *to move on* seperti yang dinyatakan dalam *Hueber Wörterbuch* (2006) yang mendefinisikan *weitergehen* sebagai *to carry on / go on / move on* atau *to continue*. Walaupun pada dasarnya *losgehen* dan *weitergehen* terdiri daripada infinitif yang sama (*gehen*), namun disebabkan awalan kata kedua-duanya berbeza, maka kata-kata tersebut secara tidak langsung turut menghasilkan makna yang berbeza dalam konteks penggunaan. Secara ringkas, ciri bagi kedua-dua kata akan dapat dilihat dengan lebih jelas menggunakan jadual (AKM) berikut.

Ciri-ciri pembenza	<i>losgehen</i>	<i>weitergehen</i>
memulakan sesuatu	+	-
meneruskan sesuatu	-	+

Analisis Komponen Makna di atas memperlihatkan dengan jelas perbezaan di antara KKT *losgehen* dan *weitergehen* dalam konteks penggunaan. Secara keseluruhan, fitur makna (+) dan (-) yang terhasil menunjukkan bahawa *losgehen* dan *weitergehen* bukan tergolong dalam kata yang bersinonim dan penggunaannya juga tidak boleh bertukar ganti dalam konteks kerana maknanya yang jelas berbeza antara satu sama lain. Dalam konteks penyampaian sebenar, KK *losgehen* yang dipilih oleh responden sememangnya tidak sesuai digunakan dalam ayat *Hello. Can we move on now?* kerana kata tersebut tidak sepadan dengan maksud *move on* seperti yang dinyatakan. Justeru, dalam situasi ini pengkaji mendapati KK yang lebih sesuai digunakan ialah *weitergehen* dan pembentukan ayat yang

lebih tepat ialah *Hello. Können wir jetzt weitergehen?*. Dalam pembentukan tersebut, awalan kata *weiter-* dan infinitif *gehen* tidak dipisahkan kerana ayat yang dihasilkan menggunakan kata kerja modal *können* (can).

4.4 Analisis Ketepatan Penggunaan Kata Kerja Tidak Terpisah (*Untrennbare Verben*)

Dalam Pembentukan Ayat

Selain Kata Kerja Terpisah (KKT), ketepatan penggunaan Kata Kerja Tidak Terpisah (KKTT) turut dianalisis dalam pembentukan ayat seperti yang terdapat dalam jadual di bawah.

Jadual 4.27: Analisis Ketepatan Kata Kerja Tidak Terpisah

Maksud yang ingin disampaikan (BI)	Pembentukan ayat oleh responden (BJ)	Kata kerja yang digunakan (kata akar)	Kata kerja yang sepatutnya digunakan (kata akar)	Rujukan Ayat
<i>We have arrived in Shah Alam</i>	<i>Wir haben in Shah Alam bekommen</i>	<i>bekommen</i> (to get)	<i>ankommen</i> (to arrive)	Lampiran 27

Berikut adalah analisis ketepatan penggunaan kata kerja *bekommen* dalam pembentukan ayat seperti yang dinyatakan dalam Jadual di atas. Berdasarkan takrifan *Hueber Wörterbuch* (2006) dan *Langenscheidt's Dictionary* (1993), *bekommen* ialah Kata Kerja Tidak Terpisah (KKTT) membawa pelbagai maksud seperti *to get* (hungry / thirsty), *to have* (a child) atau *would like*. Jika merujuk kepada konteks penyampaian sebenar, KK *to arrive* seperti yang terdapat dalam ayat *We have arrived in Shah Alam* umumnya adalah

untuk menjelaskan maksud sampai / tiba' di sesuatu tempat. Dalam BJ, kata kerja yang lebih sesuai untuk dipadankan dengan maksud tersebut ialah Kata Kerja Terpisah (KKT) *ankommen* kerana maknanya lebih tepat iaitu *to arrive*. Jika dilihat kepada pembentukan ayat *Wir haben in Shah Alam bekommen* yang dihasilkan responden, secara keseluruhan ayat tersebut membawa maksud yang tidak bertepatan dengan konteks iaitu *we got in Shah Alam*. Jika diperhatikan, walaupun *bekommen* dan *ankommen* terdiri daripada infinitif yang sama, namun kedua-dua kata kerja tersebut bukanlah tergolong dalam kata yang bersinonim. Untuk menghuraikan perbezaan tersebut, maka jadual (AKM) turut digunakan bagi memperlihatkan dengan lebih jelas fitur (+) dan (-) yang wujud antara kedua-duanya.

Ciri-ciri pembeza	<i>bekommen</i>	<i>ankommen</i>
mendapat	+	-
sampai / tiba	-	+

Walaupun *bekommen* dan *ankommen* secara jelas bukan tergolong dalam kata yang bersinonim, namun dalam situasi tertentu kedua-dua kata masih boleh bertukar ganti penggunaannya. Misalnya *Hast du die email bekommen?* (Did you receive / get the email?) atau *Ist mein email angekommen?* (Has my mail arrived?). Walaupun contoh tersebut memperlihatkan penggunaan KK *bekommen* dan *ankommen* yang saling boleh bertukar ganti, namun dalam situasi ini, kata yang didapati lebih sesuai dan menepati konteks makna sebenar adalah *ankommen*. Dalam konteks tersebut, KK *ankommen* tidak boleh ditukar ganti dengan *bekommen* kerana kedua-duanya jelas memperlihatkan makna yang berbeza antara satu sama lain. Justeru, dalam pembentukan ayat *Wir haben in Shah Alam bekommen*, KKTT *bekommen* perlu digantikan dengan padanan kata yang lebih tepat iaitu *ankommen* supaya ayat yang terhasil menjadi lebih jelas maknanya seperti *Wir haben*

in Shah Alam angekommen (We have arrived in Shah Alam). Seperti yang telah dijelaskan, *ankommen* (to arrive) ialah KKT yang perlu dipisahkan awalan kata dan infinitifnya apabila digunakan dalam ayat. Namun hal ini berbeza dalam ayat tersebut yang tidak memerlukan kata kerja *angekommen* dipisahkan kerana ia termasuk dalam kategori kata kerja *Perfekt* (perfect) iaitu perubahan kata kerja *Präsens* (present) *ankommen* (to arrive) kepada *angekommen* (to have arrived) dan kedudukannya adalah seperti yang dinyatakan dalam ayat.

4.5 Jumlah dan Peratusan Kata Kerja Yang Digunakan Beserta Padanannya dalam Pembentukan Ayat

Daripada penelitian yang telah dibuat ke atas skrip dialog, secara keseluruhannya sebanyak 27 kata kerja pelbagai kategori telah dianalisis untuk diteliti ketepatan penggunaannya dalam konteks ayat. Bagi memudahkan analisis, setiap kata kerja yang dianalisis dipaparkan seperti di dalam Jadual 4.3.


Jadual 4.3: Jumlah Ketepatan Padanan Kata Kerja Mengikut Kategori

Bil	Kata Kerja Yang Digunakan Mengikut Kategori	Padanan Kata Kerja Yang Sepatutnya Digunakan	Jumlah Ketepatan Padanan Kata Kerja Mengikut Kategori
1.	Kata Kerja Nalar	Kata Kerja Nalar	9
		Kata Kerja Tidak Nalar	3
		Kata Kerja Terpisah	3
2.	Kata Kerja Tidak Nalar	Kata Kerja Nalar	2

Jadual 4.3, sambungan: Jumlah Ketepatan Padanan Kata Kerja Mengikut Kategori


Bil	Kata Kerja Yang Digunakan Mengikut Kategori	Padanan Kata Kerja Yang Sepatutnya Digunakan	Jumlah Ketepatan Padanan Kata Kerja Mengikut Kategori
		Kata Kerja Tidak Nalar	1
		Kata Kerja Terpisah	2
3.	Kata Kerja Terpisah	Kata Kerja Nalar	3
		Kata Kerja Tidak Nalar	1
		Kata Kerja Terpisah	2
4.	Kata Kerja Tidak Terpisah	Kata Kerja Terpisah	1
		Jumlah	27

Berdasarkan Jadual 4.3, daripada keseluruhan jumlah ketepatan penggunaan kata kerja yang diperolehi, Kata Kerja Nalar (KKN) dilihat telah menyumbang penggunaan yang paling banyak di dalam ayat. Ini diikuti oleh Kata Kerja Terpisah (KKT), Kata Kerja Tidak Nalar (KKTN) dan Kata Kerja Tidak Terpisah (KKTT). Daripada keseluruhan jumlah kata kerja mengikut kategori, KKN menyumbang sebanyak 15 kata yang tidak menepati konteks makna. Ini diikuti oleh KKT 6, KKTN 5 dan KKTT 1. Secara rumusan, jumlah penggunaan kata kerja mengikut kategori adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Graf 4.4 berikut.



Graf 4.4: Jumlah Penggunaan Kata Kerja Mengikut Kategori

Berdasarkan peratus keseluruhan yang diperolehi, KKN dilihat telah menyumbang sebanyak 15 atau 55.6% iaitu jumlah tertinggi daripada keseluruhan penggunaan kata yang tidak menepati makna konteks. Daripada jumlah tersebut, 60% melibatkan padanan kata yang sepatutnya digunakan iaitu KKN, 20% KKTN dan 20% KKT. Ini diikuti oleh KKT sebanyak 6 atau 22.2%. Jumlah tersebut juga merangkumi padanan kata yang sepatutnya digunakan iaitu KKN 50%, KKTN 16.7% dan KKT 33.3%. Ini diikuti oleh KKTN iaitu sebanyak 5 atau 18.5% dan padanan kata yang sepatutnya digunakan ialah KKN 40%, KKTN 20% dan KKT 40% bagi tiap-tiap padanan kata yang sepatutnya digunakan. Bagi penggunaan yang melibatkan KKTT, jumlah yang tidak menepati makna konteks hanyalah 1 atau 3.7%. Secara rumusan, jumlah peratusan penggunaan kata kerja BJ yang diteliti mengikut kategori adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Carta 4.5.



Carta 4.5: Jumlah Peratusan Penggunaan Kata Kerja Mengikut Kategori

4.6 Kesimpulan

Secara keseluruhan, penggunaan kata kerja yang paling banyak ditemui tidak menepati makna konteks ialah Kata Kerja Nalar (KKN) manakala jumlah yang paling sedikit ialah Kata Kerja Tidak Terpisah (KKTT). Jumlah tersebut hanya mencerminkan bentuk yang digunakan responden dalam penulisan skrip dialog dan bukannya menunjukkan bentuk-bentuk kata kerja manakah yang lebih sukar. Bagi padanan kata yang sepatutnya digunakan, KKN juga dilihat menyumbang jumlah penggunaan yang paling banyak berbanding padanan kata kerja yang lain. Perbezaan jumlah penggunaan kata-kata kerja ini akan dibincangkan dalam bab akhir kajian untuk melihat hasil dapatan bagi setiap analisis yang dijalankan.

BAB 5

PERBINCANGAN DAPATAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.0 Pendahuluan

Kajian ini dilakukan untuk melihat ketepatan padanan kata kerja bahasa Jerman dalam pembentukan ayat. Daripada data yang diperoleh, pengkaji membuat analisis dan mendapati kajian memenuhi dua objektif utama iaitu meninjau ciri-ciri kesinoniman antara kata kerja yang digunakan dengan padanan kata kerja yang sepatutnya serta meninjau implikasi ketidakpadanan kata kerja yang digunakan ke atas pembentukan makna ayat bahasa Jerman.

5.1 Analisis Keseluruhan Ketepatan Padanan Kata Kerja Dalam Pembentukan Ayat Mengikut Kategori

Daripada analisis yang telah dibuat, hasil kajian menunjukkan bahawa rata-rata kata kerja yang digunakan responden tidak sepadan maknanya dengan kata dalam konteks sebenar. Daripada keseluruhan kategori kata kerja yang dianalisis, Kata Kerja Nalar (KKN) dilihat menyumbang jumlah tertinggi menggunakan kata yang tidak menepati makna konteks. Daripada 15 penggunaan KKN yang tidak menepati makna, sembilan (9) atau 60% melibatkan padanan kata yang sepatutnya digunakan yang juga tergolong dalam kategori yang sama iaitu KKN. Ini menunjukkan bahawa KK yang digunakan responden masih menepati kategori yang sepatutnya iaitu KKN walaupun dari sudut makna kata tersebut sama sekali tidak berpadanan dengan makna kata dalam konteks sebenar. Selain KKN, tiga (3) atau 20% padanan kata yang sepatutnya digunakan adalah melibatkan Kata Kerja Tidak

Nalar (KKTN) dan bakinya yang juga mempunyai jumlah yang sama dengan KKTN pula ialah Kata Kerja Terpisah (KKT). Secara rumusan, pembahagian peratusan bagi penggunaan KKN beserta padanan kata yang sepatutnya digunakan (mengikut kategori) adalah seperti berikut:

Jadual 5.1: Peratusan Penggunaan Kata Kerja Nalar (KKN) Beserta Padanan Kata Yang Sepatutnya Digunakan

KKN – KKN 60%	KKN – KKTN 20%	KKN – KKT 20%
1. <i>mieten - buchen</i>	1. <i>gehen - fahren</i>	1. <i>kommen - ankommen</i>
2. <i>lernen - studieren</i>	2. <i>beobachten - sehen</i>	2. <i>suchen - umsehen</i>
3. <i>wohnen - übernachten</i>	3. <i>brauchen - nehmen</i>	3. <i>kommen - hereinkommen</i>
4. <i>besuchen - gehen</i>		
5. <i>leiten - bringen</i>		
6. <i>gehen - bringen</i>		
7. <i>senden - schicken</i>		
8. <i>wohnen - kommen</i>		
9. <i>sagen - finden</i>		

Daripada keseluruhan padanan kata yang dinyatakan dalam Jadual 5.1, empat (4) daripada padanan tersebut mempunyai ciri-ciri kesinoniman yang bergantung kepada konteks iaitu kedua-dua kata seolah-olah menjadi sinonim dalam konteks tertentu (Palmer, 1989). Antara kata kerja yang dilihat bersinonim ialah (*lernen - studieren*), (*senden - schicken*), (*gehen -*

fahren) dan juga (*beobachten - sehen*) manakala lima (5) lagi melibatkan padanan kata yang bukan bersifat sinonim seperti (*mieten - buchen*), (*wohnen - übernachten*), (*leiten - bringen*), (*kommen – ankommen*) dan (*suchen - umsehen*). Bagi jumlah selebihnya, padanan yang ditemui termasuk juga dalam kata yang langsung tidak mempunyai perkaitan maksud seperti (*besuchen - gehen*), (*gehen - bringen*), (*wohnen - kommen*), (*sagen - finden*), (*brauchen - nehmen*) dan (*kommen - hereinkommen*).

Bagi kategori berikutnya, Kata Kerja Tidak Nalar (KKTN) dilihat telah menyumbang kepada jumlah penggunaan ketiga tertinggi selepas Kata Kerja Terpisah (KKT). Daripada lima (5) penemuan KKTN yang tidak bertepatan maknanya dengan konteks sebenar, dua (2) atau 40% daripadanya adalah melibatkan padanan kata yang sepatutnya digunakan iaitu KKN, satu (1) atau 20% KKTN dan selebihnya iaitu dua (2) atau 40% KKT. Seperti KKN, pembahagian jumlah peratusan ketepatan KKTN yang dianalisis beserta padanan kata yang sepatutnya digunakan (mengikut kategori) adalah seperti berikut:

Jadual 5.2: Peratusan Penggunaan Kata Kerja Tidak Nalar (KKTN) Beserta Padanan Kata Yang Sepatutnya Digunakan

KKTN – KKN 40%	KKTN – KKTN 20%	KKTN – KKT 40%
1. <i>sehen - gehen</i>	1. <i>sehen - treffen</i>	1. <i>nehmen - abholen</i>
2. <i>sprechen - erzählen</i>		2. <i>brechen - ausruhen</i>

Berdasarkan jumlah keseluruhan KKTN yang diteliti, dua (2) daripadanya adalah bersifat sinonim iaitu (*sprechen - erklären*) dan (*nehmen - abholen*) manakala jumlah selebihnya

termasuk dalam kata yang tidak memiliki ciri-ciri yang bersifat sinonim seperti (*sehen - treffen*), (*sehen - gehen*) dan (*brechen - ausruhen*). Seterusnya, Kata Kerja Terpisah (KKT) pula dilihat telah menyumbangkan sebanyak enam (6) penggunaan kata yang tidak bertepatan dengan konteks makna sebenar. Daripada jumlah tersebut, tiga (3) atau 50% melibatkan padanan yang sepatutnya digunakan iaitu KKN, satu (1) atau 17% KKTN dan dua (2) atau 33% KKT dan pembahagian setiap padanan tersebut adalah seperti berikut.

Jadual 5.3: Peratusan Penggunaan Kata Kerja Terpisah (KKT) Beserta Padanan Kata Yang Sepatutnya Digunakan

KKT – KKN 50%	KKT – KKTN 17%	KKT – KKT 33%
1. <i>spazieren gehen - gehen</i>	1. <i>aussehen - sehen</i>	1. <i>mitkommen - beitreten</i>
2. <i>anrufen - nennen</i>		2. <i>losgehen - weitergehen</i>
3. <i>mitbringen - bringen</i>		

Daripada keseluruhan jumlah penggunaan KKT beserta padanannya diperoleh, didapati dua (2) memiliki ciri-ciri sifat yang hampir sama / bersinonim iaitu (*spazieren gehen - gehen*) dan (*anrufen - nennen*) manakala empat (4) lagi adalah kata yang bukan bersifat sinonim iaitu (*mitbringen - bringen*), (*aussehen – sehen*), (*mitkommen - beitreten*) dan (*losgehen - weitergehen*). Bagi jumlah yang paling sedikit yakni yang melibatkan Kata Kerja Tidak Terpisah (KKTT) iaitu *bekommen - ankommen*, kata yang digunakan dilihat tidak memiliki ciri-ciri sinonim dengan padanan kata yang sepatutnya.

Berdasarkan jumlah keseluruhan ketepatan kata kerja yang dianalisis, maka jelaslah di sini bahawa penggunaan kata Kerja Nalar (KKN) dilihat paling banyak menimbulkan masalah kepada responden terutama dalam menentukan padanan kata yang sesuai untuk digunakan dalam konteks. Daripada jumlah yang diperoleh, didapati pemilihan kata yang dibuat oleh responden hampir-hampir menyamai makna kata sebenar namun berbeza dalam konteks penggunaan. Selain pemilihan kata yang memiliki makna yang hampir sama, terdapat juga kata kerja yang dipilih tidak mempunyai kaitan langsung dengan makna kata yang sepatutnya. Dalam hal ini, terdapat banyak faktor penyebab yang memungkinkan berlakunya kesukaran dalam memilih kata yang sesuai dan bertepatan dengan konteks.

Antaranya:

- (i) Gangguan daripada bahasa pertama (B1) atau bahasa kedua (B2) yang menjadikan responden terkeliru dalam memilih kata yang sesuai untuk digunakan kerana terdapat pelbagai padanan yang mungkin wujud dalam bahasa yang dipelajari iaitu bahasa ketiga / asing (B3) seperti *to live* dalam BI mempunyai pelbagai padanan dalam BJ iaitu *wohnen* dan *bleiben*.
- (ii) Pengaruh dalam proses pembelajaran bahasa seperti kurang memahami atau kurang mahir yang menurut Corder (1967) boleh dikaitkan dengan faktor kesilapan yang berlaku secara rambang dan tidak sistematik.
- (iii) Faktor di luar kemampuan linguistik seperti lupa, kelalaian dalam proses penerimaan pengajaran dan juga kekurangan latihan juga merupakan salah satu sebab yang mungkin menyebabkan pemilihan kata yang dibuat tidak bertepatan / tidak bersesuaian dengan konteks yang disampaikan.

5.2 Implikasi Ketidakpadanan Kata Kerja Yang Digunakan Ke Atas Pembentukan Makna Ayat Bahasa Jerman.

Seperti yang kita sedia maklum, pemilihan kata yang tepat amat penting dalam membantu menghasilkan sesebuah ayat yang dapat memenuhi kehendak maksud seperti yang diinginkan. Berdasarkan analisis, kesemua penggunaan kata kerja yang didapati tidak menepati konteks sedikit sebanyak telah menimbulkan pelbagai implikasi seperti:

a. *Ketidakjelasan Makna*

Makna memainkan peranan penting dalam menentukan penyampaian sesuatu mesej agar dapat difahami dengan jelas oleh pendengar / pembaca. Ketidakjelasan makna yang berlaku bukan hanya disebabkan oleh faktor-faktor seperti konjugasi atau susunan kata yang tidak tepat bahkan juga turut dipengaruhi oleh pemilihan katanya sama ada bersesuaian atau tidak dengan konteks yang disampaikan. Ketidaktepatan penggunaan salah satu golongan kata misalnya kata kerja boleh menyebabkan sesebuah penyampaian menjadi kurang jelas akibat kewujudan pelbagai maksud yang sekaligus boleh menimbulkan kekeliruan dan ketidakfahaman dalam kalangan pendengar / pembaca.

b. *Kurangnya keberkesanan dalam komunikasi*

Dalam komunikasi, apa yang menentukan kejayaan sesebuah maklumat dapat disampaikan dengan sempurna adalah kerana pemilihan katanya yang tepat disamping susunan ayat-ayat yang mengikut peraturan sebenar dalam sesuatu bahasa. Walaupun kesilapan yang dilakukan hanya melibatkan sepatah kata, namun ia sudah cukup untuk menjadikan komunikasi kurang lancar. Ini kerana, tahap kefahaman setiap pendengar / pembaca adalah berbeza dan keadaan ini boleh menimbulkan pelbagai andaian sekiranya makna dalam

sesebuah ayat yang disampaikan tidak dapat difahami dengan betul yang akhirnya akan disalahertikan oleh pendengar / pembaca. Kurangnya penelitian terhadap pemilihan setiap kata kerja juga secara tidak langsung akan mengurangkan lagi keberkesanannya penyampaian mesej akibat daripada ketidakfahaman dan kekeliruan yang timbul.

c. Kewujudan pelbagai makna dalam penyampaian

Dalam BJ, penghasilan maksud dalam sesebuah ayat amat dipengaruhi oleh pemilihan dan susun atur katanya yang dilakukan dengan betul dan tepat. Setiap pembentukan ayat BJ banyak dipengaruhi oleh sifat dan ciri kata kerja itu seperti bentuk kata yang digunakan, konjugasi serta kedudukannya yang sebenar di dalam ayat. Ketidaktepatan kata yang dipilih juga sedikit sebanyak akan menyebabkan wujudnya pelbagai makna yang mungkin memberikan pengertian yang berbeza mengikut tahap kefahaman pendengar.

5.3 Cadangan Mempertingkatkan Tahap Penguasaan Pelajar Dalam Pembelajaran Kata Kerja Bahasa Jerman

Salah satu isu dalam pembelajaran golongan kata terutama yang melibatkan kata kerja ialah perbezaan yang wujud antara makna kata yang terdapat dalam BI (bahasa sumber) dan juga padanannya dalam BJ (bahasa sasaran) yang sentiasa dilihat berubah bergantung kepada konteks yang disampaikan. Dalam kajian ini, masalah penggunaan kata kerja dalam kalangan responden yang dikesan secara jelas telah menunjukkan bahawa rata-rata mereka masih tidak berkeupayaan dalam menghasilkan ayat-ayat yang menepati makna konteks seperti yang dikehendaki. Ini kerana, pengetahuan tentang ciri-ciri berkaitan makna bagi

sesuatu kata yang diperoleh juga amat terbatas dan ini menyukarkan lagi responden dalam membuat pemilihan kata yang lebih tepat.

Dalam menguasai sesebuah kata kerja, aspek-aspek yang berkaitan seperti perubahan konjugasi kata dan juga kedudukannya dalam ayat perlu dikuasai oleh responden kerana aspek-aspek ini boleh mempengaruhi fungsi kata tersebut dalam menentukan makna sesebuah ayat yang dihasilkan. Sebagai langkah mengatasi permasalahan dalam pembelajaran kata kerja BJ terutama bagi kategori kata yang sukar dikuasai, maka beberapa cadangan dikemukakan seperti berikut:

1. Untuk membolehkan seseorang pelajar menguasai kata kerja BJ dengan baik, maka seelok-eloknya mereka diberi latihan yang lebih kerap iaitu latihan dalam bentuk membina aya-aya mudah menggunakan kata kerja yang telah dipelajari. Dalam proses pembinaan ayat-ayat tersebut, pelajar akan didedahkan dengan konjugasi dan juga bentuk-bentuk kata kerja yang berbeza seperti kata kerja terpisah / *trennbare Verben* yang jelas tidak wujud dalam bahasa sumber. Latihan yang berterusan amat penting bagi menjamin mutu penguasaan mereka sentiasa berada pada tahap yang lebih baik.
2. Selain memperbanyakkan latihan, para pelajar juga digalakkan untuk menyediakan senarai kata kerja yang telah dipelajari mengikut kategori atau tahap kesukaran bagi memudahkan mereka menghafal dan mengingati makna setiap kata tersebut di samping membuat rujukan kamus bagi mencari makna-makna lain yang berkaitan supaya tidak timbul kekeliruan dalam membuat pemilihan kata kelak.

3. Selain langkah-langkah yang dinyatakan, para guru dan tenaga pengajar bahasa Jerman juga disarankan untuk mengingatkan pelajar supaya tidak terlalu banyak membuat perbandingan antara bahasa Inggeris (BS) dan bahasa Jerman (BT) terutama apabila mencari sesuatu padanan kata yang sesuai. Hal ini kerana, perbezaan bentuk dan makna kata antara kedua-dua bahasa akan menghasilkan pelbagai corak frasa dan juga ayat. Pada tahap pengetahuan dan kemahiran yang mereka ada, para pelajar pasti akan berhadapan dengan kesukaran dan kekeliruan dalam mengaplikasikan semula apa yang diperoleh ke dalam bahasa yang mereka pelajari dan pada masa yang sama mereka akan menggunakan segala pengetahuan yang mereka ada untuk dipraktikkan mengikut bahasa pertuturan mereka.
4. Di samping itu, para guru dan tenaga pengajar juga perlu sentiasa menggalakkan pelajar mengaplikasikan semula semua kata kerja yang dipelajari semasa mempelajari struktur ayat secara terus-menerus supaya proses tersebut menjadi suatu kebiasaan dan tidak mendorong banyak masalah. Pelajar juga akan menjadi lebih mahir dan berhati-hati dalam memilih kata kerja yang sesuai di samping dapat mengenali lebih banyak bentuk-bentuk kata kerja BJ. Dengan ini, pemerolehan ilmu yang berkaitan dengan golongan kata kerja akan menjadi semakin luas dan pelajar akan dapat menguasainya dengan lebih cepat dan mudah.

5.4 Penutup

Kajian ini hanya menyentuh aspek penggunaan kata kerja bahasa Jerman oleh sebahagian pelajar dalam menghasilkan ayat-ayat mudah pada peringkat asas. Oleh kerana bilangan ayat yang dikaji begitu sedikit dan jumlah penggunaan kata kerjanya juga adalah terhad, maka hasil dapatan yang diperoleh mungkin tidak mencukupi untuk menilai tahap kemampuan sebenar pelajar dalam menguasai golongan kata tersebut. Justeru, dalam kajian-kajian seterusnya, diharap akan ada tumpuan baru dilakukan ke atas pelajar-pelajar khususnya kepada mereka yang mengambil jurusan bahasa asing (bahasa Jerman) bagi melihat dengan lebih dekat tahap penguasaan kata kerja mereka dengan membuat penganalisisan terhadap pelbagai jenis kata kerja dan jumlah kata yang lebih besar bagi mendapatkan hasil yang lebih banyak dan dapatan yang lebih memuaskan.

BIBLIOGRAFI

- Azman Wan Chik (1982). *Pengujian bahasa: Kes Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdullah Hassan (1986). *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Selangor: Fajar Bakti Sdn.Bhd
- Abdullah Hassan (1992). *Semantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ainon Mohd (1987). *Panduan Menterjemah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan (2008). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd
- Asmah Hj.Omar (1986). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Hj. Omar (2008). *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: Publishing Sdn.Bhd
- Abdul Hadi bin Abdullah (1998). *Kajian Makna dalam Penterjemahan*. Disertasi Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Abdullah Yusof, Alias Mohd Yatim & Mohd Ra'in Shaari (2009). *Semantik dan Pragmatik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn.Bhd
- Aini Hj.Karim (2008). *Teori Medan Makna: Pendeskripsi Leksikal Kata Kerja Dalam Bahasa Melayu*. dlm Nor Hashimah Jalaluddin dan Rusmadi Baharudin (ed). *Leksikologi dan Leksikografi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Baker, M. (1992). *In other words: A Coursebook on Translation*. London: Routledge

Bloomfield, L. (1992). *Bahasa*. Alias Mahpol, Kamaruzaman Mahayiddin dan Noor Ein Mohd Nor (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Bell, Roger T. (1991). *Translation and Translating Theory and Practice*. London: Longman

Chomrie, Bernard (1998). *Ensaiklopedia Bahasa Utama Dunia* (Aishah Mohd.ed). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Chew Fong Peng (2011). *Kesalahan dalam Terjemahan Bahasa Melayu-Bahasa Mandarin di kalangan Penuntut UiTM, Shah Alam*. Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Corder, S.P. (1967). “The Significance of Learners Errors”, dlm.IRAL (*International Review of Applied Linguistics*), Vol.5/4, hlm.161-170

Collin Cobuild Advanced Learner’s English Dictionary (2009). Heinle Cengage Learning, USA: HarperCollins Publishers

Catford, J.C. (1996). *Teori Linguistik Bagi Penterjemahan*. Uma A/P Iyavoo dan Koh Chung Gaik (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Duden Bedeutungswörterbuch. (1985). *Wortbildung und Wortschatz*. Mannheim: Dudenverlag

Duden Sinn-und sachverwandte Wörter. (1986). Mannheim: Dudenverlag

De Saussure, F. (1974). *Pengantar Linguistik Umum*. Ajid Che Kob (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Fillmore, C.J. (1966). *Deictic categories in the semantics of “come”*. *Foundations of language*. Cambridge: Cambridge University Press

Funk, H., Kuhn, C. & Demme, S. (2005). *Studio d A1: Deutsch als Fremdsprache* (7th ed.). Berlin: Colnelsen Verlag

Goh, Y.S. & Azman, C.M. (2010). *Panduan Strategi Belajar Bahasa Asing: Khusus untuk Pelajar-pelajar Bahasa Mandarin dan Bahasa Arab*. UiTM Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA)

Goh Sang Seong (2011). *Penterjemahan Kata Kerja Bahasa Cina-Bahasa Melayu: Satu Analisis Ketepatan Makna Padanan*. GEMA Online™ Journal of Language Studies Volume 11(1) 35-36. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia

Hungerford, H. (1970). *English Linguistics: An Introductory Reader*. United States: Scott, Foreman and Company

Hueber Wörterbuch (2006). *Deutsch als Fremdsprache*. Deutschland: Max Hueber Verlag

Hannapel & Melenk (1979). *Alltagssprache: Semantische Grundbegriffe und Analysebeispiele*. München: Wilhelm Fink

Indirawati Zahid & Fatmawati Sidik (2012). *analisis komponen makna kata kerja dalam slogan iklan produk kecantikan muka*. Jurnal Bahasa, Jilid 12 Bil 2. Akademi Pengajian Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Jamian bin Mohamad (2000). *Analisis Kesilapan Penggunaan Kata Kerja Dalam Bahasa Portugis di Kalangan Pelajar Universiti Malaya*. Disertasi Sarjana Fakulti Bahasa & Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Kempson, R.M. (1977). *Semantic Theory*. London: Cambridge University Press

Krashen, S.D. (1981). *Second Language Acquisition and Second Language Learning*. Oxford: Pergamon

Kamarudin Hj.Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz (1988). *Kaedah Mengajar Bahasa Melayu*. Serdang: Universiti Putra Malaysia

Kamus Dewan Edisi Keempat (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Kempson, R.M. (1991). *Teori Semantik*. Zainab Ab.Rahman (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Katz, J. & Fodor, J (1968). *The Structure of a Semantic Theory*. New York: Prentice-Hall

Larson, Mildred L (2003). *Translating secondary functions of grammatical structure*. SIL International Publications in Linguistics. Dallas: SIL International and University of Texas at Arlington

Lyons, J. (1969). *Introduction to Theoretical Linguistics*. London: Cambridge University Press

Lyons, J. (1977). *Semantics*. Cambridge: Cambridge University Press

Lyons, J. (1994). *Bahasa, Makna dan Konteks*. Zahrah Abd.Ghafur (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Loebner, S. (2002). *Understanding semantics*. London: Arnold and Oxford University Press

Larson, Mildred L. (1984). *Meaning-based translation: a guide to cross-language equivalence*. Lanham (Md): University Press of America

Langenscheidt's Standard German Dictionary (1993). Berlin and München: Langenscheidts

Mashudi Kader & Low Bee Eng (1992). *Padanan Kata Depan dan Kata Sandang*. Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Md.Noh Nyata (1994). *Jarak Linguistik dalam Pembelajaran Bahasa Jerman di ITM*. Dalam Language Reporter. Shah Alam: Pusat Bahasa ITM

Mariam et.al (2006). *Permasalahan yang Dihadapi oleh Pelajar-pelajar UiTM Peringkat Ijazah dalam Pembelajaran Bahasa Jepun sebagai Bahasa Ketiga*. Laporan Penyelidikan, IRDC UiTM

Maslida Yusof, Rahim Aman, Karim Harun, Shahidi Hamid & Sa'adiah Ma'alip (2010). *Perkaitan Semantik Kata Kerja Bahasa Banjar Kuala: Satu Analisis Varian Kuin, Banjarmasin*. Jurnal Melayu (5) 2010: 87-102. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Nida, E.A. (1964). *Towards a science of Translating*. Leiden: E.J Brill

Newmark, P. (1981). *Pendekatan Penterjemahan*. Zainab Ahmad & Zaiton Abd.Rahman (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Nor Hashimah, Intan Safinaz & Imran Ho (2014). *Analisis Frame Semantics Untuk Makna dan Padanan Kamus Dwibahasa Melayu-Inggeris: Entri Kata Kerja ‘Mengambil’*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Nur Inayah Yushar (2012). *Pemilihan Kata Yang Tepat*. Makalah Bahasa Indonesia, Ilmu Komunikasi Fakultas Dakwah dan Komunikasi. Makassar: Universitas Islam Negeri Alauddin

Nik Safiah Karim et al, (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Hj.Musa (1989). *Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Naimah bt.Abdullah (2003). *Analisis Sintaksis Bahasa Arab dan Implikasi Kesilapannya Ke Atas Makna*. Tesis Ijazah Doktoral Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Nathesan, S. (2008). *Makna dalam Bahasa Melayu Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Norsimah Mat Awal & Nur Liyana Zulkifli (2012). *Analisis Semantik Kata Kerja Gerak dan Campak Dalam Dialek Negeri Sembilan*. Jurnal Linguistik, Jilid 16. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Oxford German Dictionary: German - English, English – German (2006). Oxford: Oxford University Press

Palmer, F.R (1989). *Semantik*. Abdullah Hassan (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Parera, Jos. Daniel (1986). *Pendekatan, Konsep dan Teori Pengajaran Bahasa*. Jakarta: Penerbit Erlangga

Robe'ah Yusuf (2005). *Strategi Komunikasi dalam Pembelajaran Bahasa Jerman*: Satu kajian kes. Disertasi Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Sarinah Sharif (2001). *Padanan Terjemahan Kata Nama: Kes Daripada Dua Buah Novel Jepun*. Disertasi Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Salihah Ab.Patah (2004). *Analisis Komponen Makna Deria Dalam Bahasa Melayu*. Disertasi Sarjana Pendidikan Fakulti Bahasa: Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris

Wittgenstein, L. (1953). *Philosophical Investigations*. Oxford: Blackwell

Wittgenstein, L. (1958). *Philosophical Investigations Second edition*. Oxford: Blackwell

Zubaidah Ibrahim dan rakan (2006). *Kajian Bahasa dan Terjemahan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

<http://www.tutor.com.my/tutor/stpm/semantik.htm> (2013)

<http://blogs.transparent.com/german/key-german-weak-verbs> (2103)

http://www.vistawide.com/german/common_german_beginner_mistakes.htm (2013)

<http://www.deutsched.com/Grammar/Lessons/0107separableverbs.php> (2013)